

Bil. 31

**Isnin
8 Mei 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(P):

- Merujuk Ahli Yang Berhormat Bagi Jasin Kepada
Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 (Halaman 3)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selangor) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA

25. Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP

63. Yang Berhormat Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO

100. Yang Berhormat Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 8 Mei 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(P)

**MERUJUK AHLI YANG BERHORMAT BAGI JASIN KEPADA
JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Saya merujuk kepada Peraturan 26(1) yang berbunyi:

"26(1) Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:"

ialah saya sebut (p) yang berbunyi:

"26(1)(p) usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku;"

Dan usul yang saya mahu kemukakan Tuan Yang di-Pertua, yang berbunyi:

"Bahawa di bawah Peraturan 26(1)(p) Dewan ini merujuk Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Jasin Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk menyiasat sama ada terdapat pelanggaran hak keistimewaan mengenai laporan *New Straits Times* dan Berita Harian pada 4 Mei 2006 mengenai kelakuannya menyeru Jabatan Kastam dan Eksais tutup satu mata dalam kes kayu balak gergaji di Melaka; dan

Kedua, sama ada beliau telah melanggar Peraturan Mesyuarat 35(6) yang tidak menerangkan faedah kewangan dirinya apabila berucap dalam perbahasan Perbekalan Tambahan 2005 mengenai Ketua Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais, Datuk Abdul Rahman Hamid pada 2 Mei 2006."

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 26(1)(p) yang berbunyi bahawa, "*usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku*", kejadian itu berlaku adalah ditafsirkan dalam Dewan yang mulia ini dalam *Erskine May*, dalam semua Parlimen Komanwel ialah "*at the first available opportunity*" dan pagi ini ialah *first available opportunity* oleh sebab sehingga sekarang baru kita tahu bahawa Yang Berhormat yang tersabit ialah Yang Berhormat bagi Jasin, itulah *first available opportunity*.

Kedua, isu ini sudah pun diberi liputan yang seluas-luasnya, perkara ini bersabit dengan keistimewaan, *credibility*, kewibawaan Parlimen ini sama ada kita serius dalam isu integriti institusi Parlimen, dan juga sama ada kita serius mengenai *first world, first class mentality* dan juga prinsip kedua Islam Hadhari mengenai pemerintahan yang telus dan adil (*transparent and just governance*).

Saya rasa ini bukan mengatakan bahawa Yang Berhormat salah atau tidak salah, ini terpulang kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan kalau ini pun kita enggan berbuat begitu tentulah tradisi nama baik kedudukan Parlimen akan terjunam, dan tentu apa yang kita putuskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengadakan satu *first class mentality*, nampaknya bertentangan. Saya harap kita boleh bersetuju di atas prinsip *parliamentarian* untuk merujuk ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini menolak usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum lagi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ketua Pembangkang memainkan peranan mengusulkan usul-usul yang tidak relevan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya disetujukan dulu, disokong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak perlu dipersetujukan lagi. Tolak awal-awal, Tuan Yang di-Pertua!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya sokong usul ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab usul ini tidak ada *relevancy* terhadap perilaku seorang wakil rakyat.. [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tunggu dulu, baru cakap. Nanti. Sabar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak perlu disokong lagi. Tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu. Duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak perlu sokong, sokong. Tolak terus.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak perlu bahas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dulu. Saya belum buat keputusan mengenai perkara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang dikemukakan tadi bercadang hendak merujukkan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Jasin kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas perkara-perkara dan sebab-sebab yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tidak payah saya ulangkan sekali lagi.

Beliau membuat usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Peruntukan 26(1)(p) adalah usul tanpa notis yang di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) hendaklah bercorak usul berkaitan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku. Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudahan tanpa notis ini, iaitu kemudahan untuk membawa usul tanpa notis ini diberi dengan syarat bahawa kejadian yang berkaitan itu berlaku semasa usul itu dibuat ataupun seketika sebelum usul itu dibuat.

Apa yang berlaku di sini bahawa perkara yang dikatakan telah berlaku itu telah berlaku jikalau ia berlaku, telah berlaku, saya difahamkan pada bulan April - nun jauh pada bulan April sana dan berlaku nun jauh di Melaka, Sungai Rambai. Bukan di Sungai Linggi, Sungai Rambai. Oleh itu, kejadian ini berlaku bukan semasa usul itu dibuat ataupun seketika sebelum usul itu dibuat, maka saya dengan ini menolak usul itu. [Tepuk] Dibawa untuk dipertimbangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin sendiri kata dia bersetuju dirujuk kepada Jawatankuasa ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Biarlah autoriti yang buat andaian, bukan you yang buat keputusan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: *[Bangun dan menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Biarlah pihak berkuasa yang membuat keputusan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan. Kita patuh kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua. Soal keputusan... *[Disampuk]* ...kena hormatlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hormat keputusan Dewan. *You* kata hormat Dewan, ini hari *you* tak hormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong diam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.13 pagi.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat,

Latar Belakang -

Pada 18 Januari 2005, Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan menetapkan dasar dan kawal selia mengenai perkhidmatan bekalan air di semua negeri kecuali di negeri Sabah dan Sarawak. Pindaan Perlembagaan juga memberi laluan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan kerangka perundangan bagi menyediakan persekitaran

kawal selia yang kondusif bagi pembangunan industri perkhidmatan air yang boleh diuruskan secara holistik, lebih efisien serta menjadikannya sebuah industri yang berdaya maju dan mapan dalam jangka masa panjang.

Penstrukturan baru ini adalah untuk memastikan pengguna mendapat bekalan air yang bukan sahaja berkualiti malah selamat untuk digunakan. Memandangkan bekalan air bersih merupakan keperluan dan hak asasi individual, pembaharuan yang dibuat akan menitikberatkan kepentingan pengguna. Ini adalah bagi memastikan pengguna sentiasa mendapat faedah yang setimpal daripada pembangunan industri perkhidmatan air serta memperoleh perkhidmatan yang mampu dibayar.

Struktur industri air ini akan memastikan keupayaan kekal (*sustainability*) industri ini untuk generasi akan datang dapat menikmati *access* kepada bekalan air bersih dan alam sekitar yang terpelihara. Di samping itu penglibatan kerajaan Persekutuan juga bertujuan mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan negeri berkaitan sektor perkhidmatan bekalan air termasuklah:

- (a) **Pengurusan air negeri-negeri yang kurang berkesan.** Kebanyakan negeri tidak mempunyai badan kawal selia yang khusus dan jika ada pun badan tersebut kurang berkesan. Antara lain keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan rejim penanda arasnya (*bench marking*) atau petunjuk prestasi utama *Key Performance Indicators* (KPI). Walaupun terdapat negeri-negeri yang telah menswastakan perkhidmatan bekalan air masing-masing tingkatan atau *modus operandi* yang diamalkan adalah berbeza-beza. Sebagai contoh negeri Selangor dan Johor memilih untuk mengasingkan aktiviti rawatan dan pengagihan dan kaedah penswastakan yang tidak *holistic* ini telah menimbulkan masalah ketidakseimbangan dari segi pulangan untuk operator-operator berkenaan.
- (b) **Kos pembangunan perkhidmatan air yang tinggi.** Industri perkhidmatan air memerlukan perbelanjaan modal (*CAPEX*) yang tinggi bukan sahaja untuk membina kemudahan baru tetapi juga untuk membaik pulih kemudahan sedia ada bagi memastikan bekalan air yang mencukupi serta berkualiti. Negeri-negeri bukan sahaja tidak mampu menyediakan *CAPEX* yang mencukupi malahan terdapat beberapa negeri di mana hasil tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan operasi (*OPEX*). Perkara ini diburukkan lagi dengan ketiadaan mekanisme pembiayaan jangka panjang dengan kadar faedah yang rendah. Bagi negeri-negeri yang telah menswastakan keseluruhan sektor bekalan air pula mereka bergantung sepenuhnya kepada pinjaman bank. Lazimnya pihak operator menanggung kos pembayaran yang tinggi kerana pihak bank mengenakan tempoh bayaran balik pinjaman yang singkat ditambah pula dengan kadar faedah yang agak tinggi. Keadaan ini menyebabkan pihak operator terpaksa mengenakan kadar pembelian air secara pukal atau *bulk supply rate* (*BSR*) yang tinggi.
- (c) **Beban hutang kerajaan negeri yang tinggi.** Pada masa ini keseluruhan hutang kerajaan-kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM7.6 bilion pada 31 Disember 2004. Beban hutang ini akan bertambah jika keadaan ini dibiarkan berterusan. Kerajaan negeri tidak berupaya untuk menjadikan perkhidmatan air sebuah industri yang berdaya maju disebabkan beberapa faktor termasuk terikat dengan konsesi penswastakan yang membebankan kerajaan negeri.
- (d) **Perbezaan kadar takrif air yang sangat ketara antara negeri.** Perbezaan kadar takrif air yang ketara antara negeri

membayangkan struktur kos dan prestasi industri bekalan air yang berbeza. Salah satu sebab keadaan ini terjadi ialah kerana kerajaan negeri menggunakan mekanisme dan prinsip penetapan kadar takrif yang berbeza.

- (e) **Kadar Non-Revenue Water (NRW) yang tinggi.** Kadar air tidak berhasil (*Non-Revenue Water – NRW*) yang tinggi menyebabkan kurangnya hasil yang dapat dikutip oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ini berpunca daripada banyak sebab termasuk ketidakupayaan kerajaan-kerajaan negeri menyediakan CAPEX yang mencukupi bagi menggantikan paip-paip usang, masalah kecurian air di sesetengah negeri serta masalah peng'bil'an dan pengutipan. Pengurusan perkhidmatan bekalan air pada masa sekarang tidak digabungkan dengan perkhidmatan pembedung. Keadaan ini tidak mendorong pengurusan perkhidmatan bekalan air yang mapan serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dari infrastruktur. Ini juga telah menimbulkan masalah kos rawatan air yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, menyedari akan pentingnya perkhidmatan pembedung kepada kesihatan awam dan alam sekitar khususnya kos rawatan bekalan air Kerajaan Persekutuan mula menyediakan peruntukan bagi sektor ini di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Dalam usaha Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki perkhidmatan pembedung sedia ada masih terdapat masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor ini seperti berikut:

- (a) **Keperluan CAPEX yang tinggi.** Kebanyakan sistem pembedung awam yang diambilalih dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semasa perkhidmatan pembedung diserapkan kepada kerajaan Persekutuan pada tahun 1994 berada dalam keadaan kurang sempurna kerana masalah penyenggaraan oleh PBT. Oleh itu sehingga hari ini terdapat sejumlah 4,632 loji rawatan pembedung perlu dibaik pulih untuk memenuhi piawaiian pelepasan *effluent* yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Untuk membangunkan perkhidmatan pembedung kerajaan Persekutuan memerlukan peruntukan yang tinggi untuk tujuan ini. Kajian mengenai pembangunan perkhidmatan pembedung bagi seluruh negara mendapati peruntukan sejumlah RM2.19 bilion diperlukan bagi memperbaiki serta membangunkan sistem pembedung yang sedia ada. Dari jumlah tersebut RM17.3 bilion diperlukan untuk tempoh 30 tahun bagi membangunkan sistem pembedung wilayah dan RM4.6 bilion untuk kerja-kerja membaik pulih semua 4,632 loji-loji rawatan pembedung sedia ada.
- (b) **Kurang kesedaran masyarakat kepada nilai perkhidmatan pembedung.** Masalah yang dihadapi oleh sektor pembedung ialah keengganan pengguna untuk membayar bil-bil perkhidmatan pembedung di mana di dapati bahawa 30% daripada pengguna sedia ada tidak menjelaskan bil mereka. Keengganan ini berpunca daripada persepsi masyarakat bahawa perkhidmatan ini tidak boleh dinilai oleh kerana ia tidak dapat dilihat. Ini juga menyebabkan 65% tangki-tangki septik individual yang sedia ada tidak dinyah enap cemar atau '*dislodge*'.
- (c) **Kadar takrif perkhidmatan pembedung yang rendah.** Takrif yang sedia ada adalah sangat rendah dan tidak dapat menampung kos operasi dan senggaraan sistem pembedung awam. Keadaan ini menjadi bertambah rumit kerana masih ramai pengguna yang enggan menjelaskan bil perkhidmatan

pembetulan RM2 sebulan rumah kos rendah dan RM8 sebulan rumah biasa. Oleh yang demikian, Indah Water Konsortium (IWK) syarikat milik penuh kerajaan yang menjadi operator perkhidmatan pembetulan terpaksa bergantung kepada subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk terus beroperasi. Jumlah subsidi yang disalurkan kepada IWK pada tahun 2004 berjumlah RM50 juta dan untuk tahun 2005 berjumlah RM120 juta. Pembaharuan di dalam industri perkhidmatan bekalan air pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah di dalam industri bekalan air dan pembetulan seperti di atas memerlukan satu pembaharuan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan industri perkhidmatan bekalan air dan pembetulan. Empat bidang telah dikenal pasti sebagai asas untuk transformasi dalam sektor industri air dan pembetulan iaitu:

- (a) **Penubuhan satu Suruhanjaya yang berkesan.** Pada masa sekarang kawal selia dijalankan secara berasingan oleh negeri-negeri. Keadaan ini menyebabkan wujudnya kawal selia yang berbeza antara negeri, tidak bebas, kurang berkesan dan tidak menyeluruh. Dengan adanya Suruhanjaya di peringkat Persekutuan kawal selia yang lebih menyeluruh dan berkesan dari aspek ekonomi, teknikal, kualiti perkhidmatan, pelesenan dan penguatkuasaan dan sebagainya dapat dikuatkuasakan ke atas operator perkhidmatan air.
- (b) **Pengawasan dan kawalan yang mantap ke atas prestasi perkhidmatan bekalan air dan pembetulan.** Badan kawal selia di peringkat Persekutuan akan memantau prestasi operator-operator perkhidmatan bekalan air dan pembetulan supaya lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Pengawasan dan kawalan prestasi operator-operator juga membolehkan kerajaan memupuk amalan kawal selia berasaskan perbandingan atau *comparative regulation* di mana prestasi operator-operator akan dibandingkan antara sama lain.
- (c) **Struktur industri yang berdaya saing (competitive).** Bagi membentuk industri air dan pembetulan yang berdaya saing dan mapan struktur industri perkhidmatan air melalui pendekatan *holistic* yang merangkumi keseluruhan rangkaian nilai atau *value chain* perlu dibangunkan. Melalui pendekatan ini usaha kementerian untuk meningkatkan kecekapan industri perkhidmatan air dapat dicapai.
- (d) **Ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air dan pembetulan.** Aspek penting yang perlu ditangani ialah ketelusan operator-operator perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan dalam penentuan takrif tatacara perolehan dan tender rancangan perniagaan *business plan*, keperluan *CAPEX* dan *OPEX*. Aspek-aspek ini akan dapat ditangani secara lebih berkesan oleh sebuah badan kawal selia di peringkat nasional. Kerajaan Persekutuan juga telah menubuhkan Pengurusan Aset Air Sendiri Berhad (PAASB) atau dengan izin *Water Asset Management Company* (WAMCo) iaitu syarikat milik penuh Kementerian Kewangan diperbadankan untuk membiayai pembinaan infrastruktur perkhidmatan bekalan air kecuali empangan. Melalui cara ini pihak operator tidak dibebankan dengan obligasi untuk membangunkan aset bekalan air *asset slide* sebaliknya dapat menumpukan perhatian kepada aspek operasi dan penyenggaraan sahaja.

Saya percaya bahawa langkah-langkah pembaharuan ke atas sektor bekalan air dan pembedaan yang dinyatakan di atas dapat dijalankan dengan jayanya terutama untuk menangani dua masalah utama industri perkhidmatan air iaitu kekangan pembiayaan dan kecekapan.

Dalam konteks perkongsian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri yang telah diperuntukkan dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan. Terdapat *hierarchy* tadbir urus yang baik, *good governance* untuk memantau pengurusan di setiap peringkat, tanggungjawab serta skop *hierarchy* yang telah ditekankan adalah seperti berikut:-

- (a) Kerajaan Persekutuan yang akan bertanggungjawab berkaitan dengan hal-hal dasar khususnya bagi membentuk dasar perkhidmatan air secara *holistic*;
- (b) Majlis Sumber Air Negara (MSAN) bertanggungjawab dalam hal-hal berkenaan dengan hubungan antara negeri mengenai air bagi memastikan terdapat kerjasama di antara pihak kerajaan negeri bagi perkongsian sumber air serta pemindahan air antara negeri. Kerajaan Negeri bertanggungjawab ke atas hal-hal berkenaan kawasan empangan dari sumber air khususnya untuk pemuliharaan kualiti air mentah dari kawasan tadahan;
- (c) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawal seliaan industri perkhidmatan air untuk mencapai matlamat dasar kebangsaan. Berasaskan kepada keperluan untuk menstruktur semula atau transformasi industri perkhidmatan air dan juga menetapkan peranan *hierarchy-hierarchy* tadbir urus yang baik maka Kerajaan Persekutuan mengambil langkah menggubal dua rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan sedar bahawa penyelesaian kepada masalah-masalah yang membelenggu Industri Perkhidmatan Air Negara perlu dicari dengan segera. Oleh itu, ingin saya tegaskan bahawa Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air telah digubal dengan mengambil kira kesemua keperluan dan prasyarat yang dapat menyokong dan mewujudkan sebuah Industri Perkhidmatan Air Negara yang mapan dan berdaya maju pada masa hadapan demi kebaikan semua pihak. Formula ke arah pembedaan sebuah Industri Perkhidmatan Air Negara yang mapan dan berdaya maju jelas digariskan di dalam sepuluh matlamat Dasar Kebangsaan Industri Perkhidmatan Air Negara seperti berikut:-

- (a) mewujudkan satu struktur perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan yang telus dan bersepadu untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkesan dan cekap kepada pengguna;
- (b) memastikan bekalan air yang tersedia ada dan berkekalan untuk jangka masa panjang termasuk pemuliharaan air;
- (c) menyumbang kepada kekekalan alur air dan kawasan tadahan air;
- (d) memudahkan kemajuan persaingan untuk mengelakkan ekonomi dan kecekapan dalam industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan;
- (e) menubuhkan satu persekitaran pengawalseliaan yang memulihkan kekekalan, keupayaan kewangan antara pengendali industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan bagi jangka masa panjang;

- (f) mengawal selia untuk faedah pengguna bagi jangka masa panjang;
- (g) mengawal selia tarif dan memastikan penyediaan perkhidmatan yang berpatutan atas asas ekuiti;
- (h) meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran melalui pengurusan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan yang berkesan dan cekap;
- (i) menubuhkan satu sistem kepertanggungjawaban dan pengelolaan antara pengendali industri, perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan;
- (j) mengawal selia keadaan selamat dan keselamatan sistem bekalan air dan sistem pembedungan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air digubal bertujuan untuk memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk menetapkan hala tuju, dasar dan kerangka *regulatory* untuk Industri Perkhidmatan Air Negara yang meliputi kedua-dua sektor bekalan air dan pembedungan. Rang undang-undang ini digubal berteraskan prinsip-prinsip ketelusan, keefisienan, akauntabiliti serta keperluan untuk mewujudkan mekanisme *check and balance* terutama ke atas kuasa menteri. Kebanyakan kuasa menteri di dalam rang undang-undang ini hanya boleh dilaksanakan atas syor Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan bagi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan negara ia memerlukan kelulusan jemaah menteri.

Kandungan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air ini terbahagi kepada 13 bahagian dan 193 fasal seperti berikut:-

BAHAGIAN I -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 1 hingga 3 yang menyentuh mengenai pemakaian rang undang-undang terhad kepada Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Ianya juga memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan ke atas sistem dan perkhidmatan bekalan air dan sistem perkhidmatan pembedungan.

BAHAGIAN II -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 4 sehingga Fasal 28 adalah berkaitan dengan keperluan pelesenan di mana dua jenis lesen akan dikeluarkan iaitu lesen individual dan lesen kelas. Bahagian ini juga memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi untuk mengeluarkan lesen dengan syor Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk meluluskan pemberian kedua-dua jenis lesen.

BAHAGIAN III -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 29 sehingga 44 memperincikan tanggungjawab dan kewajipan pemegang-pemegang lesen yang menyegerakan sistem bekalan air dan pembedungan serta memberikan perkhidmatan bekalan air dan pembedungan.

BAHAGIAN IV -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 45 sehingga 67 memperincikan sistem dan perkhidmatan bekalan air serta sistem dan perkhidmatan pembedungan dan berkait dengan orang awam.

BAHAGIAN V -

Bahagian ini yang terdiri daripada Fasal 68 sehingga 83 menyentuh mengenai kerangka perlindungan pengguna penyelesaian pertikaian siasatan termasuk penubuhan forum industri iaitu forum air.

BAHAGIAN VI -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 84 hingga 90 menyentuh mengenai kadar caj dan deposit termasuk kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga Air dan Komunikasi dengan syor Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk membuat peraturan mengenai kadar perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan.

BAHAGIAN VII -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 91 sehingga 107 memperincikan mengenai penubuhan sebuah tribunal rayuan bebas. Untuk mendengar rayuan terhadap keputusan tertentu yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya.

BAHAGIAN VIII -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 108 hingga 110 menyentuh mengenai pemindahan hak milik perniagaan oleh pemegang-pemegang lesen di mana keizinan mengenainya perlu diperolehi terlebih dahulu daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga Air dan Komunikasi bagi memastikan pelaksanaan dan pengendalian pemegang lesen tidak terjejas atau tersentuh secara mudaratnya.

BAHAGIAN IX -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 111 sehingga 120 menyentuh mengenai kuasa yang diberikan kepada Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi untuk mengarahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi mengambil alih kawalan dan pengurusan operasi pemegang lesen atas kepentingan negara atau awam.

BAHAGIAN X -

Bahagian ini yang terdiri daripada Fasal 121 hingga 131 memperincikan antaranya mengenai kesalahan-kesalahan am dan penalti.

BAHAGIAN XI -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 132 sehingga 170 menyentuh mengenai kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk membuat penguatkuasaan dan pengumpulan maklumat.

BAHAGIAN XII -

Bahagian ini terdiri daripada Fasal 171 sehingga 184 adalah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan am termasuk penubuhan Kumpulan Wang Industri Air dan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan yang akan dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

BAHAGIAN XIII -

- a) bahagian ini terdiri daripada Fasal 185 sehingga 193 menyentuh mengenai pemansuhan dan peruntukan peralihan termasuk prosedur peralihan daripada rejim kawal selia sedia ada kepada rejim kawal selia yang baru di bawah akta yang dicadangkan. Secara ringkasnya bidang-bidang utama kawal selia yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air termasuklah:-
- b) kawal selia ekonomi, *economic regulations*, peruntukan-peruntukan yang diliputi di bawah peraturan ekonomi ialah pelesenan, keperluan operator-operator menyediakan maklumat termasuk maklumat kewangan dan aliran tunai. Perkhidmatan bekalan air, perkhidmatan pembedungan, sistem bekalan air serta sistem pembedungan;
- c) kawal selia teknikal, *technical regulations*. Peruntukan-peruntukan yang termasuk di bawah peraturan ini termasuklah

- piawaian prestasi dan teknikal bagi operator-operator perkhidmatan air serta permit dan persijilan untuk kontraktor;
- d) perlindungan pengguna, *consumer protection*. Peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah perlindungan pengguna ialah kualiti perkhidmatan mekanisme penyelesaian masalah-masalah pengguna serta penetapan kadar tarif;
 - e) kawal selia sosial, *social regulations*. Antara peruntukan yang diliputi di bawah peraturan ini ialah penubuhan dana iaitu kumpulan wang industri air dan kumpulan wang sumbangan modal pembedungan serta pembentukan forum air.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian saya sentiasa prihatin dan sedar bahawa air adalah keperluan asas bagi semua penduduk Malaysia. Oleh itu, semasa di peringkat awal hingga ke peringkat akhir penggubalan rang undang-undang ini, kementerian ini telah mengadakan 42 sesi taklimat, seminar dan bengkel untuk mendapatkan pandangan cadangan dari buah fikiran daripada pelbagai pihak yang berkepentingan dalam sektor air seperti kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan bukan kerajaan, NGO, persatuan-persatuan pengguna, pihak operator bekalan air dan pembedungan dan lain-lain pihak untuk memastikan rang undang-undang ini benar-benar komprehensif.

Malah, Mesyuarat Jemaah Menteri juga bersetuju supaya rang undang-undang ini dibentangkan untuk komen orang ramai melalui sesi perundingan awam yang telah dijalankan dari 7 November tahun 2005 sehingga 10 Mac tahun 2006 sebelum rang undang-undang ini dibentangkan untuk bacaan pertama di Dewan yang mulia ini, pada 10 April tahun 2006 yang lalu. Ini membuktikan kesungguhan dan keprihatinan kerajaan bahawa sebelum sesuatu dasar atau sebarang tindakan diambil, kerajaan tidak pernah membelakangkan kepentingan semua pihak terutamanya yang melibatkan kepentingan rakyat.

Sukacita ingin saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang IPA yang berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat semua telah dikemas kini setelah mengambil kira maklumat balas yang diterima dalam sesi perundingan awam yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, fasal-fasal penting Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air. Sebelum rang undang-undang ini dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya untuk menjelaskan mengenai fasal-fasal penting seperti berikut:

- (a) Fasal 5 - kuasa menteri untuk mengecualikan daripada kehendak bagi lesen individu. Terdapat kebimbangan akan wujud salah guna kuasa oleh menteri di dalam memberikan pengecualian kepada mana-mana pihak daripada kehendak lesen individu.

Izinkan saya jelaskan di sini, bahawa fasal ini adalah perlu untuk mengecualikan sistem-sistem bekalan air dan pembedungan tertutup di kawasan pedalaman yang dioperasikan oleh orang-orang kampung daripada dilesenkan di bawah Akta IPA. Tambahan pula, kuasa menteri di dalam peruntukan ini adalah tidak mutlak. Dalam kes memberikan pengecualian daripada kehendak lesen individu, menteri hanya akan mengambil tindakan ini setelah meneliti syor aspek;

- (b) Fasal 70 - fungsi forum air. Terdapat kebimbangan dari kalangan persatuan-persatuan pengguna oleh badan-badan bukan kerajaan berkaitan penggunaan perkataan "badan industri" dalam Fasal 69(1) yang membawa masuk bahawa forum air berkecenderungan mewakili kepentingan pihak industri dan bukannya kepentingan pihak pengguna.

Ingin saya jelaskan bahawa, fungsi forum air yang digariskan di bawah fasal ini adalah sangat jelas iaitu

memelihara dan memperjuangkan kepentingan pengguna. Malah, sebelum membuat sebarang keputusan, termasuklah yang berkaitan dengan tarif air, ia perlu mengambil kira pandangan forum air dengan sewajarnya. Ini adalah bagi memastikan maklum balas dan syor-syor berkenaan kepentingan pengguna di dalam forum air diberi pertimbangan yang sewajarnya, memandangkan sebarang keputusan yang diambil terutamanya berkaitan dengan tarif air akan diberikan kesan langsung kepada mereka.

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan sebarang kekeliruan dan kebimbangan yang timbul, Kementerian telah bersetuju untuk mengeluarkan perkataan badan industri daripada draf asal dan juga telah dibuat ke atas fasal ini bagi membolehkan keanggotaan forum air terbuka kepada semua pihak yang tidak kepada pihak-pihak tertentu sahaja;

- (c) Fasal 89 2(a) - pemotongan bekalan air kerana kegagalan menjelaskan bil air. Terdapat cadangan supaya peruntukan mengenai pemotongan bekalan air dengan tempoh 14 hari kerana kegagalan membayar bil air dikaji semula. Setelah mengambil kira bahawa air merupakan keperluan asas, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan bersetuju agar tempoh pemotongan bekalan air kerana kegagalan membayar bil dinaikkan kepada 30 hari setelah bil dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, tujuan fasal ini bukanlah untuk mendapatkan kembali tunggakan hutang pelanggan-pelanggan IWK. IWK akan terus berusaha untuk mengutip hutang-hutang tersebut melalui proses yang sewajarnya.

- (d) Fasal 114 - tindakan menteri berkenaan dengan pemegang lesen demi kepentingan negara. Mengenai kebimbangan akan penyalahgunaan kuasa menteri dalam melaksanakan fasa ini, adalah juga pihak yang berpendapat bahawa kuasa menteri adalah mutlak. Memandangkan bekalan air adalah merupakan keperluan asas bagi setiap orang, ingin saya menekankan di sini, bahawa fasal ini adalah sangat penting dan perlu bagi memastikan bekalan air secara berterusan kepada pengguna.

Sekiranya pemegang lesen didapati gagal untuk menunaikan obligasinya bagi membekalkan air bersih kepada pengguna, tindakan serta-merta perlu diambil bagi memastikan bekalan air tidak terjejas. Walau bagaimanapun, menteri hanya boleh menguatkuasakan peruntukan ini setelah mendapat persetujuan dari Kerajaan Persekutuan, ialah Jemaah Menteri;

- (e) Fasal 171 - Kumpulan Wang Industri Air. Bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam perlindungan dan pemuliharaan alur air kawasan tadahan air, rang undang-undang ini memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Industri Air dan sumbangan kepada kumpulan wang ini diperolehi daripada pemegang-pemegang lesen;
- (f) Fasal 100 - 91 rundingan semula Perjanjian Konsesi. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penswastaan perkhidmatan bekalan air di sesetengah negeri didapati tidak mampu mencapai kekekalan sistem liabiliti untuk jangka masa panjang dan perlu ditangani terutamanya yang melibatkan kenaikan tarif secara automatik. Oleh itu, Perjanjian Konsesi

perlu dirunding semula bagi memastikan semua pihak termasuk pengguna mendapat manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan tempoh peralihan. Bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan negeri, badan yang telah dikorporatkan atau swasta tidak terganggu. Rang undang-undang ini telah mengambil kira proses peralihan kepada rejim *regulatory* yang baru secara licin dan teratur.

Fasal-fasal yang berkaitan adalah Fasal 188, 189 dan 190. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerjasama daripada semua kerajaan negeri adalah perlu bagi memastikan kejayaan penstrukturan semula industri perkhidmatan air serta kelancaran penguatkuasaan rang undang-undang ini.

Sehubungan dengan ini, kementerian ingin memohon kerjasama dari pada semua kerajaan negeri untuk mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan kelicinan pelaksanaan kedua-dua rang undang-undang ini apabila ianya dikuatkuasakan kelak:

- (i) mengambil langkah-langkah untuk mengkorporatkan pihak berkuasa air negeri;
- (ii) memasukkan atau meminda Enakmen Air Negeri agar selari dengan Rang Undang-undang IPA dan SPAN;
- (iii) menumpukan badan kawal selia di peringkat negeri untuk mengawal selia kawalan tadahan dan sumber air. Saya yakin bahawa rang undang-undang ini mampu memberi hala tuju dan dasar kepada pembentukan sebuah industri perkhidmatan air negara yang berdaya maju dan mapan demi keperluan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat serta kepentingan generasi akan datang.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan buah fikiran dan cadangan dalam proses penggubalan rang undang-undang ini demi memastikan ianya benar-benar komprehensif dan menepati hasrat dan kepentingan semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan dan bagi perkara-perkara yang berkesampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Ipoh Barat.

10.57 pagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, air adalah satu isu berkaitan dengan kehidupan manusia di dunia ini. Pada pagi ini, Yang Berhormat Menteri telah memberi beberapa alasan-alasan untuk membawa rang undang-undang ini sebagai satu kawal selia berkaitan dengan air. Tetapi, sebelum saya mula berhujah apa yang telah diberitahu dan telah saya baca dan telah di maklum, adakah Yang Berhormat Menteri dan saya telah difahamkan, Ahli Parlimen telah diberi surat-surat oleh *Pollution Against Water Privatization*. Satu surat terbuka kepada semua Ahli Parlimen, di mana ia, pada hari ini kita ada Charles Santiago di sini. Di antara faktor-faktor dan akan dengan teliti, adakah Yang Berhormat Menteri ada surat tersebut? Jika tidak, saya boleh memberi surat tersebut kepada Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: *[Membuat bising]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh, boleh. Mungkin Yang Berhormat perlu membaca, meneliti dan faham. Apakah alasan-alasan yang ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Ucapankah?

Seorang Ahli: Ucapanlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... berkaitan dengan ...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terus cakaplah. Saya sudah baca. Saya akan jawab bila saya jawab selepas Yang Berhormat nanti.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat minta saya fahamkah tidak faham. Saya minta dia faham atau tidak faham apa yang kandungan di dalam surat itu. Nanti saya akan jawab. *Alright?* Terus.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh. Saya bukan sahaja faham Yang Berhormat Menteri. Saya juga telah membawa satu usul untuk meminda beberapa fasal-fasal dalam akta ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:... dan rang undang-undang ini menunjukkan bahawa saya bukan sahaja faham, saya arif dalam beberapa perkara yang berkaitan.

Beberapa Ahli: Ooh! [*Dewan gamat seketika*]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, itu saya pun sudah ada. Jangan ganggu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dalam *committee stage*, you boleh bangkit. Saya akan jawab. Fasal dengan fasal.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, terima kasih. Tetapi dengan polisi ini. Ini adalah surat terbuka kepada semua Ahli Parlimen.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini sangat mustahak, berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya membahaskan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa ini orang hendak kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya cuma hendak tanya menteri, saya hendak bahaskan rang undang-undang ini. Tidak payahlah hendak bergaduh dengan menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi sayalah. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, itu pada hari ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia cuma hendak bahaskan menteri. Saya hendak bahaskan dengan lebih mudah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sudah beri *open letter* itu kepada Menteri, baru dia terima.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tolong baca Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada awal-awal hari ini, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan satu kawal selia dan satu kawal selia yang kondusif dan merupakan satu sistem holistik dan akan membuat satu *sustainability* kepada sistem perairan di negara ini.

Adakah ini benar, saya kata ini bukan sahaja tidak benar tetapi satu-satu tipu helah oleh kerajaan. Kenapa saya berkata dan apakah asas saya. Ini adalah satu langkah dengan izin, saya baca '*the greed late....*' Rang undang-undang ini yang dicadangkan oleh kerajaan kerana ia akan menggadaikan generasi muda, generasi yang akan datang.

Ia akan membuka ruangan, memberi ruangan kepada pihak-pihak dari negara lain untuk memperoleh sektor air di negara ini. Adakah ini yang kita mahu, adakah ini yang kita mahu. Mesti Sri Gading, mungkin setuju kepada saya..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa kita semua kayu ke?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau bukan kayu, cakap setuju kepada saya, kita tidak akan menggadaikan perkara ini. Tak, tak cakap, tak berani cakap, kerana Menteri ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri juga telah mengatakan negeri-negeri kurang berkesan yang perlukan satu *benchmark* KPI. Tetapi, kita mahu tahu bukankah kita ada *state government* lebih, kita telah merdeka lebih dari 50 tahun. Takkan Yang Berhormat Menteri dan kerajaan tidak tahu bahawa ada sesuatu yang tidak baik yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan negeri atau tidak, apakah kawal selia oleh kerajaan, apakah yang dibuat oleh kerajaan.

Semua kerajaan negeri melainkan Kerajaan Kelantan adalah di tangan Kerajaan Barisan Nasional. Apakah arahan tertentu, kenapa baru bangun, 49 tahun tidur, baru bangun cakap kawal selia perlu membawa pembaharuan. Adakah ini benar? Tidak benar dan menteri juga telah mengatakan "oh, kerajaan-kerajaan negeri yang mengendalikan air telah meminjam banyak dari bank-bank". Betulkah Yang Berhormat Menteri? Setakat kuantumnya, betul. Tetapi, Yang Berhormat Menteri dengan sengaja tidak memberitahu adalah di mana rakyat tiap-tiap negeri juga membayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan. Kenapa cukai-cukai itu tidak menggunakan untuk mengurangkan tidak penghutangan ini. Bukankah kewajipan Kerajaan Persekutuan itu diabaikan dengan izin, *hidden a way from reality and discussion* kerana menteri juga mengatakan bahawa kerajaan-kerajaan negeri berhutang 7.6 bilion setakat 31 Disember, betul.

Saya tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua. Mari kita siasat 7.6 bilion berbeza dengan 10 bilion baru-baru kerajaan beri kepada PUTRA dan LRT dan lain-lain. Dalam tempoh lima, tahun 10 bilion diagihkan kepada syarikat-syarikat ini, tetapi hutang kerajaan negeri hanya 7.6 bilion dalam 49 tahun ini. 10 peratus sahaja tempoh masa, dalam tempoh masa 10 peratus, dalam tempoh lima tahun kerajaan boleh bagi 10 bilion kepada PUTRA, LRT dan lain-lain.

Apakah asasnya, sangat berbeza. Apakah ini boleh diterima, inikah satu asas untuk kerajaan mengawal selia semua sektor perairan di negara ini. Juga menteri telah mengatakan ada banyak beza tarif di seluruh negeri-negeri. Ini bukan satu perkara yang

baru. Kita tahu, tarif-tarif yang beza bukan sahaja untuk industri dan penggunaan pengguna-pengguna. Tetapi orang ramai di negara ini beza sangat di antara Pulau Pinang dan negeri Selangor di antara Perak dan Johor. Tetapi, apakah kerajaan Barisan Nasional telah buat dalam tempoh 49 tahun ini.

Tidak menyeragamkan semua tarif ini, dalam perkara ini juga kerajaan dan menteri tidak usaha dengan baik. Itulah sebab *Coalition Against Water Privatization* telah pergi ke kawasan Yang Berhormat Menteri, Beruas di Air Tawar, Pangkalan Baru, di Pantai Remis, di Beruas dan di kampung-kampung di sana dan memberi risalah-risalah termasuk surat kepada Yang Berhormat Menteri yang belum baca kepada semua pengundi-pengundi dan pemilih-pemilih di kawasan Beruas. Apabila mendapat *feedback-feedback* daripada mereka, mereka harian. Menteri cakap satu di kawasan beliau dan buat satu di Parlimen. Ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri tidak lagi *on the ground*. Sebab itu, sebab penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dia dengar yang dia cakap, dia tak ada bukti apa yang telah dicakap, hanya dengar satu pihak dan dia keluar dalam Dewan yang mulia ini seperti ini adalah janji ini, janji itu. *Come on, you now better than that. You don't know, then you shut up.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tengok, perkataan-perkataan yang tidak boleh diterima. *A bit of a very low standard argument* Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Puchong, Puchong perlu kerusi dia dari, dari Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, apa dia cakap *low standard*, tinggi saya lebih tinggi, umur lebih, saya pun lebih umur dia. Apa standard dia cakap, dia, dia kena hormat sikitlah. Kalau dia tak hormat orang, orang tak hormatkan..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya hormat kepada *argument* yang sedang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ya, you gunakan..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:tetapi *argument-argument* tidak benar..

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tolong gunakan *argument* yang ia tinggal sikit dan jangan gunakan *argument* yang mana you dengar dari pihak..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan satu pihak sahaja, kita dengar berbilang-banyak pihak..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Termasuk-termasuk dari yang disebarkan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri telah mengatakan juga Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, telah mengadakan sesi, bengkel, seminar dan mendapat pendapat daripada beberapa organisasi termasuk Ahli-ahli Parlimen, termasuk kakitangan kerajaan dan *civil society* dan juga satu sesi dengan pembangkang. Tetapi, Yang Berhormat yang tidak cakap kalau pun dalam tempoh ini dari 7 hari bulan sebelas hingga 10 hari bulan Mac, 2006. Walaupun telah mendapat pandangan dan input-input dari berbagai-bagai pihak.

Lebih daripada 50 sesi telah diadakan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak cakap dalam Dewan ini adalah *civil society* termasuk dan terutama sekali *Coalition Against Water Privatization* telah membuat lebih daripada 350, 350 syor-syor dalam perkara ini. Rang undang-undang yang dibawa ke Dewan Rakyat hari ini. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri telah hanya menggunakan tiga dari cadangan tersebut dan satu di antaranya adalah cadangan di mana cadangan penuh Tuan Yang di-Pertua, telah digunakan Yang Berhormat Menteri tapi sayangnya dia telah menyeleweng dan telah menipu masyarakat umum.

Saya baca Tuan Yang di-Pertua, iaitu di huraian, di huraian nombor dua matlamat dasar kebangsaan bagi industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan

adalah dikaji. Ini adalah perkara yang disyorkan oleh *civil society* Tuan Yang di-Pertua, tapi sayangnya beliau kata dalam perbincangan dengan *civil society* dan mengadakan bengkel-bengkel dengan beberapa pihak telah mengatakan ini akan dimasukkan dalam Rang Undang-undang dan telah memberitahu dan maklumkan kepada masyarakat umum bahawa ini telah pun dimasukkan. Tapi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu penipuan kerana ini tidak ada dalam Rang Undang-undang tetapi hanya dalam huraian. Kenapa? Bila *Coalition Against Water Privatization* mengadakan satu sesi bengkel dengan kita.

Peguam-peguam kita telah membawa perhatian bahawa kementerian telah menyeleweng, telah menipu dan tidak memasukkan apa yang mereka janjikan kepada *preamble* dalam rang undang-undang ini. Ini adalah satu tipu helah, satu yang sangat tak pernah jadi pada pandangan atau pengetahuan kita. Itulah sebab Yang Berhormat Tanjung membawa satu cadangan pindaan untuk memasukkan *preamble* ini dalam rang undang-undang ini. Apa terjadi kepada 347 syor-syor yang lain. Kenapa Yang Berhormat Menteri tidak senaraikan semua itu yang boleh dan telah dipertimbangkan oleh Menteri yang sangat sibuk sekarang baca surat yang saya bagi sebelum ini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya baca ini, dia punya surat ke, dia buta ke.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan marahlah....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ini orang tak marah pun marahlah..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu you tukar surat-tukar surat dari rang undang-undang.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ini, ini dia punya surat ke..

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, duduk, duduk.

Seorang Ahli: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ini dia main politik di dalam ini atas sesuatu perkara yang sangat serius, dia main politik. Ini Yang Berhormat main politik, dia tahu main politik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya menafikan sekeras-kerasnya apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat mengenai bahawa matlamat 'Masar' Kebangsaan bagi industri perkhidmatan air dan perkhidmatan pembedungan adalah tidak termasuk. Sebagai contoh isi (a) menyumbang kepada kekekalan alur air dan kawasan tadahan air.

Bukan ke tadi Yang Berhormat Menteri telah baca bahawa satu tanah industri air telah akan diwujudkan supaya negeri-negeri yang tertentu dapat *okey*, untuk memulihkan atau pun memelihara kawasan tadahan air ini. Ini satu. Contoh lain ialah mengenai memastikan pengairan yang sedia ada dan berkekalan untuk jangka masa panjang termasuk pembinaan air. Bukankah satu rangka struktur yang telah dicadangkan dalam rang undang-undang ini bahawa satu orang kata satu pengurusan *holistic* kepada semua negeri kecuali Sabah dan Sarawak ini tidak termasuk dalam rang undang-undang ini supaya kadar air tarif air di masa depan, kualiti air dapat dipulihkan yang lebih baik daripada masa sekarang ini. Apakah pandangan Yang Berhormat ini. Bukankah ini satu bukti yang jelas sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak jelas langsunglah, Puchong ni tak faham. Dia bukannya..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tak tadi, Yang Berhormat tadi kata bahawa ini tidak termasuk.. tetapi saya bagi bukti tapi you tak boleh terima..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia,dia ,dia, dia ,dia satu di antara ...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tadi kata Yang Berhormat satu..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ..asasnya..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Asasnya tidak ada. Kenapa Yang Berhormat Menteri perlu pergi beritahu kepada civil society, "*dont worry I have taken into account. I am not like other ministers*" dia kata, dia kata sedemikian Tuan Yang di-Pertua, katakan saya bukan macam lain orang, saya "*I will leave a legacy*", saya akan datang kepada "*legacy*" Yang Berhormat Menteri terus dari Beruas saya akan bawa dan, dan saya akan kata saya akan tunjukkan kenapa ini tidak perkara yang dikatakan seperti kawan supporter dari Gerakan Ahli Parlimen Puchong. Kalau tak support kepada menteri, habislah kan....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tarak, *the moment better* kita bincang secara terbuka..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini betul kan?..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:saya bagi bukti, mengapa Yang Berhormat tidak boleh terima bukti kaya. Saya telah bagi bukti bahawa industri dari satu dana industri air telah dibolehkan untuk membantu negeri-negeri tertentu..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bukan ini termasuk Tuan Yang di-Pertua, ini..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak, tidak..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apakah penjelasan Yang Berhormat..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:tidak termasuk *attitude holistic* dan apa yang dikatakan oleh dan apa yang Yang Berhormat Menteri itu ..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Jangan dengar satu pihak sahaja..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak, tidak ... saya satu jaminan yang diberi oleh menteri, ini Ahli Parlimen tak perlulah dia boleh bahas, mungkin kalau berani dia boleh bahas masa tu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat dia sebutkan sesuatu yang mana dia sendiri tidak ada. Saya boleh kata, saya boleh buat jaminan di mana dengan daya upaya, daya upaya saya cuba taruk dan ubah yang mana yang boleh.

Kalau tidak boleh seperti apa mereka banyak janjikan di dalam kita akan menjualkan kepentingan kita untuk syarikat asing. Saya bagi tahu, mereka yang minta daripada saya. Tolong check dengan Kementerian Industri dan MITI, saya sudah *check* dengan MITI, MITI cakap kita tidak buat apa persetujuan atas rundingan gas untuk membukakan air kepada orang asing. Dia cakap dia takutkan, kalau kata gas ini gas itu dia tidak pergi. MITI yang bertanggungjawab dan menasihatkan kepada saya apa MITI yang sudah buat keputusan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya ikut dan beliau keluarkan ini ambil umur orang 10 tahun, 9 tahun, anak ini anak itu, jangan mainlah. Saya sudah lawan dengan Badan Bukan Kerajaan seluruh dunia. Dalam lima belas tahun saya sudah lawan. Saya tahu apa dalam otak dia. You jangan pusing memusing seperti DAP sekarang, *don't twist the facts. I was there, you were not there* dengan izin. *I was there and you were not there. You listen to me or you listen to yourself. I'm fed up, pusing-pusing....*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *I listen to your voices. All over... present*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bagi saya tipu orang, mana tipu orang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya?.....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: You ada sanakah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini boleh Yang Berhormat berani.....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: ... pergi mana minta dia duduk sini cakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: membenarkan dia sebagai seorang *stranger* dari Peraturan Mesyuarat untuk bincang di sini?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: *You* lepaskan *you* punya kerusi bagi dialah.
[Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sudah lepaskan kerusi apa?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Pandai, bagi dialah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menteri, mengenai MITI, saya akan masuk dalam *debate* tersebut.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Jangan. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh terima *criticism*, tetapi bila dia orang pusing memusing *and twist the facts*, and jadikan saya tidak boleh tahan. Saya akan lawan balik dan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari *Back Bencher* akan sokong saya lawan balik. Yakah?

Beberapa Ahli: Ya. [Sambil bersorak]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, saya tidak hairan langsung mereka akan sokong kepada Yang Berhormat Menteri. Lebih-lebih lagi Ahli Parlimen-ahli Parlimen Gerakan. Jika mereka tidak sokong, dia tidak dapat kerusi balik, tidak dapat *seats*. Kita semua tahu. Tetapi saya berani berdebat dengan Yang Berhormat Menteri dengan asas-asas yang tertentu. Di antara adalah MITI yang di mana Yang Berhormat Menteri tidak faham.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, debat boleh *debate*. Jangan keluarkan saya tipu, saya itu, saya ini. Mana saya, you duduk sini sebagai seorang Ahli Parlimen yang di dalam Dewan yang mulia ini. saya pun tidak boleh tahan dengan sikap dia. Potong perkataan 'dia', sikap 'beliau' seperti Yang Berhormat. Jangan you gunakan perkataan....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:..... tipu ini tipu itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: saya faham.....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:..... yang mana you tidak ada....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Sampuk]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: I hendak marah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya faham pasal apa dia marah, kerana saya telah pergi ke kawasan dia. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ucapan... kerana saya membawa perkara-perkara berkaitan yang telah dibangkitkan oleh warga-warga di kawasan beliau.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua. dia telah pergi kawasan saya. Pilihan raya akan datang Yang Berhormat pergi Beruas, jangan cakap banyak, you ingat you pandai. Pergi Beruas.

Beberapa Ahli: Dia takut-dia takut.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dia mesti takut punya, dia pandai cakap. Mari Beruaslah. Pandai.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Behind, behind.* Jangan lupa apa yang menteri pernah kata kenapa kita perlu bagi gaji minimum kepada pegawai-pegawai.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Jawablah, jawab. Sanggup pergi Beruas atau tidak? Jawablah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu kampung saya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kalau kampung, pergilah. Kalau kampung di sana, kenapa duduk di Ipoh Barat? Jawablah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sambutlah cabaran Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia cakap dia tidak akan tanding.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ... perbahasanlah teruskanlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengenai tiga anak-anak Malaysia yang dinamakan di sini, Saleha, Geetha, dan Wai Ling. Ini adalah harapan negara kepada mereka pada keesokan hari. Kita punya generasi akan datang, itulah sebab nama-nama mereka dan umur-umur mereka digunakan dalam detail surat kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada Ahli-ahli Parlimen. Bukan satu untuk mempermainkan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak dalam seminar-seminar yang diadakan. Saya difahamkan walaupun seminar-seminar telah diadakan hingga 10 Mac 06, rang undang-undang ini telah digubal lebih awal dari ini, pada hujung tahun dahulu dan permulaan awal tahun ini rang undang-undang ini telah digubal. Menteri hanya mengadakan seminar-seminar dengan NGO-NGO dan lain-lain badan hanya untuk menenteramkan hati-hati mereka.

Tetapi oleh kerana desakan-desakan Kerajaan Barisan Nasional terhadap menteri supaya kita membuat seberapa cepat yang boleh untuk menswastakan semua sektor air. Itulah desakan yang utama dan pertama yang mustahak untuk menteri untuk membawa rang undang-undang ini, bukan untuk kawal selia, bukan untuk *holistic approach* yang dikatakan. Tuan Yang di-Pertua, saya masuk ke faktor-faktor yang berkaitan penuh dengan akta ini. Rang Undang-undang Air merupakan satu langkah mundur bagi Malaysia. Dua Rang Undang-undang Air akan menjejaskan kedaulatan negara kita.

Ia tidak akan memberi perlindungan yang tertinggi kepada pengguna dan tidak berkaitan dengan pengurusan kawasan tadahan air, pengambilan air di hulu sungai dan kilang pemulihan air.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan ke apa?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Betulkah? Sekejap...sekejap.....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dia gunakan komputer. Dia baca dari komputer, barangkali ada orang di luar tulis ucapan bagi dia, dia baca, bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, bolehlah.....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kalau tulis di luar, dia baca di sini. Bukan dia punya pandangan, ada orang luar punya pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia buat nota.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bolehkah, saya tahu, saya Menteri Komunikasi, saya tahu apa boleh buat dalam sana. Dia boleh baca ucapan yang disiapkan oleh orang

luar. Dia tidak ada otak sendiri, tidak ada pandangan sendiri. Dia baca orang punya semua, itu orang pun sudah lari. Bolehkah Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ... melalui....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: You baca satu ucapan barangkali ucapan disediakan melalui internet oleh orang luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat tahukah.... itu. Dia tidak ada otak sendiri, dia tidak ada pandangan sendiri hanya baca apa yang disediakan oleh orang luar. Apa ini, *this is third class* punya *opposition*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya belum mula lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya bagi penjelasan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak minta sama ada ini ucapan dihantar....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya jawab, saya jawab. Nombor satu, saya ada buat perbahasan saya dalam bahasa Inggeris. Saya tidak fasih sangat dalam bahasa Melayu. Saya telah menghantarkan ucapan saya kepada satu pihak untuk diterjemahkan semua dalam bahasa Melayu. Saya adalah di antara orang-orang yang keluar dari sekolah dahulu, sekolah Melayu dahulu yang sedikit beza dalam bahasa Melayu. Saya selalu khuatir dan gunakan pakar dalam hal ini. Saya bukan macam menteri, saya boleh bahas *till the cows come home* hari ini. Saya berani kerana saya semalam pun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tutuplah komputer, cakaplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh tetapi saya hendak dengan asas. Perkara-perkara yang....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Till the horses come home* also saya boleh bahas.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya boleh pilih *camel* pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya mahu *dragon*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat, lembu kudakah apa kambing tidak payah sebut, ini bukan zoo.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tengok standard menteri. Dia takut Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak takut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia bukan, takut kerana apabila saya bahas dengan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bukan masalah takut, tidak takutlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:statistik-statistik dengan kadar-kadar dengan perkara-perkara yang betul-betul, *figure-figure* yang betul dia khuatir. Dia hari ini sangat sakit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sakit tidak sakit Yang Berhormat.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Beliau sakit apabila saya melihat kawasan beliau. Saya sendiri melawat kawasan beliau. Dia tahu, dia tahu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kalau Yang Berhormat kata orang kawasan ... benci saya, tolong sebut di sini Yang Berhormat akan datang ke kawasan Beruas pada pilihan raya akan datang. Dia ingat dia pandai. Tolong sebut sinilah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sendiri pergi ke kawasan Beruas.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dahulu mahu pergi Sungai Siput.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tidak beranilah datang Beruas.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Sri Gading mahu tolong sama diakah?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Cakaplah berani atau tidak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan tolong orang ini, dia

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mesti tolong, saya punya Menteri apa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Besok tidak ada harapan untuk menjadi Presiden Gerakan.

Seorang Ahli: BN mesti tolong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawablah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawablah....

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Hello, cepatlah jangan buang masa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sudah pergi ke kawasan itu, dekat kampung saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan nanti saya hadkan masa sepuluh minit.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh, kalau Yang Berhormat hendak hadkan masa.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Jangan buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apabila saya berucap menteri kacau macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Siapa kacau?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kacaulah Yang Berhormat, dia cuma minta penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yakah, apabila saya tanya soalan, saya kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, you teruskan ucapan.

Dato' Loke Yuen Yow [Tanjung Malim]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tambahan pula ia akan mengenakan kos sebanyak RM100 bilion.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, menteri pun hendak keluar, rehat. Yang Berhormat teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan takut, jangan cabar. Cabar....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Lawan, lawan, lawan....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tidak mahu dengar. Kalau dia seorang *latest...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau cabar, tidak boleh.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mahu dengar tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri hendak beri penjelasan untuk Yang Berhormat teruskan ucapan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Asalkan dia baca ini, sudah cukup. Dia faham.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya pergi tandas pun minta izin dari diakah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini telekomunikasi punya hal. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya hendak pergi pun minta izin dari diakah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bangun sebab saya mahu keluar, sebab saya aiyoo tidak boleh tahan lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mahu hisap rokoklah di luar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat menteri hendak keluar, boleh keluar.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Boleh?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh. *[Ketawa]* Dengar apa yang saya hendak cakap. Tetapi kalau hendak keluar, bolehlah. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, jangan nanti saya hadkan masa 10 minit, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tambahan pula ia akan mengenakan kos sebanyak RM100 bilion kepada rakyat Malaysia tanpa sebarang jaminan untuk menggunakan air yang selamat dan boleh ditanggung dalam kualiti yang memadai. Bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh Menteri, sektor air Malaysia mengaut keuntungan tinggi. Lembaga Air Perak mendapatkan keuntungan sebanyak RM50 juta, Negeri Pulau Pinang RM50 juta, Terengganu RM77 juta dan Kelantan berjuta-juta juga. Oleh yang demikian, air merupakan satu sektor yang menguntungkan dan rang undang-undang membenarkan penswastaan secara pintu belakang. Jika minyak merupakan barang berharga pada abad ke 20, maka air merupakan barang berharga pada abad ke 21.

Pada masa hadapan air akan digunakan sebagai perjanjian perdagangan dan pelaburan antarabangsa untuk mengawal pengalirannya. Tuan Yang di-Pertua, dikatakan air adalah *blue gold* pada masa ini dan pada masa akan datang. Jika menteri adalah serius untuk tidak menswastakan air menjadikannya satu undang-undang dan banyak masalah akan diselesaikan. Malaysia bercita-cita untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Tetapi kerajaannya tidak dapat menjamin air merupakan satu hak rakyatnya di terima di seluruh dunia. Air merupakan keperluan asas dan hak asasi manusia. Banyak negara di dunia termasuk Belanda dan Uruguay telah membolehkan Parlimen mereka menjamin air disediakan oleh negara dan penswastakan adalah tidak sah dari segi undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa kedua-dua negara ini ada undang-undang yang tertentu dalam undang-undang mereka bahawa bukan sahaja tidak boleh diswastakan air, tetapi jika apa-apa diswastakan itu adalah bertentangan *illegal under the law*.

Kenapa ia tidak boleh dibuat terus dalam rang undang-undang kita? Semua agama mengutamakan kepentingan air sebagai pemberi hidup. Agama-agama ini menekankan bahawa air tidak boleh dilihat sebagai satu komoditi dan disediakan berdasarkan asas komersial. Air merupakan hadiah daripada Tuhan dan harus dikongsi oleh semua orang. Ia bukan satu barangan yang dicipta oleh manusia. 75% daripada badan manusia ialah air, ia merupakan satu bukti bidang perubatan dan sains bahawa air adalah penting untuk nyawa dan kehidupan sihat. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menyatakan, penggunaan air di Malaysia yang diperindustrikan dengan cepat telah meningkat 8% setahun di antara tahun 1981 dan 2001.

Penggunaan-penggunaan air akan meningkat sebanyak 4% di antara tahun 2003 dan 2010. Selain itu sumber air yang segar akan menjadi kritikal akibat daripada perubahan desa kepada kota, pembasmian hutan, pengaliran air dan bahan pembuangan industri dan penternakan industri ke dalam sungai. Sebenarnya IKIM juga menyatakan bahawa Islam memberi kualiti yang paling suci kepada air. Ia merupakan sumber nyawa dan kesucian. Jika air diswastakan yang diperuntukkan oleh Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006, maka air akan diberi kepada mereka yang berkeupayaan untuk membayarnya. Oleh itu orang awam perlu membelanjakan wang yang lebih dan menderita akibat dari kenaikan kos kehidupan mereka.

Malaysia merancang untuk membelanjakan RM100 bilion Tuan Yang di-Pertua, iaitu setengah daripada kos Rancangan Malaysia Kesembilan dalam jangka masa 45 tahun yang akan datang untuk membina infrastruktur dan membaharui sektor pembekalan air dan sistem pembedungan.

Sektor air dan sistem pembedungan telah diabaikan oleh kerajaan dalam kegagalan mereka untuk melabur, menjaga dan mengekalkan infrastruktur air dan sistem pembedungan mengikut waktu yang tertentu. Tambahan pula rang undang-undang itu mempunyai kecacatan sehingga tidak dapat mengatasi masalah asas dalam sektor air dan sistem pembedungan.

Oleh yang demikian, masalah-masalah dalam sektor air dan sistem pembedungan disiksa oleh diri sendiri secara sukarela *self-inflicted*, dengan izin oleh Kerajaan Barisan Nasional yang tidak boleh menuntut bahawa ia tidak bertanggungjawab ke atas masalah terkini. Kerajaan Barisan Nasional merupakan punca-punca masalah ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada menteri atas keterbukaannya untuk melibatkan masyarakat umum melalui lebih daripada 50 sektor-sektor untuk mendapat input. Kononnya perundingan awam, walau bagaimanapun daripada 350 cadangan daripada masyarakat umum dan pelbagai kumpulan industri hanya tiga perubahan kecil diterima.

Pemimpin masyarakat umum berpendapat adalah tidak adil iaitu menteri tidak mengikut seruan Perdana Menteri supaya rakyat bekerja dengannya dan bukan untuknya. Nampaknya menteri hanya bekerja untuk dirinya sendiri dan kepentingan diri sendiri. Apakah yang berlaku ke atas cadangan-cadangan yang lain? Satu penjelasan yang teliti diperlukan daripada menteri atas sebab mengapa hanya tiga cadangan ini diambil dan

bukannya cadangan-cadangan yang lain. Menjelang kononnya perbualan intelektual, *intellectual discuss* dengan izin, dengan masyarakat umum menteri telah menyebut berulang kali bahawa beliau mahu meninggalkan satu *legacy* dengan izin, melalui Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 yang cemerlang.

Walau bagaimanapun tindakan dan tingkah laku menteri dan kementeriannya sehingga kini telah mengecewakan sektor dan pengguna air di negara ini. Satu-satu peninggalan menteri ialah jumlah sah sektor air Malaysia kepada orang asing, oleh itu Malaysia telah melangkah kembali ke zaman penjajahan. Isu kedaulatan negara Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 yang dibentangkan oleh kerajaan hari ini bagi bacaan kedua akan membahayakan kedaulatan negara dan jaminan air di negara ini. Terutama komitmennya kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), iaitu perjanjian am dalam perdagangan perkhidmatan akan menjejaskan kedaulatan Malaysia dan pemberian air Malaysia kepada korporat asing. Parlimen ini tidak harus kembali ke sejarah negara ini apabila Parlimen menjual kedaulatan negara kepada orang asing.

Malangnya perkara yang paling penting ialah pemberian lesen kepada pengoperasi air terdapat dalam tangan menteri sahaja. Menteri boleh memberi lesen kepada mana-mana orang dengan syarat-syarat yang dianggapnya sesuai. Oleh yang demikian ia tidak mengelakkan seseorang pengoperasi asing yang mempunyai milikan penuh, atau kebanyakan pendapatan lesen untuk mengoperasikan pengurusan dan pembekalan air dan sistem pembedungan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Mengapakah tidak tindakan diambil untuk memastikan sektor-sektor yang penting dan strategik ini dikekalkan dalam kuasa, dan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan atau negeri pada bila-bila masa?

Apa yang tertinggal dalam kuasa empat adalah untuk memastikan sektor ini berada di tangan Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri pada bila-bila masa, perkataan "orang" tidak didefinisikan dalam Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini. Bagaimanakah menteri memastikan pengoperasi asing tidak akan menawarkan harga untuk beli lesen ini? Rakyat Malaysia bimbang bahawa kerajaan akan kehilangan kawalan ke atas sektor air apabila ia dipaksa untuk membenarkan pemain antarabangsa dalam sektor ini. Ini adalah kerana Malaysia telah menandatangani perjanjian am dan perdagangan perkhidmatan GATS yang membuka sektor perkhidmatan termasuk sektor air. Perjanjian am atas perdagangan perkhidmatan GATS, komitmen Malaysia telah membuat supaya tidak berpegang kepada sebarang usaha pelbagai pihak.

Walau bagaimanapun Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menghantar proses pelbagai pihak di Mesyuarat Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) baru-baru ini di Hong Kong pada bulan Disember 2005. Kenyataan mengenai perundingan WTO adalah sedemikian iaitu, negara-negara sedang membangun seperti Malaysia dan negara-negara lain sentiasa dipaksa untuk membuka sektor perkhidmatan mereka sebagai satu perdagangan untuk konsesi negara-negara maju dalam bidang seperti, penanaman dan kemasukan prasarana yang lebih baik untuk barangan industri. Memandangkan eksport Malaysia iaitu tanaman, perjanjian ke atas penanaman dan barangan pengilangan kemasukan pasaran bukan penanaman, perdagangan ini merupakan peralatan yang amat berkuasa bagi negara-negara berindustri untuk mengeluarkan tawaran perkhidmatan dalam sektor pilihan mereka.

Dengan melibatkan satu sektor perkhidmatan dengan liberalisasi, ahli WTO seperti Malaysia akan terikat kepada GATS untuk menyediakan layanan kebangsaan dan kemasukan pasaran kepada semua ahli, pembekal, pengkhidmat asing dalam sektor ini. Contohnya Malaysia telah membuat komitmen untuk membuka perkhidmatan hospital swasta, maka ia tidak boleh mengehendkan misalnya satu makmal perubatan asing daripada menyediakan ujian diagnostik elektronik kepada pengguna di Malaysia. Tambahan pula sebaik sahaja komitmen GATS dibuat ia tidak boleh ditarik balik atau diubah kecuali pampasan diberi kepada semua ahli yang terlibat, maka adalah penting untuk menyedari bahawa dengan membuat komitmen itu, sektor kerajaan telah dikurangkan secara berkesan di dalam jadualnya yang mengehendkan pilihan dasar masa depan GATS adalah mengenai liberalisasi progresif.

Kami menegaskan bahawa satu-satu cara untuk memastikan sumber dan pengurusan air berada dalam tangan negara ini ialah mendefinisikan perkataan “orang” dalam Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006, sebagai pihak negara dan dimiliki sepenuhnya oleh korporat negara Malaysia sahaja. Kami tidak menentang liberalisasi, walau bagaimanapun air merupakan satu sumber strategik dan tidak boleh dibenarkan dimiliki atau diuruskan oleh korporat asing bila-bila masa. Kami menyedari kenyataan bahawa Kesatuan Eropah telah membuat permintaan dua pihak, dan pelbagai pihak atas perkhidmatan alam sekitar termasuk air minuman dan sistem pembetungan.

Kesatuan Eropah dalam permintaan dua pihaknya dan proses penawaran kepada Malaysia adalah bertajuk GATS 2000. Permintaan daripada Kesatuan Eropah dan ahli-ahli negaranya kepada Malaysia. Air untuk penggunaan manusia dan pengurusan air kotor yang termasuk perkhidmatan, pengumpulan, pemulihan dan pengagihan air melalui mode utama, mode yang digunakan ialah mode ketiga yang meminta Malaysia menerima tawaran di bawah kemasukan pasaran dan layanan kebangsaan. Di peringkat pelbagai pihak Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan 10 negara yang lain telah meminta liberalisasi sektor sistem pembetungan. Dengan itu Parlimen dan badan penguat kuasa kita akan dijadikan institusi yang tidak berkuasa.

Peranan wakil rakyat dalam menentukan masa depan negara mereka akan menjadi tidak berguna. Sebenarnya jentera pertikaian WTO akan mempunyai kuasa atas dasar Parlimen dan kerajaan. Tindakan pentadbiran, undang-undang dan peraturan, penggunaan, peraturan perdagangan pelbagai pihak yang menjejaskan pembuatan dasar kerajaan menjadi negara kita perjanjian ekonomi, *total economy control* oleh negara-negara asing dengan izin. Jika Rang Undang-undang ini diluluskan, Parlimen akan menjadi sejarah sebagai Parlimen yang menjual kedaulatan negara. Hak untuk mendapatkan air bagi generasi Malaysia di masa akan datang akan digadaikan.

Oleh yang demikian kami, Ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab untuk menjamin kedaulatan negara ini akan memastikan jaminan air dan kedaulatan negara tidak akan dijejaskan. Dalam keadaan ini kita perlukan undang-undang atau klausa-klausa yang berkaitan untuk menyekat supaya sektor luar negara tidak dibenarkan membeli atau menguruskan sektor air di negara ini. Bimbingan kami juga dikongsi oleh pakatan menentang penswastan air dan akhbar baru-baru ini, akhbar Utusan Malaysia saya baca apa yang terdapat dalam Utusan Malaysia Tuan Yang di-Pertua dalam rencana pengarang, dalam *Utusan Malaysia* pada 4 Mei menyatakan;

“Di sinilah kita dapat saksikan bahawa tidak semua industri boleh dibuka kepada pasaran dunia, walaupun dasar liberalisasi dan globalisasi menuntut tindakan sedemikian, tetapi tanpa kajian mendalam pun kita boleh mengesan bahawa liberalisasi dan globalisasi mutlak tanpa hemah hanya menguntungkan pihak negara-negara maju berbanding negara-negara kecil”.

Dalam hal ini kita dapat mengesan bahawa berbagai-bagai pihak di negara-negara lebih maju akan mengenakan tekanan kepada Malaysia untuk membuka industri bekalan air supaya menjadi milik asing. Tetapi kita mesti mengambil berat tentang keutamaan kedaulatan negara bagi melindungi kepentingan nasional dan warga negara. Apabila sebuah industri dipastikan sebagai strategik, kerajaan mesti bertegas mempertahankannya. Sememangnya pihak asing yang berkepentingan akan mengemukakan hujah-hujah bagi mempengaruhi rakyat tentang kelebihan liberalisasi dan globalisasi, tetapi kita perlu, mesti berhati-hati mematahkan hujah-hujah mereka dengan sentiasa memikirkan kepentingan negara dan rakyat.

Kenyataan itu jelas menyatakan bahawa Ahli Parlimen mesti melindungi kepentingan negara dan dalam kes ini kedaulatan negara dan menjamin air bagi rakyatnya. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini harus dipinda untuk melindungi dan memelihara kepentingan negara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menyatakan bahawa ia akan membelanjakan RM100 bilion dalam 45 tahun akan datang dalam sektor air dan sistem pembetungan.

Kami menyokong pembaharuan sektor awam dalam sektor air dan sistem pembetulan untuk memastikan sistem pengagihan yang cekap dan berkesan demi memenuhi permintaan rakyat Malaysia. Tambahan pula pembekalan air dan pemuliharaan sumber air bagi penyediaan dan pengekelan jangka panjang adalah amat penting. Rang undang-undang yang dicadangkan tidak menyebut tentang pengurusan permintaan air. Ia tidak mewajibkan pengoperasi air mempunyai satu rancangan permintaan air yang standard dalam semua Rang Undang-undang Air di negara-negara seperti di negara-negara maju. Pengoperasi air hanya mementingkan keuntungan.

Oleh itu kerajaan mesti meningkatkan penyediaan dan pengekelan air. Ia mesti mewajibkan pengoperasi air, memasukkan pengurusan permintaan air seperti di kebanyakan negara maju. Jika tidak, kerajaan akan bertanggungjawab untuk terus mencari sumber air baru seperti projek pemindahan air antara negara Pahang ke Selangor yang memerlukan kos yang besar dan yang menyebabkan pemusnahan alam sekitar dan sosial yang serius dan tidak dapat menjamin penyediaan air dalam jangka panjang.

Cara-cara ringkas dan kreatif untuk mencari sumber air seperti menggunakan air hujan dan mewajibkan semua bangunan menggunakan dua paip dalam air yang dipulihkan untuk minuman dan air mentah untuk penggunaan lain mesti diperkenalkan. Perkara ini telah digunakan di beberapa negara di serantau ini. Kenapa Malaysia belum mengimplementasikan perkara itu? Masalah dengan air tidak beruntung. *Non-Revenue Water* dengan izin, harus diatasi dengan segera. Sebab utama berlakunya NRW ialah kerajaan kurang melabur dalam infrastruktur air.

Negeri Sembilan mempunyai NRW yang paling tinggi iaitu 50% di Semenanjung Malaysia dan Pulau Pinang mempunyai NRW yang paling rendah, iaitu 19%. Kita harus mencapai NRW satu angka, *one digit, single digit* jika kerajaan adalah proaktif dan serius dalam pengurusan air. Dua negeri yang telah menswastakan air mempunyai NRW yang sangat menyusahkan semua. Iaitu Johor mempunyai NRW sebanyak 36% dan Selangor 37%, fahamkah menteri? Ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang mempunyai cara yang paling cekap untuk pengurusan air.

Percubaan kerajaan untuk menswastakan air seperti dalam kes SYABAS dan Syarikat Air Johor tidak berkaitan dengan kecekapan tetapi pemindahan kekayaan kepada pemain sektor swasta tertentu. Ini ditunjukkan oleh kenyataan baru-baru ini bahawa salah satu pengarah firma air swasta di negara ini dibayar yuran *director* sebanyak RM2.2 juta dan satu lagi dibayar yuran *director* sebanyak RM2.1 juta. Apakah ini dibenarkan? Kenapakah Barisan Nasional terutama menteri membenarkan perkara ini berlaku? Adakah RM100 bilion dan Rang Undang-undang Air akan mengatasi masalah dan sistem pembetulan terkini di Semenanjung Malaysia. Atau ia akan menjadi satu pengamalan *Mumbo Jumbo* IWK, PUTRA dan STAR LRT?

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan, memperuntukkan jumlah yang banyak dalam penyediaan air di Malaysia. Jumlah Selangor yang paling memeranjatkan. Pusat industri ekonomi, politik dan pentadbiran Malaysia hanya mempunyai simpanan air sebanyak 3% dalam tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem air yang sedang disalurkan kepada premis-premis di negara ini, semua pembedaan air perlu ada stok lebih daripada apa yang *disupply*kan. Tetapi saya difahamkan, kami difahamkan, dari Rancangan Malaysia Kesembilan, bahawa untuk negeri Selangor, setiap tahun reservenya kurang walaupun permintaan telah tinggi. Ini bukan aneh, di seluruh negara di semua negeri. Setelah dikurangkan dan yang paling tinggi adalah 17%. Yang patut berada dan *benchmark* adalah dikatakan sebanyak 20% walaupun *independent power producers* ada stok sebanyak 40% bila-bila masa.

Kami menanya menteri dan kerajaan, adakah 3% ini merupakan margin simpanan yang selamat untuk negeri seperti Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya? Margin simpanan yang boleh diterima adalah sebanyak 17%. Mengapakah jumlah simpanan jatuh banyak di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dari tahun 2005, dan dijangka jatuh lebih banyak pada tahun 2010. Lebih tinggi. Rang undang-undang tidak memberi kuasa kepada menteri untuk menguruskan sumber air. Kawasan tandaan air dan sungai. Bolehkah menteri menjaminkan atau undang-undang akan dibawa supaya air mentah yang selamat

dan berterusan akan beroperasi dalam negara ini? Apakah yang dilakukan oleh kementerian sehingga kini untuk meningkatkan margin simpanan air?

Pada tahun 2000 Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dikatakan ada dikeluarkan sebanyak 11,000,000,917 liter dan *reservanya* dikatakan pada 23%, tetapi ia akan kurang pada setiap tahun. Ini semua sumber ada di Rancangan Malaysia Kesembilan. Kawasan tadahan air dan sungai merupakan sumber air mentah yang paling penting bagi pengoperasi air. Akan tetapi, rang undang-undang tidak memperuntukkan kementerian untuk mengawal aspek-aspek ini. Rang undang-undang itu harus menguruskan air dan sistem pembetulan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu hak pengguna. Pelbagai klausa yang berkaitan dengan standard pengguna adalah amat lemah dalam rang undang-undang ini. Ia tidak memberi sebarang perlindungan kepada pengguna-pengguna. Pelbagai klausa seperti Seksyen 33, *clause* Fasal 33, Fasal 41, Fasal 88, Fasal 89, dan Fasal 68 adalah amat lemah. Hak asasi untuk mendapat air telah dinafikan dalam Fasal 88 dan 89 yang memperuntukkan pemotongan air secara automatik adalah tidak adil dan tidak munasabah langsung. Pemotongan bekalan air yang kejam ini tidak harus dijadikan satu pilihan yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang. Saya memetik kes Raja Ramachandran terhadap Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Dalam kes tersebut, Tuan Yang di-Pertua, Hakim Mahkamah Tinggi telah memberikan satu keputusan untuk tidak membenarkan sektor air Pulau Pinang untuk memotong air untuk premis-premis walaupun bil-bil itu tidak diselesaikan. Mana ada asas, menteri kata kalau mereka tidak bayar mesti mahu potong? Tetapi ini adalah hak asasi. Ini adalah pandangan Hakim Mahkamah Tinggi, adakah ia akan diguna pakai. Adakah ia akan diterima? Kenapa pandangan-pandangan hakim tersebut, tidak langsung saya nampak di huraian atau di rang undang-undang ini, langsung tidak dinyatakan apa-apa walaupun ini adalah klasik kes. Tetapi kita mungkin fikir, ini adalah satu kes yang luar biasa. Di beberapa negara di European Union, dan di Scotland dan di UK, mereka tidak ada hak langsung untuk memotong air jika bil-bil tidak dibayar. Mereka perlu menggunakan cara-cara lain dan itu adalah terima pakai di kes Raja Ramachandran.

Saya hendak satu kepastian, saya hendak tahu adakah kerajaan dan menteri berkenaan akan menggunakan terima pakai apa pandangan yang telah diberi oleh hakim dalam kes ini? Rang Undang-undang Air juga yang merupakan satu cara untuk menyelamatkan Indah Water Konsortium. Perkhidmatan Indah Water Konsortium ditadbir oleh undang-undang Majlis Tempatan. Tidak harus ditadbir Rang Undang-undang Air. Hubungan ini merupakan hubungan parasit. Tuan Yang di-Pertua, Indah Water bila ia diswastakan diambil alih oleh sektor swasta sangat canggih dikatakan akan menguntungkan negara ini. Tetapi Kementerian Perumahan pada masa yang sama tidak mengurangkan cukai pintu, di mana dulu dikutip dan dijalankan tugas oleh Indah Water. Tetapi, sekarang dalam rang undang-undang ini, kerajaan sebagai dalam sistem *back door* menolong untuk mengatasi masalah-masalah rumit yang dihadapi oleh Indah Water Konsortium. Di negara ini, dikatakan bukan satu sistem *privatisation* Tuan Yang di-Pertua tetapi '*piratesation*' dijalankan. Sektor-sektor yang ada banyak keuntungan diswastakan. Sektor-sektor yang rugi nampaknya kerajaan yang perlu mengambil dan *managekan*. Teknologi terkini yang digunakan dicipta pada tahun 20an, iaitu peringkat teknologi terendah sedang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sistem dengan izin, *cleaning the water, from the raw water* dengan izin, *raw water* dengan klorin dan sistem yang sedang digunakan di merata-rata tempat di negara ini, merupakan sistem yang telah digunakan mula-mula pada tahun 1925. Kita punya sistem belum canggih, belum masuk ke satu sistem yang baik yang terkini. Kami difahamkan, penggunaan klorin akan menjejaskan dan baru-baru ini, di Amerika satu bahan yang lain digunakan. Bahan yang terbaru.

Ini adalah di antara perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh kerajaan dan saya harap sebagai akhir kata, bahawa jangan kita menggadaikan masa depan negara kita kepada pemberi meluluskan rang undang-undang ini akan memberi satu saluran kepada pihak-pihak luar negara. Jangan ditakutkan oleh tekanan-tekanan oleh European Union,

oleh World Trade Organisation, dan dalam arena globalisasi dan di atas nama liberalisasi menjual dan membenarkan dan *legalise* sistem air swasta di negara ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

11.58 pagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006. Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya Ayer Hitam, namanya Ayer Hitam. Hakikatnya air yang diterima, air yang bekalan, air di kawasan saya juga kotor.

Dalam daerah Batu Pahat ini, kita menghadapi masalah air, krisis air. Saya setelah mengambil pandangan, rintihan, teguran daripada rakyat, termasuk juga mana-mana NGO yang menghantar surat kepada kami, saya dengan ini untuk menyuarakan pandangan kita tentang bil yang akan dibentangkan. Tujuan saya pada hari ini, tidaklah mahu masuk bakul angkat sendiri seperti yang telah dibuat oleh rakan tadi. Saya rasa apa yang penting adalah kita mengatakan sesuatu berasaskan kepada fakta dan kita tidak mahu juga melihat negara kita dijajah semula. Pelbagai andaian telah dibuat bahawa kononnya kerajaan akan menggadaikan maruah bangsa.

Saya rasa itu satu andaian yang tidak adil bagi kerajaan. Di sini ingin saya teruskan kepada isu yang pertama di mana prinsip keadilan oleh...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Belum lagi, saya belum cakap ini. Saya baru hendak masuk, apa hendak dijelaskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya hendak tanya sedikitlah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Okeylah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, boleh beritahu kepada saya, minta penjelasan mengatakan bahawa saya telah membuat satu andaian bahawa sektor swasta air ini tidak akan diambil alih oleh negara asing.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit, sedikit. Saya kata kerana lesen ini akan diberi oleh menteri kepada pihak-pihak yang layak untuk menjalankannya, bermakna orang asing boleh *bid* dan boleh mengambilnya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Wahai Ahli Parlimen yang dikatakan maha arif, perkara ini sebenarnya saya kata dan sebut dengan jelas, kita tidak sepatutnya membuat andaian. Saya tidak mengatakan yang Yang Berhormat ini mengatakan kita telah melakukan sesuatu perkara yang tidak sepatutnya dilakukan. Pemberian lesen ini belum lagi berlaku dan saya rasa mana-mana menteri yang berjiwa rakyat tidak akan menggadaikan maruah bangsa. Sebab itulah saya kata kita tidak boleh buat lemparan tuduhan yang bukan-bukan yang tidak berasas. Itulah jawapan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Saya terus kepada prinsip keadilan kepada semua kerajaan negeri. Saya mewakili negeri Johor tetapi saya melihat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sudahlah cukup. Saya hendak teruskan ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Adakah Yang Berhormat tahu mengenai arahan dari European Union pada tahun 2002 yang memberi pandangan kepada kerajaan supaya membuka semua...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat jangan ingat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pedulilah dengan European Union. Apa peduli pada dia?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sabar, sabar. Yang jangan ingat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat sahaja membaca. Kita juga membaca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tetapi kita gunakan budi bicara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebelum dilanjutkan, saya hendak tahu berapa tempoh masa diperlukan, Yang Berhormat?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya akan cuba habis dengan cepat. Okey, saya terus kepada prinsip keadilan kepada semua kerajaan negeri. Saya mewakili Kerajaan Negeri Johor dan saya membentangkan pandangan dan rintihan daripada pihak negeri Johor di mana kita melihat Kerajaan Negeri Johor tidak mendapat sebarang peruntukan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun sejak Rancangan Malaysia Ketujuh sampailah hari ini.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri di mana beliau telah menjawab dalam semasa membuat penggulungan pada tempoh hari bahawa negeri Johor tidak diberi peruntukan disebabkan bekalan air pengurusan meliputi rawatan air mentah, pengagihan, pengoperasian, penyelenggaraan termasuk kemudahan prasarana berkaitan bekalan air telah diswastakan dengan sepenuhnya. Inilah yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi saya ingin memberi maklumat kepada Yang Berhormat Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sebenarnya bekalan air di Johor hanya diswastakan pada tahun 2000 tetapi negeri Johor tidak menerima satu sen pun peruntukan sejak 1996 sampai 2000 iaitu semasa Rancangan Malaysia Ketujuh telah dijalankan. Apabila jabatan bekalan air diperbadankan pada tahun 1994, ianya tidak mendapat sebarang sokongan daripada pihak Kerajaan Pusat. Ini adalah satu hakikat dan saya mintalah Kerajaan Pusat supaya melihat hakikat ini dan melakukan sesuatu demi kebaikan rakyat Johor.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Nama pun Ayer Hitam, Tuan Yang di-Pertua. Tahniahlah kerana mewakili Kerajaan Negeri Johor bercakap untuk air ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak ada surat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. *[Ketawa]* Dia menceritakan bagaimana sedihnya orang Johor tidak dapat peruntukan sejak tahun 1996. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, apabila saya dengar tentang pengurusan dan pentadbiran air Johor tidak mendapat peruntukan ini, saya percaya apabila sebuah kerajaan negeri yang mengurus dan mentadbir pengurusan air tidak mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat ini pertama kerana mereka telah boleh berdikari. Mereka telah boleh mengurus air dan memperolehi keuntungan daripada *business* penjualan air ini kepada pengguna-pengguna air. Adakah Yang Berhormat mengambil kira tentang bekalan air mentah Johor yang dibekalkan ke Singapura sekali dalam hal ini? Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Untuk Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya akan masuk kepada perkara ini sekejap lagilah, bersabar. Saya ingin pergi kepada latar belakang. Nanti saya akan masuk, saya akan jawab nanti. Apabila perkhidmatan bekalan air di Johor itu diswastakan pada tahun 2000, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. telah meminjam RM30 juta daripada KWSP dengan kadar faedah sebanyak 9% untuk tempoh 15 tahun dan saya rasa selepas itu SAJ Holding juga telah menerbitkan satu bon berjumlah RM1.28 bilion dengan kadar 7.2% yang dibayar dalam tempoh 6 hingga 15 tahun mulai 2004.

Saya rasa untuk mengatasi kekangan yang berlaku di negeri Johor ini, satu perkara yang perlu dilakukan oleh SAJ ialah apabila mereka diperbadankan, apabila mereka mengambil alih bekalan air di Johor ini, mereka terpaksa membayar sejumlah wang yang besar, apa juga hutang tertunggak kepada 'Equiventures'. Sebab itu saya mengatakan di negeri Johor, ini adalah satu perkara yang tidak betul dan saya minta menteri menggunakan kuasa mutlak apabila mengambil alih perkhidmatan air ini, jangan lupa kita kena mengawal Equiventures, Southern Water Corporation di mana mereka mengenakan kadar yang begitu tinggi.

Saya mengambil contoh, air daripada PUB kita jual kepada Singapura dengan kadar 3 sen tetapi kita beli dari Singapura dengan harga 11 sen sahaja. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, Syarikat Air Johor membeli air yang sama, air yang telah dirawat dengan harga tujuh kali ganda iaitu 77 sen. Di mananya prinsip keadilan? Saya rasa ini adalah satu contoh di mana jelas sekali mereka mengaut keuntungan dan sekiranya syarikat-syarikat yang merawat air ini mengenakan keuntungan yang tinggi...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap, biar saya habiskan ini dahulu. Setelah diambil alih pun oleh Kerajaan Pusat, saya rasa masalah ini tidak dapat diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Di sini apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat akan melibatkan eksport dan import. Persoalannya kita eksport dengan harga yang murah, kita import balik air kita yang sudah pun diproses dengan harga yang tinggi. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai dengan import air bersih daripada Singapura ini? Apakah ia hendak dikenakan caj sebagai barangan import atau apa pada pandangan Yang Berhormat?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebenarnya kita melihat air yang telah dikatakan diimport itu adalah disebabkan oleh perjanjian air dengan Singapura dan kita juga menikmati sebahagian daripada manfaatnya apabila telah dirawat oleh pihak PUB. Sebab itu kita dapat membeli dengan harga 11 sen. Tetapi berbanding dengan syarikat swasta yang ada sekarang, mereka mengenakan caj tetap sebanyak 46 sen dan apabila rawatan air tidak dapat dilakukan, kadar tetap itu tetap dibayar walaupun SAJ mengambil air dari tempat lain.

Saya rasa ini adalah satu masalah serius. Kalau Kerajaan Pusat sedia mengambil alih apa juga konsesi yang telah ditandatangani, perkara ini perlu dirujuk dan perlulah dilihat semula dan dikemas kini. Kalau tidak, ianya akan gagal di Johor. Saya ingin terus kepada...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ya, cepat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya rasa kita harus fokus kepada penswastaan air di peringkat rawatan dan juga agihan sebab Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air ini menyatakan bahawa dia tidak akan membenarkan penswastaan yang berasingan tetapi sekarang telah berlaku penswastaan yang berasingan iaitu rawatan satu pihak, agihan satu pihak. Apakah cadangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ke atas penswastaan yang telah berlaku yang berasaskan ini? Adakah Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air ini ada kuasa untuk menyatukan mereka kedua-dua pihak ini supaya disekalikan untuk tidak membebankan pihak yang mengagihkan bekalan air bersih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Secara idealnya, kita sepatutnya menggabungkan syarikat yang merawat air dan mereka yang mengagihkan air ini tetapi oleh kerana konsesi telah ditandatangani oleh kerajaan negeri satu ketika dahulu dan ianya tidak ada *termination clause*, dengan izin, maka kalau kita tidak meneruskan bekalan atau menerima bekalan air daripada syarikat konsesi ini, kita kena membayar pampasan kepada mereka.

Sebab itulah saya mengatakan kita mempunyai obligasi undang-undang. Apabila Kerajaan Pusat mengambil alih bekalan air ini termasuklah aspek rawatan air dan pengagihan air, kita kena melihat secara total. Kita janganlah membebankan rakyat Johor disebabkan bekalan air yang dibeli daripada Equiventures itu dengan begitu tinggi sekali, bagaimana mereka mengagih air dengan harga yang murah. Itu adalah satu hakikat. Sebab itu saya mengatakan peruntukan daripada Kerajaan Pusat amat penting.

Saya ingin mengambil contoh. Yang Berhormat Menteri pernah menjawab bahawa Pulau Pinang mempunyai modal yang berlainan dan di Johor pula berlainan kerana Johor ini menerima konsesi. Tetapi ingin saya menyatakan di sini model yang digunakan di Pulau Pinang itu sama dengan apa yang berlaku di Johor pada tahun 1994 sampai 1999. Satu lagi contoh yang baik yang boleh digunakan ialah di Selangor, di mana struktur untuk kita membuat penswastaan di negeri Selangor itu adalah sama dengan di Johor.

SYABAS telah menandatangani satu konsesi dengan 30 tahun dengan kerajaan negeri dan SYABAS ini juga dipertanggungjawabkan untuk mencari dana-dana untuk dibuat *capital expenditure* untuk membaiki infrastruktur air. Saya rasa ini adalah dua model yang sama. Akan tetapi dari segi layanan yang diberikan, SAJ terpaksa membayar hutang yang berjuta-juta kepada Equiventures, manakala SYABAS pula diberi satu *soft loan* daripada Bank Pembangunan Malaysia untuk menyelesaikan apa juga hutang tertunggak. Saya rasa dari segi kalau Kerajaan Pusat mengambil alih, ia sepatutnya berlaku adil kepada semua negeri.

Satu perkara lagi, Kerajaan Pusat dan juga Bank Pembangunan juga memberi beberapa kemudahan kepada SYABAS. Seperti contoh, mereka bagi kerja NRW pula. Mereka memberi pinjaman sebanyak RM250 juta bagi *capital expenditures* (CAPEX) RM410 juta daripada BPMB dan CAPEX lagi daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM655 juta dan lain-lain daripada Kerajaan Pusat untuk kerja NRW ini adalah RM250 juta. Dari contoh inilah saya ingin menerangkan bahawa kita tidak sepatutnya pilih kasih. Kalau negeri Selangor baru-baru ini mendapat peruntukan sebanyak RM3 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membawa air daripada Pahang sampailah ke Selangor, kenapa tidak ianya disalurkan sebahagiannya ke Johor.

Saya melihat dari data-data yang saya perolehi, saya nampak di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kecuali negeri Johor, lain-lain negeri semua dapat termasuklah mereka yang telah menswastakan air seperti di Terengganu dan Pulau Pinang. Sebab itu saya mengatakan bagi pihak rakyat Johor, kita mintalah supaya Kerajaan Pusat prihatin dengan rintihan orang-orang Johor. Jangan menganggap orang-orang Johor ini kaya. Kita juga membayar cukai. Sebab itulah kita boleh menerima layanan yang sama seperti negeri lain.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya terpanggil atas ucapan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal penswastaaan air ini, beliau menyatakan bahawa Johor ini merasa sedih kerana terpinggir sedikit daripada program Kerajaan Pusat untuk menswastakan air. Saya faham maksud Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kerana saya secara peribadi juga terlibat sendiri dengan rawatan air ini di satu syarikat di negeri Sabah.

Bersetujukah Yang Berhormat bahawa konsesi air ini agak berlainan mengikut di mana *source* air itu diambil dan harga rawatan itu berlainan kerana *PH value* daripada sungai dan di empangan itu agak berlainan. Hujah-hujah Yang Berhormat tadi itu macam seolah-olah tidak adil. Di Sabah ini walaupun tidak termasuk dalam rang undang-undang ini, saya bertanya dengan Yang Berhormat jika Yang Berhormat bersetuju bahawa pemegang konsesi ini tidak diperlukan, bahkan kita bagi sahaja terus kepada syarikat yang merawat dan mengagih-agihkan air ini kepada pelanggan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, terima kasih. Tetapi sebenarnya bagi syarikat yang merawat air itu sebenarnya mereka memegang konsesi daripada kerajaan negeri. Sebab itulah apabila kita sebut konsesi itu tidak payah pada waktu yang sama kita kata kita beri lesen kepada mereka yang merawat air, itu nampak bercanggah. Tetapi hakikatnya ialah apa yang telah dijanjikan oleh kerajaan negeri sebelum ini melalui perjanjian konsesi patut diteruskan. Sebab itu saya melihat di negeri Johor kita menghadapi satu kekangan di mana kemelutnya ialah implikasi kepada rakyat Johor.

Yang pertama, kalau kita melihat dari segi kadar tarif air di Johor ianya amat tinggi berbanding dengan negeri lain dan saya tidak nampak ruangnya untuk menurunkan tarif air disebabkan SAJ terpaksa meminjam. Apabila pinjaman itu banyak dan mereka terpaksa membayar hutang yang berjuta-juta, beratus juta kepada Equiventure saya nampak mereka tidak ada harapan untuk menurunkan tarif air. Walaupun mungkin hasrat mereka hendak menurunkan dan sebab itu saya mengatakan bantuan daripada bank, bantuan daripada kerajaan pusat amat penting untuk membantu merendahkan tarif air.

Yang kedua, saya melihat apabila kos ini bertambah mereka akan menurunkan kos itu kepada sektor industri dan perdagangan. Oleh kerana mereka tidak mahu membebankan rakyat jelata biasa, mereka terpaksa meninggikan atau menaikkan kadar tarif air bagi sektor industri dan komersial. Inilah yang menyebabkan negeri Johor itu mungkin kurang berdaya saing apabila kita hendak menarik lebih ramai mereka yang ingin melabur di negeri Johor. Saya rasa itu juga satu *disadvantage* kepada negeri Johor.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi air ini adalah hak asasi manusia yang sepatutnya tidak ada pihak yang mengambil keuntungan yang melampau. Tetapi Yang Berhormat sebut tadi tentang pinjaman daripada bank. Bank mengenakan faedah sehingga 9%. Saya berfikir sepatutnya bank juga tidak mengenakan kadar faedah yang tinggi kerana air adalah keperluan orang ramai. Sewajarnya bank memberikan kemudahan pinjaman dengan kadar yang rendah dan tempoh pinjaman pulangan bayaran semula yang panjang. Adakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam setuju?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang, saya memang setuju. Kalau kita lihat pinjaman yang diperolehi oleh SYABAS daripada Bank Pembangunan mereka hanya mengenakan 5.65% berbanding dengan pinjaman yang diperolehi daripada bank lain oleh SAJ adalah 9% kerana Bank Pembangunan itu

sebahagian daripada dimiliki oleh kerajaan. Sebab itu saya mengatakan sokongan daripada kerajaan dan juga institusi kewangan yang dikawal oleh kerajaan pusat itu patut diberikan kepada negeri Johor.

Satu perkara lagi yang ingin saya nyatakan di sini ialah implikasi yang ketiga ialah dari segi bebanan yang akan ditanggung oleh rakyat Johor iaitu setiap orang setahun terpaksa menanggung RM39 iaitu lebih kurang RM16 satu keluarga pada setiap bulan. Saya rasa inilah satu perhitungan berdasarkan kepada kekangan ataupun dari segi bebanan kewangan yang terpaksa dipikul SAJ dan diturunkan kepada pengguna air di Johor. Saya rasa perkara ini harus diberi perhatian dan ianya sepatutnya tidak berlakunya pilih kasih apabila kita menyalurkan bantuan kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua kuasa menteri. Apabila saya mendengar Yang Berhormat mengatakan bahawa kuasa mutlak menteri saya rasa kurang senang hatilah. Apabila kuasa menteri itu digunakan secara mutlak untuk mempertahankan kepentingan rakyat saya sokong 100%. Tetapi apabila kuasa mutlak menteri itu yang dikatakan mutlak itu digunakan untuk memuktamadkan kenaikan tarif air saya rasa itu adalah sesuatu yang tidak disenangi oleh rakyat.

Sebab itulah saya mengatakan bahawa kuasa menteri haruslah digunakan secara bijak dan tidaklah sewenang-wenangnya apa yang berlaku sebelum ini oleh kerana setiap kali hendak kenaikan air satu kertas akan dimasukkan ke Kabinet Jemaah Menteri dan dipersetujui dan kerajaan ataupun menteri akan membuat pengumuman bahawa kuasa menteri mutlak digunakan untuk menaikkan kadar air. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diteliti dan kita perlu mewujudkan satu mekanisme supaya kenaikan tarif air itu tidaklah dianggap kurang munasabah dan kita perlu melihat perkara ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini yang di mana Yang Berhormat Menteri mengatakan apabila Kerajaan Pusat mengambil alih perkhidmatan air ini tarif air yang dinikmati oleh semua rakyat di negeri-negeri akan berkurangan, akan menurun dengan secara mendadak. Saya tidak tahulah apa yang akan berlaku di Johor tetapi nampaknya saya kurang keyakinan bahawa perkara itu akan berlaku. Rata-rata rakyat jelata mengatakan bahawa kekhuatiran mereka ialah setelah diambil alih oleh kerajaan pusat kenaikan harga tidak dapat dikawal lagi, ianya diserahkan kepada kerajaan pusat. Saya rasa perkara ini patut diteliti oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Ketiga, mengenai kawasan tadahan air. Memang betul. Kita melihat kekangan yang ada pada sekarang pada tahun lalu kita telah meminda Perlembagaan kita tetapi kuasa untuk menjaga kawasan tadahan air itu masih lagi kuasa negeri. Kita hanya mengambil alih kuasa untuk pengagihan air dan rawatan air.

Perkara ini kalau kita melihat secara pakejnya dari segi rawatan dan pengagihan air itu boleh membawa hasil atau keuntungan. Tetapi kawasan tadahan air ini dianggap kita kena bayar kos yang tinggi untuk memulihara kawasan-kawasan tadahan ini dan inilah kepincangannya. Kalau kita tidak mewujudkan satu mekanisme untuk menjaga kawasan tadahan air, akhirnya walaupun kita mempunyai satu sistem penyampaian, sistem pengagihan rawatan yang canggih kita tidak akan berjaya. Kerana penjagaan alam sekitar itu tidak dianggap *sustainable*. Sebab itulah saya mengatakan saya sentiasa mendengar pandangan daripada Mambong bahawa perkara ini harus diberi perhatian.

Walaupun setakat ini kita tidak mampu melakukan tetapi Kerajaan Pusat tidak harus berputus asa. Kena memikirkan satu cara bagaimana mengambil alih. Saya khuatir satu hari nanti oleh kerana perniagaannya biasanya pada pengagihan dan rawatan dan akhirnya untuk mereka yang perlu melaburkan kos yang tinggi untuk menjaga alam sekitar, menjaga sumber air mentah itu dijadikan tanggungjawab bukan Kerajaan Pusat, bukan kerajaan negeri dan akhirnya tidak ada sesiapa yang menjaga kawasan tadahan air ini. Itulah yang amat dikhuatiri oleh rakyat. Satu perkara lagi di kawasan tadahan air kita nampak kita tidak ada satu penguatkuasaan yang dianggap efektif di mana kita membiarkan kawasan tadahan air itu dikerjakan untuk bercucuk tanam dan ada yang wujudnya di kawasan-kawasan tadahan air ini dibenarkan pembangunan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Di kawasan saya Ayer Hitam kita menghadapi krisis air disebabkan kawasan tadahan air ini tidak dapat menadah air dengan bersih dan akhirnya mereka yang dikatakan dipertanggungjawabkan untuk merawat air tidak dapat merawat air kerana tidak ada sumber air mentah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Parit.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Itulah satu kekusutan yang berlaku dalam industri air sekarang. Minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Parit sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya juga memahami apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam berkenaan dengan kawasan tadahan air. Pada masa ini seperti yang kita tahu kawasan tadahan air ini di bawah kuasa kerajaan negeri dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi supaya diwujudkan satu mekanisme bagaimana akta yang ada ini juga boleh melihat kepentingan kawasan tadahan air ini dipelihara supaya kita mempunyai sumber air yang cukup di masa hadapan.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pada masa yang sama kita juga memahami masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri kerana kawasan tadahan air ini juga merupakan sumber hasil kepada kerajaan negeri. Apakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mencadangkan supaya kerajaan persekutuan mengkaji kepentingan kerajaan negeri ini dan memberi satu pendekatan supaya kerajaan negeri juga tidak kehilangan hasil akibat daripada pemeliharaan kawasan tadahan air yang mencukupi ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Itu satu pandangan yang bernas. Saya rasa bagi kerajaan negeri apa yang dikhuatiri adalah mereka tidak mendapat sebarang hasil, akhirnya orang lain yang mengaut keuntungan dan kerajaan negeri terpaksa menjaga kawasan tadahan air. Itu tidak adil bagi kerajaan negeri sebab itulah saya mengatakan saya mencadangkan satu mekanisme penjagaan kawasan tadahan air, kita perlu ada dana. Yang Berhormat Menteri tadi telah mengumumkan bahawa satu kumpulan wang industri air akan diperbadankan ataupun akan dibentuk apabila rang undang-undang ini diluluskan di Parlimen.

Saya rasa kita tidak sepatutnya mengulangi apa yang berlaku pada dana perkhidmatan sejagat bagi sektor komunikasi di mana berbilion-bilion ringgit telah diterima tetapi dari segi mempertingkatkan prasarana dalam komunikasi itu nampaknya tidaklah seiring dengan apa yang mereka telah kutip selama ini. Saya di sini menyeru di sini bahawa KWIA sepatutnya memperuntukkan sebahagian daripada dana kepada setiap negeri untuk tujuan penjagaan kawasan tadahan air. Kalau tidak menjaga kawasan tadahan air akhirnya kita akan membelanjakan kos lebih kurang 10 hingga 20 kali ganda daripada yang sepatutnya untuk memperolehi sumber air mentah. Saya rasa itu adalah satu rezeki yang diberi oleh Tuhan perlulah kita menjaga dengan baik.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah kita melihat bil air yang terlalu tinggi sentiasa berlaku seperti juga bil elektrik. Di sini saya ingin membangkitkan bahawa dalam sektor industri air ini kita menghadapi masalah dari segi paip-paip lama yang telah ditanam di bawah tanah sejak sebelum Perang Dunia Kedua.

Saya menganggap perkara ini adalah satu perkara yang serius dan perlu diambil tindakan segera. Saya pada hari ini berpendapat bahawa NRW sebenarnya ada hubung kait dengan prestasi paip-paip itu menyalurkan air sama ada mereka dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Kalau mereka tidak dapat berfungsi dengan baik NRW akan tinggi. Saya juga difahamkan bahawa kerajaan memerlukan satu jumlah peruntukan yang besar iaitu RM50 bilion untuk menukar semua paip kepada paip-paip baru. Adakah ianya dapat dilakukan dan bagaimana kita dapat melakukan perkara itu dan di manakah sumber kewangan untuk melakukannya?

Kalau kita tidak dapat menukar paip-paip yang lama nampaknya masalah NRW itu kurang, tidak dapat diselesaikan dengan secara efektif dan saya juga khuatir bahawa NRW itu tidak dapat diturunkan secara mendadak.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ayer Hitam. Saya tertarik bila sebut paip-paip lama. Terdapat begitu banyak paip lama di kawasan perumahan saya terutamanya di Kuala Krai ini, kawasan yang begitu lama. Ada setengahnya kata dia ini belum perang lagi katanya dan minta peruntukan daripada Yang Berhormat. Ini memakan banyak belanja. Begitu banyak sekali kawasan ini dan ini pernah berlaku beberapa tahun lepas lagi.

Saya bila disebut oleh Ayer Hitam paip-paip lama, saya terpanggil untuk bangun di sini dan saya dapat satu jalan bagaimana Ayer Hitam boleh pandangan supaya peruntukan ini dapat disegerakan. Kerana begitu lama mereka ini merayu supaya peruntukan ini dapat disalurkan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam untuk mendapat bantuan ini? Pihak kerajaan negeri memang tidak dapat lebih-lebih lagi di Kelantan. Saya minta pandangan. Terima kasih..

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang relevan. Saya rasa sekarang kita tidak ada satu data yang menyeluruh di mana kita memasang paip sebab itulah saya mengatakan bahawa kita perlu mewujudkan satu sistem GIS untuk mengesan di mana kita telah pasang paip-paip air ini. Kalau kita tidak tahu di mana paip itu dipasang nampaknya kita akan mengorek di sini atau timbus di sana akhirnya akan menjadi kucar kacir. Sebab itulah saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri perkara ini perlu disegerakan. Kalau kita tidak mempunyai data atau statistik di manakah paip-paip itu ditanam ataupun dipasang akhirnya kita tidak dapat membuat mengatitkan strategi yang tepat untuk membuat pemasangan yang baru atau menggantikan paip-paip yang lama. Itu adalah perkara yang perlu disegerakan.

Begitu juga meter-meter air ini. Saya rasa kita sering menerima pandangan ataupun teguran kadangkala aduan daripada pengguna bahawa meter-meter air ini apabila dipasang kadangkala ianya tidak dapat berfungsi dengan tepat. Apa yang berlaku sekarang apabila pihak syarikat bekalan air itu datang ke rumah-rumah mereka apabila telah membuat pemasangan meter yang baru mereka akan berpandukan kepada meter yang baru ini untuk mengenakan caj. Apa sebarang tunggakan yang wujud itu terpaksa dibayar berdasarkan perhitungan mereka sendiri.

Saya rasa pihak Kerajaan Pusat patutlah mengenakan ataupun mewujudkan satu sistem di mana aduan daripada pengguna air itu dapatlah didengar ataupun diteliti dengan baik agar syarikat-syarikat bekalan air tidak menindas pengguna sewenang-wenangnya.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu dilakukan, ke mana mereka hendak merayu? Mereka datang ke Pusat Wakil Rakyat, Pusat Khidmat Wakil Rakyat dan apabila wakil rakyat menyebut tentang memajukan masalah ini kepada pihak atasan atau pihak syarikat bekalan air, mereka mengatakan bahawa nampaknya ada...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ha, minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Datuk bagi Ledang..

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menyebut bahawa wakil rakyat akan mengajukan masalah yang dibawa oleh pihak pengguna kepada pihak atasan, adakah ini mengganggu urusan jabatan sehinggakan ada pihak-pihak mengatakan bahawa apabila kita membawa masalah akan mengganggu urusan jabatan, mengganggu urusan kerajaan, jabatan yang berkaitan? Adakah ini yang dimaksudkan mengganggu urusan? Sila Yang Berhormat Datuk bagi Ayer Hitam...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya rasa bagi mana-mana wakil rakyat yang berjiwa rakyat, apabila masalah rakyat itu diketengahkan, kita sepatutnya membawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan. Saya rasa sebagai wakil rakyat, kita rasa terpanggil untuk melakukan itu dan saya tidak nampak di mana penyalahgunaan kuasa itu. Tetapi apabila kita menggunakan kuasa itu untuk kepentingan diri, itu lain cerita.

Walau bagaimanapun, kita sama-sama menunggu keputusan Jemaah Menteri yang dikatakan akan mengeluarkan satu Garis Panduan yang jelas kepada semua Ahli Parlimen termasuklah pembangkang, apa yang patut dilakukan. Tetapi saya rasa rata-rata Ahli Parlimen mempunyai kebijaksanaan untuk menentukan apa yang patut dilakukan, apa yang patut tidak dilakukan.

Berbalik kepada soal kebocoran paip ini, saya ingin menyarankan bahawa kebocoran paip dalam kawasan-kawasan rumah walaupun ianya telah dikesan, tidak sepatutnya dikenakan hukuman kepada pengguna air. Apa yang dilakukan sekarang, lazimnya mereka mengenakan caj tambahan ke atas kebocoran paip yang dikatakan melalui pintu hadapan rumah-rumah kediaman ini dan mereka mengenakan caj itu kononnya air NRW itu akan dicaj mengikut kadar yang telah ditetapkan dan mereka yang mendiami di kawasan tersebut terpaksa menanggung bil-bil air itu.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak adil kepada pengguna air. Sebab itulah saya mengatakan, perkara ini patut diberi perhatian. Akhir sekali, mewakili warga Parlimen Ayer Hitam, saya ingin sekali lagi menyeru kepada menteri yang berkenaan supaya membantulah negeri Johor, membantulah rakyat Johor untuk menurunkan takrif air ini sebab kita tidak mahu kadar air itu tinggi akhirnya membebankan rakyat Johor. Saya juga meminta supaya Yang Berhormat Menteri melihat semula, meneliti apa jua konsesi yang telah ditandatangani, baik di Puncak Niaga, Equiventures, SYABAS ataupun SAJ. Kita perlu melakukan sesuatu untuk membetulkan apa kesilapan yang telah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Yang di-Pertua. Pepatah orang tua-tua, pepatah ini jarang-jarang kita dengar tetapi sebenarnya menyentuh tentang kehidupan kita dan orang tua-tua kita bijak bestari. *'Ayam di kepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan'*. Cantik, indah dan ini satu gambaran yang telah pun di nukil oleh orang tua-tua kita untuk perhatian kita dan orang pakar bahasa sekarang pun jarang dapat mencipta ungkapan-ungkapan yang cantik seperti ini.

Cuma agaknya yang terbaru ini, generasi baru ini agaknya Karam Singh di TV3 sahaja dapat mencipta, sebagai contoh dia kata *'Di mana anjing menyalak, di situ ada biawak'*. Yalah walaupun dia bukan orang Melayu tetapi dia dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan dia menyalak bukit Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, tidak. *'Di mana anjing menyalak, di situ ada biawak'*. Betullah, ini pembukaan saya Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia menyentuh tentang masalah air ini dalam ucapan Rancangan Malaysia ke-9. Kalau kita semua tidak berhati-hati dalam menjaga air, inilah pepatah tadi. Itik di air mati kehausan, banyak air tetapi kalau air itu tercemar, air itu penuh dengan racun, air itu penuh dengan perkara-perkara yang tidak seharusnya berada di dalam air, kerana pembajaan, kerana keracunan yang dibuat oleh manusia sendiri, walaupun air itu melimpah-limpah, tetapi dia tidak memberikan erti dalam kehidupan manusia.

Ingatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Rancangan Malaysia yang ke-9 harus kita semua memberikan perhatian yang serius. Dalam hubungan ini, saya hendak mengucapkan tahniah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hah!, Kepong bangun. Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak tambah pepatah lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, bukan. Tidak payah, tidak payah kerana dia pandailah itu. Yang Berhormat bagi Sri Gading itu, berbahasa yang indah tetapi kalau dia merajuk susah. Penjelasan Yang di-Pertua. Apakah sebabnya Yang Berhormat, satu-satunya negeri di negara ini, Johorlah. Apabila orang hendak buang sampah, dia pergi ke Johor. Sebab apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa kena-mengena dengan air Yang Berhormat bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang air, kena mengena dengan air. Dengan ammonianya pun ada, kerana buangan sisa toksik di sungai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya. Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baik. Mungkin agaknya, mungkin Yang di-Pertua, mungkin yang membuang sampah ini atas nasihat Yang Berhormat bagi Kepong agaknya. Agak sayalah. Yang Berhormat bagi Kepong ini boleh bergurau. Saya hendak mengucapkan tahniah, syabas dan terima kasih sebenarnya. Tidak ada rakyat yang siuman yang tidak menyokong rang undang-undang ini, tidak ada.

Kerana rang undang-undang ini menyentuh masa depan kita. Masa depan yang penting. Jadi harapan kita, dengan pembentangan rang undang-undang ini, masa depan rakyat negara ini, berkaitan dengan kepentingan asas manusia. Samalah seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi bahawa air adalah asas penting kepada manusia.

Memang semua kehidupan sebenarnya bergantung sangat dengan air. Apabila rang undang-undang ini dibentangkan dan insya-Allah akan diluluskan, saya harap masa depan rakyat dan negara ini kepada air ini akan terus dapat kita pelihara. Saya hendak menyentuh beberapa perkara soal kuasa menteri yang dipertikaikan. Tetapi saya amat berasa lega apabila dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri menyatakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat menyebut mengenai kuasa menteri, saya tertarik apabila Yang Berhormat kata air ini adalah sumber yang sangat baik untuk manusia. Saya setuju dalam Al-Quran ada menyebut...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sangat penting.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dalam Al-Quran ada menyebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. 'Aku turunkan hujan itu daripada langit untuk sebahagiannya manusia kamu minum, sebahagiannya untuk binatang ternakan dan sebahagiannya untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan supaya kamu boleh hidup baik di dalamnya'.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah undang-undang air yang kita bawa hari ini menepati kriteria yang tersebut? Iaitu untuk kegunaan manusia, untuk kegunaan haiwan, dan juga untuk kegunaan binatang supaya manusia yang ada di dalam ini baik sifatnya. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali? Ya terima kasih Yang Berhormat. Saya juga seperti rakan saya Yang Berhormat daripada Ketereh. Air ini memang menjadi keperluan. Bukan sahaja kepada manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, kenderaan pun perlu air Yang di-Pertua. Saintis kita ke bulan pun perlu air, Yang di-Pertua pun letih begini perlu air. Kalau banyak air, sihat kita semua. Jadi undang-undang, akta yang diterjemahkan oleh menteri iaitu berhubung dengan akta air ini memang perlu kita persetujuan untuk mengurus air negara kita.

Penjelasan yang saya minta, apakah Yang Berhormat mungkin perasan bahawa ada perlu ungkapan-ungkapan yang perlu ditambah iaitu kuasa menteri, kalau boleh di'bracket'kan iaitu kebenaran Kabinet. Ini perlu jelas walaupun telah diperjelaskan sebab dalam akta ini tidak tersurat akan hujah-hujah dia. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih datuk...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jawab sekali, jawab sekali boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai. Terpulang kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak bagi atau tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sila, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal ayaq ini. Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan-rakan kita, ayaq bagi manusia itu....

Seorang Ahli: Air, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Air ya, air. Saya tidak boleh. Air bagi manusia itu penting. Kalau orang tidak ada air dalam badan, dia boleh mati. Kita tengok di negara-negara yang dilanda kemarau, kita tengok Sudan, di negara-negara Afrika, di Kenya. Tetapi kalau air berlebihan juga, ia akan memusnahkan dan mematikan orang juga. Di sini menunjukkan betapa pentingnya air itu, walaupun lembut, air ini Yang di-Pertua, walaupun lembut tetapi boleh membunuh.

Kita tengok Tsunami. Bila air yang lembut itu datang begitu kuat, dia boleh membunuh. Maksud saya ini Yang Berhormat bagi Sri Gading, air ini harus diuruskan dengan begitu baik kerana air ini datang daripada Allah S.W.T kepada makhluk. Daripada Allah turunnya air ini, betul tidak Yang Berhormat bagi Ketereh? Untuk makhluk kerana tanpa air, tanpa angin, manusia akan Inna lillahi wainna illahirrajiun. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Ketereh?

Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita harus kalau harus perkemaskan rang undang-undang ini, kita harus perkemaskan. Kerana ini adalah amanah Allah S.W.T untuk diperturunkan kepada makhluk dia supaya air ini diberi dengan elok dan suci kerana air ini juga diguna untuk mengambil wuduk untuk menunaikan solat. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Sri Gading yang saya hormati?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga, terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam menteri pula Yang Berhormat ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia punya tanya itu macam saya menterilah. Tetapi saya bukan menteri dan tidak layak jadi menteri. Soal air memang pentinglah. Semua air penting Tuan Yang di-Pertua, tiada air yang tidak penting. Semua air Tuan Yang di-Pertua, apa jenis air pun, air memang penting. Kalau ketiga-tiga rakan saya bertanya peri pentingnya air, memang semua air, semua air itu penting Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam Islam ada macam-macam jenis air. Menyentuh tentang sedikit apa Yang Berhormat bagi Kinabatangan nyatakan, yang saya sebenarnya hendak bercakap tentang kuasa menteri. Saya amat rasa lega kerana menteri memperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini, walaupun dalam rang undang-undang ini jelas bahawa kuasa menteri itu kuasa

yang tinggi, kuat, besar. Tetapi beliau menyatakan, menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini, kuasa menteri ini tertakluk kepada Kabinet. Saya ulangi lagi apa yang diperkatakan oleh menteri sewaktu pembentangan, kuasa menteri di dalam rang undang-undang ini, ia tertakluk kepada Kabinet. Maknanya walaupun menteri itu diberikan kuasa yang luas, kuat itu tertakluk juga kepada keputusan Kabinet. Jadi dengan itu ..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekejap. Dengan itu, saya tidak ragu, tidak bimbang kerana kuasa Menteri itu dikawal oleh satu kuasa yang di atasnya iaitu kuasa Kabinet yang mana Kabinet ini dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keputusan Kabinet yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentulah keputusan yang akan memihak kepada kepentingan rakyat dan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Sri Gading. Saya pun setuju dengan Sri Gading kerana kata menteri tadi dia tertakluk kepada Kabinet. Tetapi adakah, alangkah cantik sekiranya yang perkataan "Menteri" ini kita ubah terus sahaja kepada Kabinet kerana hari ini kita menghadapi menteri yang ada ini. Apa kata kalau di masa-masa akan datang, menteri lain, yang tak rujuk kepada Kabinet. Ini yang kita persoalkan sekarang, kan lebih baik walaupun disebut menteri, dan menteri tertakluk kepada Kabinet tetapi rang undang-undang ini akan pakai bertahun. Mengapa tidak kita langsung sahaja daripada perkataan "Menteri" ini kita gantikan dengan perkataan "Kabinet". Apa pendapat Sri Gading?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Setuju. Parit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat Sri Gading, sebenarnya apa yang saya nak sebut sama dengan sahabat saya daripada Jasin. Supaya perkara ini diperjelaskan dalam undang-undang kita. Sekarang ini hanyalah dengan izin persefahaman menteri itu, tapi yang lebih baiknya ialah diletakkan, dimasukkan dalam akta ini bahawa kuasa, kuasa jemaah Menteri. Sekarang pun Yang Berhormat bagi Sri Gading, amalnya pun Tuan Yang di-Pertua, semua kenaikan bil-bil elektrik sebagainya dibawa ke Jemaah Menteri. Kenapa tidak amalan ini diletakkan di dalam peraturan dan undang-undang supaya lebih jelas dan sempurna. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa yang diperkatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Parit, saya setuju. Kalau agaknya kita buat sedikit pindaan, kuasa Menteri yang dinyatakan oleh menteri pun memang tertakluk kepada Kabinet, agaknya untuk menjadi pendinding masa akan datang, kita terus sahaja pinda perkataan "Menteri" itu kepada keputusan Kabinet. Kalau itu dipersetujui oleh Dewan, saya tidak ada apa-apa halangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kita boleh bercakap, ini ialah mengenai dengan soal pengurusan air. Air dah ada, ini soal pembetulan dan kemudian perkhidmatan air itu. Yang Berhormat bersetuju tak ataupun apakah pandangan Yang Berhormat sebenarnya, kita nak pindah kuasa ini tadi daripada negeri kepada Pusat kepada Persekutuan. Itu jelas air itu, jadi menteri ke, Perdana Menteri ke, siapa ke. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai dengan perpindahan kuasa daripada negeri ke Pusat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, terima kasih sahabat saya Sungai Petani. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, merasa lega dalam pembentangan, bagi saya apabila seorang menteri, membentangkan dalam Dewan yang mulia ini segala

perkara yang tercatat hitam dan putih, segala perkara yang dilafazkan oleh menteri, dia menjadi pegangan kita. Menteri yang melafazkan satu kata-kata di dalam Dewan yang mulia ini, dia tidak boleh meminda sembarangan. Saya nak sentuh di sini, apa yang dibangkitkan oleh Sungai Petani. Saya merasa lega kerana dalam ucapan pembentangan, menteri mengatakan bahawa undang-undang yang kita bentang ini tidak pula menafikan perkongsian antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri kecuali Sabah dan Sarawak.

Jelas maknanya, walaupun memang rang undang-undang ini akhirnya memberikan kuasa pengurusan air kepada kerajaan pusat, namun Kerajaan Pusat tidak sekali-kali boleh menafikan hak yang ada kepada kerajaan negeri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit pandangan yang baik untuk Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga pandangan baik untuk kerajaan negeri. Sri Gading, Yang Berhormat faham ke kadang-kadang pengurusan itu diambil alih oleh Kerajaan Pusat tetapi sesetengah negeri hasil mahsul negeri itu ialah air. Macam Kedah, Kedah ini bergantung kepada air dan manusia di Malaysia ini makan beras ini kerana air. Air daripada takungan MADA dan sebagainya. Air-air ini adalah hasil mahsul kepada Kerajaan Negeri Kedah. Kalau benda ini telah diberi balik kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Kedah akan menghadapi masalah *cash flow* dari segi pentadbiran negeri. Dia akan hilang sebanyak RM160 juta kutipan air daripada rakyat setahun.

Bagaimanakah negeri Kedah akan boleh hidup? Apakah *compensation* dengan izin yang akan diberi oleh kerajaan pusat tentang kehilangan RM160 juta setahun. Betul tak Sungai Petani?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Betul, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebelum itu Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini baru mukadimah, belum saya berucap lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Minta laluan, ini sambungan daripada apa yang dibangkitkan oleh Jerai. Ini bercakap hari ini sentimen negeri Kedah iaitu apakah pada cadangan Yang Berhormat bagi negeri-negeri yang hilang hasilnya tadi? Apakah akan diberi satu gantian ataupun, nak sebut ganti rugi, nanti kata kita *extort* Kerajaan Persekutuan dengan izin. Tapi kita kata nak kan gantian ataupun hasil yang lain ataupun subsidi yang lain supaya mereka tidak sangat kehilangan yang besar daripada ini. Termasuk Johor macam saya bangkitkan tadi, air Johor dihantar ke Singapura dengan harga yang murah, tapi diimport balik dengan harga yang mahal. Bagaimana Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perjanjian Persekutuan, memang ada hak-hak kerajaan negeri. Memang ada hak-hak kerajaan Persekutuan, dan memang ada hak-hak bersama. Air, tanah adalah hak negeri. Memang kehilangan hasil oleh kerajaan negeri apabila semuanya diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Saya tidak mahu menyentuh ini kerana Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi menyatakan bahawa kehilangan hasil oleh kerajaan negeri-negeri ini harus diambil kira oleh kerajaan pusat yang mengambil alih pengurusan air.

Satu lagi yang cantik Ayer Hitam tadi mengatakan, bahawa soal pengurusan sungai-sungai tadahan air bukan lagi di bawah kerajaan negeri, tetapi harus juga dipikul oleh kerajaan pusat. Dengan lain-lain perkara, dengan lain-lain perkataan bahawa beban kerajaan negeri mengurus sungai, tadahan air, tasik dan sebagainya yang dijadikan sumber minuman itu mesti dipikul oleh Kerajaan Pusat. Saya nak menambah dalam urusan ini, kalau boleh dengan pengambil alih oleh Kerajaan Persekutuan ini, semua hutang-hutang negeri yang jumlah RM7 bilion ini dihapus kira. Hapus kiralah, dah mentang-mentang kau nak semua beban ini, tak ada beban biawak kau pikul, sila pikul ini. Semua RM7 bilion ini lebih kurang, saya tak berapa tepat angka hutang-hutang kerajaan negeri ini diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*].

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya nak nyatakan Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut kehendak dari segi keperluan asas air ini diberi oleh Allah secara percuma, kalau bolehlah kalau tidak ada kos-kos tertentu, air ini pun *free* oleh kerajaan, tak payah bayar lagi. Kerana bagi saya kerajaan bertanggungjawab menyediakan air ini, kalau boleh *free*. Agaknya kalau nak diberi beban sedikit, macam Jerai masuk, batang paip tu masuk saja agaknya, batang dia tu saja yang kena bayar, lepas tu air lantaklah, minumlah, *free* kalau boleh. Pasal air ni satu kegunaan asas manusia, dan apa yang boleh disumbangkan oleh kerajaan dalam perkara ini, menjadi satu ibadat yang paling besar.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, nak bagi mana Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ingat Menteri Perdagangan Dalam Negeri bersetuju, cari pahala di dunia ini. [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Harga air Yang Berhormat, harga air.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi Puchong bangun dulu tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Mengenai kuasa negeri mengenai pengurusan air. Ada pendapat bahawa semua *in corporation* dengan izin ataupun dengan syarikat-syarikat swasta ini di negeri seperti Selangor ataupun Johor ini yang mempunyai masalah. Bukankah ini satu keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri dahulu, ini bermakna kerajaan negeri telah membuat keputusan secara keseluruhannya untuk menswastakan pengurusan dan juga rawatan air. Ini akan menimbulkan masalah.

Maka kalau ini berlaku, kalau sekarang ini Kerajaan Pusat kembali untuk menolong kerajaan negeri ini. Maka ini adalah satu pandangan yang kurang baik kerana apa yang dibuat oleh kerajaan negeri dulu ada masalah, maka Kerajaan Pusat datang untuk menguruskannya dan ini termasuklah hutang-hutang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Saya nak tahu sedikit pandangan bagaimana Kerajaan Pusat boleh mengatasi kemelut seperti ini secara total.

Yang kedua mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kuasa menteri tadi. Saya setuju dengan apa pandangan Yang Berhormat bahawa kuasa mutlak kepada menteri ini memang tidak boleh diberikan setakat ini. Tetapi pada masa yang sama kalau kita tukarkannya kepada semua keputusan adalah dibuat oleh Kabinet, maka masalah-masalah operasi, masalah *operational* dengan izin, masa untuk membuat satu keputusan terpaksa kita rujukkan kepada Kabinet, ini mungkin mengambil masa yang lama.

Maka ini mungkin akan memberi satu keputusan yang tidak memihak kepada kesejahteraan dan juga kepentingan rakyat. Kerana kalau kita membuat satu keputusan yang lambat, ataupun satu keputusan yang tidak mengikut perkembangan yang terkini, kemungkinan besar satu-satu keputusan itu akan memberikan kekurangan atau memberikan sesuatu yang tidak baik kepada rakyat dan juga pengguna-pengguna air di negeri-negeri tertentu. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya minta Sri Gading jawab sekali apa yang dikemukakan oleh Puchong ada berkaitan. Kerana pada masa dulu kita dah menswastakan beberapa negeri macam di Selangor, macam di Johor, Kelantan dah swasta? Hanya yang kita minta sekarang ini, apa pendapat Sri Gading. Kita ada rang

undang-undang yang baru yang kononnya akan menyeragamkan industri air. Tetapi bagaimana perjanjian yang telah dibuat di Johor dulu dan di Selangor? Adakah ini juga kena dikuatkuasakan dengan rang undang-undang baru ini? Kalau kita lihat rang undang-undang ini dikecualikan Sabah dan Sarawak, mengapa dikecualikan Sabah dan Sarawak? Kalau kita nak kan, *unfair* dengan izin tidak berlaku adil kepada mereka-mereka yang dah di *privatise* yang lebih awal. Mengapa tak orang yang dah di *privatise* lebih awal juga dikecualikan macam Sabah dan Sarawak? Apa pendapat Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perkara 188, menjawab kedua-dua soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu yang saya rasa lega apabila menteri menyatakan di Dewan yang mulia ni sekali lagi di dalam pembentangan rang undang-undang bahawa beliau menyatakan antara sebab-sebab kenapa rang undang-undang ini dibentangkan ialah untuk memberi keutamaan kepada pengguna-pengguna atau dalam kata-kata yang lain menteri, kerajaan, rang undang-undang ini akan sentiasa memberikan keutamaan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung petang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskannya Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk meneruskan dan menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun membahaskan ini pada sebelah tengah hari tadi dan insya-Allah saya sambung sebentar sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh dari segi undang-undang ini. Apabila Yang Berhormat Menteri membentangkan tadi bahawa beliau telah menyatakan dengan tegas bahawa rang undang-undang ini, dan sudah tentu kerajaan yang menentukan rang undang-undang ini disediakan akan memberikan keutamaan kepada pengguna. Ini satu *statement* menteri yang bertanggung jawab, yang memang memberi kelegaan kepada rakyat.

Maknanya di sini rang undang-undang dengan beberapa fasal-fasal yang tertentu keutamaannya kepada pengguna, dan antara kepentingan pengguna Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyatakan walaupun sama-sama kita ketahui, bahawa rakyat dalam menggunakan air ini, pertama dia hendakkan air yang bersih. Keutamaan memberi air yang bersih kepada rakyat, itu sesuatu yang mesti dijadikan keutamaan yang tertinggi.

Yang kedua, soal pembekalan air, sekarang ini memang sudah menjadi kebiasaan rakyat kadangkala dapat air, kadangkadang tidak dapat air, kadangkadang ada air, kadangkadang tidak ada air. Apabila tidak ada air, huru-hara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ia berbeza dengan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Air seperti mana yang sama-sama kita ketahui menjadi sumber utama dalam kehidupan. Apabila tidak ada air Tuan Yang di-Pertua, kerana almaklum, kita hendak suruh ambil air perigi, mana rakyat sekarang yang membuat perigi dan perigi pun tidak tentu dia punya kebersihan. Hendak ambil air terus dari sungai, kita pun bimbang sungai yang tercemar dan berbagai-bagai lagi yang boleh merosakkan, mengganggu kesihatan. Maka itu, bekalan air yang berterusan mesti diutamakan.

Yang ketiga, ini juga amat penting Tuan Yang di-Pertua ialah harga air, harus agaknya pada suatu ketika nanti, boleh diselaraskan di peringkat seluruh negeri dalam negara ini harga air yang tidak membebankan kepada pengguna. Tiga perkara yang penting ini, saya berharap dengan lulusnya rang undang-undang ini, akan diberikan keutamaan.

Yang keempat, dalam ucapan sambungan saya ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang Fasal 5 dalam rang undang-undang ini, yang berkaitan dengan Suruhanjaya. Saya hendak menarik perhatian menteri supaya perkara (c) ini ditambah dengan mengambil kira kedudukan wakil negeri-negeri. Di sini tidak kurang daripada lapan, tetapi tidak lebih daripada 10 yang dilantik oleh menteri, selain daripada Pengerusi dan juga Pegawai Eksekutif. Saya berharap kerajaan negeri-negeri diberi tempat sebagai wakil dalam Suruhanjaya ini. Terutama negeri-negeri yang kepentingan airnya macam Johor, Selangor, Kedah dan berbagai-bagailah negeri agaknya, yang memang airnya begitu menjadi sumber yang banyak bagi negeri-negeri ini, sudah barang tentu patutlah negeri-negeri ini duduk menjadi wakil dalam Suruhanjaya.

Di sini tidak ditentukan siapa yang lapan orang ini, tetapi dengan kuasa yang diberikan kepada menteri saya harap negeri-negeri yang saya katakan tadi boleh diletakkan wakil, supaya kepentingan negeri dapat dilihat bersama oleh Suruhanjaya ini, supaya negeri itu dapat bersuara melalui wakil yang duduk di dalam jawatankuasa ataupun di dalam Suruhanjaya ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mana-mana syarikat yang sekarang ini sedang menjalankan aktiviti pengurusan air ini, terutama syarikat-syarikat bumiputera, saya harap dengan adanya akta ini tidaklah kepentingan mereka akan terjejas. Walaupun agaknya penyeliaan boleh dilakukan kepada mereka, tetapi kepentingan mereka jangan pula sampai terjejas. Kerana saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat ini telah pun melaburkan wangnya berbilion, kadang-kadang beratus juta.

Kalau agaknya ada ganggu gugat oleh kementerian, oleh undang-undang ini, saya bimbang nanti pencapaian orang Melayu dalam perniagaan industri air ini, akan pula terganggu, terganggu. Saya berharap menteri dapat menentukan supaya syarikat-syarikat yang telah beroperasi, soal hendak diselia syarikat-syarikat ini, itu terpulanglah kepada Suruhanjaya ini kerana kita mahu perkhidmatan syarikat-syarikat itu juga memberikan keuntungan kepada rakyat. Di samping mereka mendapat keuntungan, tapi keuntungan kepada rakyat juga menjadi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Saya harap, tak tahulah saya, macam telah pun disentuh oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi. Ini sepatutnya menjadi tanggungjawab kepada kerajaan, kementerian dan suruhanjaya ini nanti iaitu soal dua jenis air. Maknanya air yang terus diminum dan air yang mungkin digunakan untuk perkara-perkara lain di mana harga air ini saya rasa mungkin akan lebih murah dan kalau kita dapat menyediakan dua perkhidmatan ini air yang terus boleh diminum seperti negara-negara yang pernah saya lawati, ada dua jenis air; air yang boleh terus diminum dan air digunakan untuk perkara-perkara lain, ia akan beri kebaikan terus kepada rakyat dan kita sudah barang tentu untuk meningkatkan perkhidmatan ini mesti bercita-cita untuk mewujudkan perkhidmatan yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan kata-kata yang saya nyatakan tadi, menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jasir.

2.41 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bersama dengan rakan-rakan dalam membahaskan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006. Sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa saya juga agak sangsi dan juga risau kerana banyak di dalam rang undang-undang ini memberi kuasa yang begitu besar kepada menteri dan apa sahaja yang diputuskan oleh menteri - muktamad. Bukankah lebih baik di Akta ataupun di Seksyen 114 dan 120 kepada

rang undang-undang ini, yang mana keputusan yang begitu besar sepatutnya harus diputuskan oleh mahkamah tetapi dalam seksyen ini kita tengok semuanya menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Silakan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Baru hendak mula ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebentar tadi ucapan pembentangan Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa dalam akta yang asal tidak tersebut iaitu yang disebut kuasa menteri itu tidak perlu dicabar di mahkamah. Tetapi penjelasan daripada menteri tadi jelas bahawa ada tambahan, dia kata iaitu selepas mendapat kebenaran daripada Jemaah Kabinet. Saya amat menghormati menteri kita ini sebab beliau telah meminta Kabinet kalau boleh tambah, atas kebenaran Kabinet barulah menteri itu diberi kuasa. Dia kata mana-mana menteri yang sengaja hendak menyusahkan kontraktor boleh dibawa ke mahkamah. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang saya risau ini ketika Yang Berhormat Menteri kita yang ada ini mungkin dia akan rujuk kepada Kabinet, tetapi kita tidak tahu di masa akan datang, kalau bertukar menteri yang lain, yang sudah tercatat dalam akta ini kuasa menteri, dan dia kata, "*It's my power!*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Saya ingatkan *floor* Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pandangan tadi telah diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan keikhlasan menteri kata tadi, dia akan merujuk kepada Kabinet sesuatu keputusan yang melibatkan penswastaan, penarikan balik dan sebagainya untuk kebaikan badan tersebut. Contohnya mungkin macam kenaikan tarif elektrik di mana bila Tenaga Nasional hendak menaikkan harga elektrik ini, maka ia merujuk kepada Kabinet untuk mendapatkan persetujuan. Kalau Kabinet tidak bersetuju, maka tidak boleh dikuatkuasakan.

Adakah Yang Berhormat bercadang supaya pengakuan iaitu kuasa mutlak ialah kepada Kabinet harus dimasukkan dalam klausa, supaya macam Yang Berhormat katakan tadi, Yang Berhormat kita ini tidak okeylah, dia orang lama, dia faham. Mungkin kalau yang baru dia tidak faham, takut kalau dia rujuk kepada peraturan undang-undang itu, maka maklumlah bila orang terlibat dengan perniagaan air ini, modalnya bukan sikit, *bank loan*nya pun cukup besar. Mungkin di masa hadapan ini kalau ada syarikat baru yang terlibat susah hendak dapat - *not bankable*, dengan izin, tidak boleh mendapat pinjaman daripada bank.

Adakah Yang Berhormat bercadang untuk memasukkan bahawa sesuatu arahan itu muktamad apabila kelulusan dapat daripada Kabinet setelah mendapat cadangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Itulah tadi, apabila Yang Berhormat bagi Sri Gading membahaskan tadi, saya kira kena masukkan Kabinet kerana kalau menteri ini agak am ataupun tidak berapa khusus. Kita kena masukkan perkataan "Kabinet" dalam rang undang-undang ini. Saya pun hairan, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi marah mengatakan dia takut apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan mungkin industri air ini akan lepas tangan ke orang asing. Tetapi pada hari kalau kita lihat rang undang-undang ini dengan kuasa menteri yang ada, saya rasa jangan katakan orang asing, orang bank tempatan pun takut hendak *finance*, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, *bankable* ataupun tidak. Orang bank tempatan pun akan takut hendak *finance* kerana orang yang berniaga air - dengan adanya rang undang-undang ini ibarat telur di hujung tanduk. Dia pun tidak tahun nasibnya!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua akta ini diwujudkan adalah untuk menjaga kepentingan negara selaras

dengan tuntutan kerajaan untuk merealisasikan integrasi nasional. Saya melihat bahawa akta ini akan menjadi satu buku yang boleh dibaca oleh semua pihak termasuk luar negara, Suruhanjaya Hak Asasi dan sebagainya tertera ungkapan iaitu "keputusan menteri atas kepentingan negara adalah muktamad dan tidak boleh dibawa ke mahkamah."

Kita faham bahawa satu akta itu diwujudkan adalah untuk *remedi* ataupun mencari jalan penyelesaian. Apabila undang-undang atau akta itu diwujudkan tanpa menjelaskan penyelesaian, itu bukan undang-undang namanya. Apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian dan menteri sendiri supaya mengubah beberapa ayat dan kita sokong. Kita tidak *against*. Cadangan menteri ini amat baik untuk kepentingan negara. Kita bukan seperti pembangkang, seperti Ipoh Barat, yang mengungkap ungkapan peribadi kepada menteri, tetapi apabila dicabar untuk bertanding di kawasan menteri di Beruas, tidak berani.

Menteri kita ini memang begitu prihatin dan membawa pindaan akta ini untuk kepentingan rakyat dan negara. Mungkin juga kita boleh selitkan ungkapan-ungkapan yang lebih meyakinkan sama ada operator air dan juga pihak bank-bank itu sendiri supaya mereka boleh memberikan pinjaman kepada operator-operator yang sedang mengusahakan perusahaan air ini yang majoritinya bumiputera, dan Yang Berhormat mungkin ingin mencadangkan agar ada perubahan sedikit dalam kandungan ayat tersebut.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita tahu bahawa industri air ini memerlukan pelaburan yang begitu besar dan apabila orang hendak melabur dalam pelaburan yang begitu besar, dia akan lihat keperluan untuk kepastian undang-undang dan jaminan terhadap hala tuju peraturan dan perubahan dalam industri itu. Kalau kita masih lagi tidak berapa berkeyakinan, maka itu akan membantutkan pelaburan kerana dalam rang undang-undang ini ada terdapat beberapa tidak kepastian. Macam yang saya sebutkan tadi, dalam Seksyen 114, ia perlu dititikberatkan oleh rang undang-undang. Kalau kuasa menteri sahaja tidak dibawa ke mahkamah, kuasa menteri adalah muktamad, sesiapa pun akan ragu-ragu hendak melabur kerana kedudukan mereka seperti telur di hujung tanduk.

Oleh yang demikian kita berharap supaya kementerian dapat melihat perkara-perkara ini supaya ini akan menarik pelabur-pelabur tempatan untuk menyokong usaha kita kerana dalam rang undang-undang ini apabila kita lihat bahawa akta begitu stabil maka banyaklah pelabur-pelabur dan pemain-pemain air ini dapat pinjaman daripada bank dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak kalau ada banyak lagi persoalan boleh timbul tentang rang undang-undang ini membuatkan orang ragu-ragu dan saya takut besok apabila kuasa menteri terlampau besar, terlampau kuat maka yang terjejas ialah industri itu sendiri. Dengan demikian saya berharap dan kita akan menyokong akta ini diluluskan sekiranya Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian dapat melihat tentang kuasa-kuasa Menteri yang begitu kuat di dalam rang undang-undang ini kalau dapat kita perkemaskan lagi. Yang mana kuasa menteri yang mana kuasa Kabinet, kita kena *define* dalam undang-undang ini kerana itu boleh dapat menimbulkan kepercayaan kepada pelabur-pelabur di dalam industri ini. Sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dengan sahabat saya Jasin ni. Maknanya bukanlah semua apa yang dibuat oleh kerajaan dihentamnya. Mana yang dia sokong, dia sokong, mana yang dia hentam, dia hentam. Maknanya dia ini rasional selaku Ahli Parlimen yang benar-benar memperjuangkan rakyat contohnya dalam ucapannya inilah. Tahniah kepada Jasin supaya orang jangan salah faham dengan Jasinlah. Mana yang dia boleh sokong dia sokong dan kalau yang dia sentuh tu bukan soal peribadilah tetapi soal tugas sebagai Ahli Parlimen. Syabas kepada orang Jasin kerana memilih Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja? [*Dewan ketawa*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang akhir Tuan Yang di-Pertua, saya punya ucapan petang ini oleh kerana kawan-kawan sudah memuji sangat ni saya terasa

terangkat sedikit. Saya hendak tahu juga daripada menteri bagaimana nasib mereka yang ada konsesi sekarang? Macam di Selangor, macam di Johor walaupun dalam rang undang-undang ini ada tetapi sekiranya mereka tidak hendak mengikut akta yang baru kita luluskan tadi apa akan jadi kepada mereka? Apa akan jadi kepada mereka sekiranya? Dengan adanya rang undang-undang ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kita berharap pada akhirnya kerajaan kena melihat berkenaan dengan kadar caj air ini kalau boleh kita hendak seragamkan di seluruh negara. Tidak guna kita ada Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air yang dikuatkuasakan di seluruh negara tetapi rakyat esok akan ketawakan kita mengapa air di Pulau Pinang begitu murah harganya, mengapa di Selangor begitu harganya, di Johor begitu harganya, saya berharap

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ketereh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, silakan Ketereh.

Datuk Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Bila Yang Berhormat sebut caj air, saya teringat pagi tadi saya bayar bil air. Bil air kita ini untuk 200 meter kiub yang pertama dengan izin adalah 0.51 sen satu liter di Petaling Jaya. Kemudian 100 meter kiub yang terkemudiannya 0.71 sen. Kemudian selebih daripada itu jika kita guna lebih daripada itu ia naik jadi RM1.71. 0.51 sen – 0.71 sen – RM1.71. Penjelasan yang saya mohon dari Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Dia suruh jimatkan air.

Datuk Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. [*Dewan ketawa*] Saya faham. Mula-mula guna *the first* 200, mula-mula yang 200 ini sekian harga, kalau guna banyak lagi mahal lagi kalau guna banyak betul mahal betul. Tetapi yang saya hendak tengok ialah saya merasakan walaupun 0.51 sen saya merasakan ianya mahal, 0.51 sen – 0.71 sen – RM1.71 lagilah mahal, tidak munasabah sebab kadang-kadang bila saya berjalan balik daripada Parlimen ini, airnya turun sahaja macam tu. Ia tidak perlu dicari gali. Ia tidak perlu berusaha bersusah payah. Air ini sebenarnya tidak ada kos. Tidak seperti minyak yang ada kos. Kena pergi cari gali, kena korek, kena macam-macam tetapi air tidak payah. Yang perlu pada air kosnya ialah kos untuk membawa air itu daripada tempat pembetungan kepada pengguna, kos itulah sebenarnya yang menjadikan ia 0.51 sen, 0.71 sen dan RM1.71. Saya yakin Akta ini tujuannya ialah untuk menyelaraskan perkara ini.

Di Kelantan harga lain dan di Johor harga lain. Saya hendak minta penjelasan apakah wajar harga air ini harga air yang saya sebut dalam [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Aku turunkan hujan ini dari langit untuk kebahagiaan manusia, binatang dan haiwan supaya kamu hidup aman di dunia ini*". Apakah wajar ianya diletakkan begitu rupa. Itu saya hendak minta komen Yang Berhormat sebelum saya berucap. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Ketereh. Itulah sebabnya saya katakan tadi, kalau boleh dengan adanya rang undang-undang yang baru ini kita dapat menyelesaikan masalah keseragaman harga ini. Selepas adanya rang undang-undang ini kalau kiranya kerajaan hendak buat subsidi lagilah macam kita subsidi minyak pada hari ini saya rasa lebih wajar kerajaan memberi subsidi kepada air ini kerana ini akan mendapat kepada semua rakyat di dalam negara kita.

Kalau kita beri subsidi minyak banyak pun bukan semua orang pakai minyak banyak tetapi air ini adalah keperluan asas dan kalau kita bagi subsidi, kerajaan bagi subsidi untuk pengguna-pengguna air ini oleh kerana kita hendak menyeragamkan harga ini, saya kira inilah satu-satunya subsidi yang harus kita bagi supaya semua rakyat dalam negara kita dapat nikmatnya. Silakan Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Jasin. Ini berkenaan dengan caj. Sebenarnya kalau Yang Berhormat bagi Ketereh kata air sepatutnya kita dapat percuma kerana ia diturunkan oleh Allah S.W.T. tetapi soalnya ialah sekarang ini kita bercakap ialah mengenai rawatan air itu, itu yang menyebabkan kos. Soalnya sekarang kepada Yang Berhormat bagi Jasin, kalau dahulu pihak kerajaan negeri menguasai rawatan pembetungan air cajnya amat rendah itu dikelola dan dikendalikan oleh pihak kerajaan.

Tetapi kemudiannya telah beralih tangan kepada pihak swasta yang mengendalikan itu. Sepatutnya ia memberikan perkhidmatan yang lebih murah dan lebih baik. Tetapi cajnya makin tinggi seperti kata Ketereh tadi. Memang caj tinggi. Persoalannya, apakah cadangan Yang Berhormat bahawa caj ini sepatutnya dikenakan minimum sahaja. Oleh kerana macam kita kata air adalah keperluan sama ada kita suka atau tidak suka mesti ada air. Apa cadangan Yang Berhormat untuk caj ni kalau bolehlah yang paling minimum sekali. Kalau katalah seorang warganegara kena RM5 ataupun RM2 sebulan pun sudah mencukupi, misalnya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh jawab sekali?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh, boleh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati pandangan daripada rakan-rakan yang lain. Contohnya di Johor, bagi rumah tangga tentang kadar bayaran ini, kurang daripada 15 meter padu 0.38 sen, saya ambil tengah 31 hingga 45 meter padu, RM1.64, lebih 100 meter padu RM2.01. Maknanya dalam kata lain lebih banyak menggunakan air kadar semakin meningkat tetapi saya berfikir begini, pertama kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan air yang bersih tetapi kita harus tidak lupa bahawa kerajaan juga mempunyai tanggungjawab untuk memimpin orang ramai supaya menggunakan secara bijaksana.

Contohnya kalau mengikut standard WHO, penggunaan air ialah bagi satu buah rumah ialah 150 liter sehari tetapi dalam Malaysia tidak kurang 250 liter. Maknanya kita banyak pembaziran. Adakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju bahawa kadar ini terpaksa dikenakan dengan lebih tinggi pada jumlah yang banyak semata-mata kerana hendak mendidik orang ramai walaupun memakan masa yang lama supaya menggunakan air secara bijaksana. Adakah Yang Berhormat bagi Jasin setuju? Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sambung terus.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nanti terlupa banyak sangat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang dan saya berharap perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang dan Yang Berhormat bagi Sungai Petani akan menjadi sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap ini Tuan Yang di-Pertua. Kita harap kerana kalau kita ada rang undang-undang untuk menyelesaikan masalah yang ada tapin pokoknya, soal pokok mengenai harga ini kita tidak boleh seragamkan apatah lagi yang lain. Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil atas perkara yang diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Soal caj ini dikekalkan. Adakah Yang Berhormat setuju soal caj ini dikekalkan walaupun diswastakan kerana bila air ini dirawat kualiti yang kita terima di peringkat domestik yang penghujung paip itu oleh kerana disebabkan kewujudan paip-paip yang lama ini. Walaupun 99.99% air ini dirawat bersih tapi apabila sampai kepada penghujung kepada pengguna ini mungkin hanya 60% sahaja kualitinya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya. Memanglah, itulah sebabnya saya jangkakan yang kerajaan wujudkan rang undang-undang ini kerana pada sekarang ini pandai-pandai negeri-negeri sahaja. Pandai-pandai negeri-negeri sahaja dan akhirnya sekarang banyak negeri menghadapi masalah air. Saya terasa Tuan Yang di-Pertua. Kita di Melaka apabila dahulu tidak ada air. Hoo! Azab saya Tuan Yang di-Pertua, azab. Hendak mandi pun tidak ada. Sengsara dan kalau air ini hendak buat *dam*, satu *dam* di kawasan saya sampai RM700 juta hingga RM800 juta. Pendapatan negeri Melaka berapa?

Kita berharap ini satu jalan keluar. Memang suruhanjaya ini diwujudkan rang undang-undang ini satu jalan keluar untuk hendak menyelamatkan negeri-negeri ini kecuali Kedah masih kata ini *source of income* tapi hutang dia boleh tahan juga. [Ketawa] Kalau Kerajaan Pusat kata bayar sekarang saya pun tidak tahu apa hendak jual.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Lelonglah!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini satu benda hendak menyelamatkan yang sebenarnya baik. Hanya sekarang ini kita minta dengan rang undang-undang ini supaya masyarakat yang hari ini yang parti pembangkang kempen ini Tuan Yang di-Pertua yang dia bergerak mana-mana...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Duduklah sekejap. Tengah stim ini. Tengah hendak naik ini. Yang dia dok...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Awat, tadi tidak naikkah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...cakap mana-mana ini konon-konon dia takut besok dengan adanya rang undang-undang ini harga air akan naik lebih tinggi. Saya kira menteri kita yang bertanggungjawab ini akan pastikan air lebih rendah. Betul atau tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau tinggi besok kita panggil balik menteri datang jawab dengan kita di sini. Tetapi kita belum nampak kerana kita tengok dahulu kita menghadapi banyak masalah Tuan Yang di-Pertua. Contohnya apa yang berlaku tentang sampah di Selangor. Kita dahulu hendak buat *incinerator* menyelesaikan masalah sampah. Pembangkang juga datang kempen pada orang. Itulah inilah merbahayalah. Akhirnya *incinerator* ini batal. Sekarang kita menghadapi masalah bagaimana tentang pelupusan-pelupusan sampah. Yang ini kita rang undang-undang air ini untuk kebaikan untuk menyelesaikan masalah air.

Kita harus menghalusi kerana kita dengan harapan ini dan menteri ada kuasa supaya untuk memastikan orang-orang yang terlibat dalam industri air ini tidak mudah menaikkan harga air. Sila Yang Berhormat bagi Jerai, apa benda Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin saya hendak perbetulkan sedikit tentang air di Kedah ini.

Beberapa Ahli: Air! Air!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Air, airlah. Air di Kedah ini Tuan Yang di-Pertua memanglah kita berhutang. Kerajaan Kedah berhutang saya tidak nafikan. Tapi kena ingat Kedah ini negeri yang berdaulat tertua di Malaysia, satu.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Betul!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang keduanya, Kedah bagi air kepada orang Pulau Pinang dengan orang Perlis sekupang pun tidak bayar.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, air itulah kita dok tanam pokok padi jadi beras rakyat Malaysia makan, hendak kira sangatkah? Saya kalau kacau Kedah saya marah Tuan Yang di-Pertua fasal Kedah negeri tertua. Kalau ikut salasilah raja-raja Kedah adalah kerajaan tertua dan kalau mengikut sejarah Kedah ini tertua daripada Amerika Syarikat.

Beberapa Ahli: Woo! [Dewan riuh]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sungguh Tuan Yang di-Pertua bukan hendak melawak. Ini sejarah. jadi hutang sedikit-sedikit ini kalau bahasa Mandarin kata 'sab-sab soi' lah. Hapus kiralah Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau kita tidak

bagi air kepada Pulau Pinang hendak buat apa? Kita tidak bagi air kepada Perlis hendak buat apa? Air tidak ada Tuan Yang di-Pertua azab. Api tidak ada tidak apa lagi. Raba-raba boleh jumpa Tuan Yang di-Pertua. Air tidak ada Tuan Yang di-Pertua, malam Jumaat pun tidak boleh apa, pakai tidur macam itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jangan hendak main-main.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai atas penerangan. Melaka pun negeri tertua juga. *[Ketawa]* Tetapi dalam sejarah ini saya kira Melaka lebih tua daripada Kedah. Kita ini sama-sama tua. Dengan harapan ini bahawa rang undang-undang ini kita mengharapkan supaya kita dapat mengatasi masalah yang besar. Kebanyakan industri air kita ini pada hari ini kita mengalami kerugian disebabkan mengapa. Kos rawatannya tinggi dan banyak air kita hilang di jalan. Antara tempat-tempat loji air ini tempat pengurusan air ini hendak sampai ke rumah orang itu tengah jalan itu kita hilang banyak. NRW ini terlampau tinggi. Itu sebab kosnya tinggi dan apabila kita hendak tukar paip ini saya dengar di Melaka sahaja Tuan Yang di-Pertua apabila hendak tukar batang paip ini Tuan Yang di-Pertua memerlukan lebih daripada RM500 juta.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tukar batang paip. Sila Yang Berhormat bagi Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin menyebut tentang keseragaman air. Tapi Yang Berhormat bagi Jasin, air ini dia tidak sama dengan elektrik. Di utara dengan di selatan sumber dari segi voltan sama. Tetapi bagi air ini kita boleh bayangkan katakanlah umumnya mengetahui pencemaran air di Pulau Pinang lebih teruk lebih dahsyat berbanding dengan di Pahang dan mungkin lebih dahsyat berbanding dengan Johor atau Terengganu kerana Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang membangun dan maju. Banyak pencemaran air.

Logiknya ialah kos rawatan air di Pulau Pinang begitu juga mungkin di Selangor lebih mahal berbanding dengan Pahang dan Terengganu kerana negeri-negeri tersebut lebih mencemarkan air berbanding dengan Pahang dan Terengganu. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin dalam bab ini, dari segi teknikal. Adakah kita hendak seragamkan dari segi kos air walaupun berbeza kos rawatan di utara dan di selatan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Yang saya minta oleh kerana kita hendak sama rata sama harga seragamkan airnya dengan adanya akta ini membolehkan kerajaan bagi subsidi apa salahnya, supaya kita dapat selaraskan harga air di seluruh negara kita ini air satu harga dan kalau misalan kata kos rawatan air di Perak kerana Ipoh Barat ini mahal kerajaan subsidi. Apa yang hendak dihebohkan sangat?

Kita negara Malaysia negara kaya. Banyak benda lain yang kita subsidi tetapi ini untuk rakyat, keperluan rakyat. Janganlah kita terbawa-bawa dengan cara dia. Ipoh Barat ini kempen sana kempen sana. Pakai budak-budak. Buat apa budak-budak? Yang ini kita boleh selesaikan masalah dengan begitu mudah. Selagi Barisan Nasional diberi kuasa memerintah ini saya kira rakyat Malaysia tidak akan susah berkenaan dengan harga air akan datang.

Beberapa Ahli: Betul! Betul!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kinabatangan lagi. Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terbaca, budak-budak 12 tahun, 11 tahun, 10 tahun, tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini tidak relevan. Budak-budak hendak mencadangkan kepada kita bagaimana pengurusan air negara kita agar jangan jatuh ke tangan orang asing.

[Ketawa] Siapa yang hendak menjual air kepada orang asing? Ini saya rasa pembangkang sudah kehabisan idea Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada modal lagi dah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sehingga budak-budak pun dibawa untuk berbahas dalam soal isu air.

Seorang Ahli: Betull!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berbalik kepada cadangan harga air diseimbangkan, diseratakan di seluruh negara. Apakah juga Yang Berhormat berkeyakinan bahawa harga air ini juga termasuk harga air yang dijual dari Johor Bahru kepada Singapura juga ikut harga yang sama ataupun kita tidak boleh bincang harga jualan air ke Singapura ini. Minta pandangan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itu forum lain pula.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jasin, Jasin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sambung lagi sekali Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jasin, Jasin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya ini hendak minta penjelasan. Depa dera guna budak-budak Tuan Yang di-Pertua, budak-budak bawah umur, yang ini salah Yang Berhormat bagi Jasin. Memperalatkan budak-budak yang belum lagi baligh, yang belum lagi cukup umur dia. Memperalatkan ini adalah satu penderaan. *[Ketawa]* Penderaan fikiran.

Seorang Ahli: Jawatankuasa Hak Keistimewaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita boleh ambil tindakan. Akal siapa yang buat kerja ini?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau orang tua-tua ini, boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini budak-budak depa bukan tahu apa, ayaq ini semua. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam mana Jasin?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jasin, Jasin, Jasin. Minta sedikit lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Ledang, ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya teringat peristiwa Hang Nadim. Kalau betullah Saliha kita dan..... kita terima. Mereka ini boleh dianggap Hang Nadim. Tetapi saya yakin ini bukan Hang Nadim ini. Ini bukan Hang Nadim. Ini nama-nama yang mungkin diwujudkan sahaja hendak menjadi seperti, walhal digunakan oleh mereka, sahaja dibawa dalam Dewan Rakyat ini, diedarkan dan dibaca.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia Hang Khadam.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hang Khadam.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat-sahabat saya. Kita tidak payahlah hendak membahas. Kalau tengok cara dia membahas, mula-mula pun lebih kurang yang umur tujuh tahun, lapan tahun sahajalah dia punya pemikiran. *[Ketawa]* Jadi buat apa yang kita hendak layan dia?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang penting bagi kita ini Tuan Yang di-Pertua, kita berharap, kita menyokong Rang Undang-undang Industri ini dengan beberapa pindaan yang disebutkan oleh rakan saya kerana kita takut, supaya dengan kuasa yang begitu besar kepada menteri yang kita beri, di bawah rang undang-undang ini, kita takut tidak dapat menarik pelabur-pelabur dan juga pemain-pemain dalam industri dan juga pinjaman-pinjaman bank. Kemungkinan bank tidak akan memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha industri air ini. Dengan begitu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

3.13 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk bersama membahaskan Rang Undang-undang Industri Air, Perkhidmatan Air 2006.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen, kita berbahas di sini untuk kepentingan rakyat pada masa yang akan datang dan bukan sekadar kita memikirkan tentang apa yang berlaku pada hari ini. Walaupun *bill* ini, rang undang-undang ini ditulis untuk dibahaskan pada hari ini, tetapi implikasinya mestilah kita memerlukan pemikiran ke hadapan untuk melihat kesan baik dan kesan buruk terhadap undang-undang ataupun rang undang-undang yang sangat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada beberapa beban sejarah yang terpaksa kita tanggung oleh negara akibat daripada kecuaiannya ataupun mungkin terlepas pandang terhadap beberapa insiden yang terpaksa negara tanggung pada hari ini, yang sangat sukar untuk kita merungkaikannya. Walaupun kita memanggil pakar-pakar ataupun peguam yang terbaik, sebagai contoh tentang bagaimana perjanjian air kita dengan Singapura dan kes-kes yang melibatkan bagaimana negara terpaksa menghadapi satu keadaan yang serba salah dalam menjalin hubungan dua hala, terutama dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu mengingati bahawa apabila kita berbincang tentang kuasa menteri, kuasa-kuasa yang diberikan kepada eksekutif dan kuasa-kuasa yang kita berikan di atas mandat rakyat, adalah penting untuk kita melihat juga tentang perjanjian-perjanjian yang melibatkan kepentingan rakyat seperti yang telah berlaku, yang kita juga merasa cukup hairan. Di akhirnya, apabila kita mendapat pandangan-pandangan daripada pakar-pakar perundangan, kita melihat kesilapan telah berlaku dan yang terjejasnya sudah tentulah kepentingan rakyat yang hidup dalam negara ini, yang mengharap sesuatu yang terbaik untuk mereka.

Kita perlu ingat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita telah merdeka hampir 50 tahun, yang sepatutnya warga tua yang ada pada hari ini, yang berumur 100 tahun lebih dan anak yang baru lahir pada hari ini, yang inginkan kehidupan yang lebih baik untuk menentukan kesejahteraan generasi yang akan datang. Sebagai contoh, yang paling jelas bagaimana kita terlepas pandang isu perjanjian kerajaan dengan PLUS, perjanjian TNB dengan IPP dan juga perjanjian-perjanjian yang lain yang menyebut pada hari ini, bahawa rakyat terpaksa menanggung segala beban akibat daripada kecuaiannya yang dilakukan sebelum daripada ini.

Siapakah yang patut dipersalahkan? Siapakah yang patut memikul tanggungjawab ini untuk mengembalikan maruah rakyat dan mengembalikan kepentingan rakyat yang seharusnya dapat hidup dalam sebuah negara yang sepatutnya kita telah secara perlahan-lahan menuju kepada sebuah negara berkeadilan, sebagaimana negara United

Kingdom dan negara-negara *Scandinavian* yang dianugerahkan oleh UNDP sebagai negara yang paling selamat untuk didiami.

Di antara kriteria negara-negara ini, yang paling penting adalah bagaimana kerajaan memberikan perkhidmatan yang paling murah dalam mentafsirkan apa yang dimaksudkan dengan izin, *social obligation*, rawatan air yang terbaik, udara yang terbaik, kos hidup yang tinggi dan harga barang yang murah. Inilah yang menyebabkan mereka dianugerahkan sebagai negara ataupun tempat yang paling selamat untuk didiami.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh juga, saya ingin mengambil di sini tentang bagaimana kes-kes yang telah berlaku. Sebagai contoh, negeri Johor Darul Takzim yang kita sedia faham, isu air bukan sekadar berlaku. Krisis ini bukan sahaja berlaku di negeri Johor tetapi juga berlaku di negeri-negeri yang lain. Saya ambil contoh yang paling jelas bagaimana perkhidmatan air yang diberikan. Sebagai contoh yang disumbangkan daripada Empangan Sembrong dan Empangan Machang. Yang sebenarnya, kedua-dua empangan ini bukanlah sebuah empangan yang diluluskan oleh Dewan Alam Sekitar yang dikategorikan sebagai empangan air yang selamat.

Lanya pada asalnya, hanyalah sebuah *catchments area*, kawasan tambatan banjir, tanah gambut yang bila turunnya hujan yang lebat dan masalah iklim khatulistiwa yang kita alami di Malaysia, sudah tentu proses ini mendatangkan kesan-kesan kimia terhadap air tersebut yang pada baru-baru ini. Hasil kajian yang dibuat oleh UNDP sendiri yang membuktikan bahawa kandungan air ataupun bekalan air yang terpaksa diterima oleh rakyat di daerah Batu Pahat adalah merupakan kualiti air yang paling buruk iaitu adalah air yang ditakrifkan air beracun, yang kita juga bayar dengan tarif bil yang mahal.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan seperti inilah pada saya mestilah diambil kira dan pendekatan yang *holistic* mestilah diambil sebagai suatu resolusi yang penting untuk kita memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, segala pandangan-pandangan yang diberikan sama ada pandangan itu kita *anticipate* dengan izin, atau pun satu ramalan masa depan bukan bertujuan kita hendak melakukan satu pengkhianatan kepada negara, tapi yang penting ialah kita meramalkan kita memiliki proaktif sebagai Ahli Parlimen, kita yang dipilih oleh rakyat pada hari ini.

Kita bukan JKK, kita bukan standard orang kampung yang tidak boleh membicarakan tentang perkara yang besar, perkara yang kita ramalkan akan berlaku yang berdasarkan pada trend dunia yang ada pada hari ini yang saya melihat bahawa kita perlu pada pemikiran yang rasional dan proaktif untuk kita menilai secara objektif tentang mana-mana keputusan apatah lagi tentang rang undang-undang yang penting ini yang akhirnya kita akan menjadikan kepentingan rakyat sebagai *bottom line*.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ...sebagai suatu yang sangat penting demi kesejahteraan rakyat. Saya bagi Gombak, dulu.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, kerana telah memberi laluan kepada saya untuk penjelasan. Kita tahu bahawa walau pun pada ketika ini di setengah-setengah tempat air telah diswastakan. Tetapi, itu kita tahu juga ada badan-badan pengawasan yang mana badan-badan pengawasan itu terdiri daripada agensi-agensi kerajaan sendiri iaitu misalnya daripada Kementerian Kesihatan ataupun daripada Jabatan Bekalan Air dan sebagainya.

Kita tahu kalau berlakunya *violation* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ataupun pelanggaran kepada kualiti air dan sebagainya bukankah agensi kerajaan ataupun kementerian yang telah diberi tanggungjawab untuk memantau perkara-perkara tersebut boleh mengambil tindakan. Mengapakah kita harus mempersalahkan pada saya penswastakan itu kalau misal kata kualiti air dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya

boleh dipantau oleh agensi-agensi yang telah dilantik ataupun yang mempunyai kuasa dalam bidang-bidang tersebut.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar Sekolah Menengah daripada Parlimen Gombak yang hadir [*Tepuk*] pada hari ini bersama-sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Nanti dulu, saya jawab dulu. Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat saya daripada Gombak. Sebab itulah saya mengatakan tadi apa juga yang telah berlaku, yang telah berlaku seharusnya diambil kira walau pun pada saya sebesar zarah kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak mestilah diambil kira untuk kita menggubal suatu rang undang-undang yang terbaik untuk rakyat. Pada saya ini suatu pemikiran yang kita semua pada saya mesti mengalu-alukannya dan apa juga kesalahan-kesalahan yang telah dibuat dan kebaikan-kebaikan yang telah rakyat terima pada saya juga suatu yang perlu kita alu-alukan.

Saya insya-Allah tidak akan lokek, tidak akan bakhil untuk memberi kredit kepada siapa-siapa yang membuat kebajikan tetapi, sebagai sebuah kerajaan pada saya samalah dengan seorang doktor pakar yang bergelar doktor pakar ni *specialist* tidak boleh melakukan kesilapan yang berulang-ulang. Sebab itu saya mengatakan tadi, beban sejarah ini mesti kita kaji supaya tidak berulang-ulang supaya ia menjadi suatu yang kita pelajari bagi generasi pada yang akan datang. Sila, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Cuma saya bukan nak bercakap, saya nak perbetul sikit Yang Berhormat kata tadi, agak Yang Berhormat terlupa kot. Yang Berhormat kata kita ini bukan JKK, kita ini bukan orang kampung. Yang Berhormat kita semua ini mai daripada kampung.

Yang Berhormat kata lagu tu, saya ni cukup jauh hati fasal saya orang kampung dan yang duduk ada dalam Dewan ini pegawai-pegawai ini pun orang kampung. Jadi, kalau Yang Berhormat perbetul sikit Yang Berhormat duduk tang ni pun kerana orang kampung. Tolong Yang Berhormat, tersentak hati orang kampung.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Jerai, jangan bimbang saya juga orang kampung, saya dilahirkan di Kampung Serkat Tanjung Piai, Pontian Johor. Saya tahu orang kampung dan kita semua orang kampung. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, minda kita, minda kita dan pemikiran kita. Sebab itulah mereka mengangkat kita di sini untuk bercakap bagi pihak mereka, bukan dengan niat saya untuk menghina orang kampung, JKK dan seumpamanya.

Kerana merekalah, mereka undi kitalah, kita ada di sini dan kita berbahas Rang Undang-undang Air ini dan SPAN untuk kepentingan mereka, kepentingan orang kampung yang akan merasakan kesan daripada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua saya mengambil kesempatan ini untuk saya mengucapkan terima kasih dan seharusnya pada saya Parlimen juga memberikan ucapan terima kasih kepada mana-mana pihak yang memberikan pandangan mereka terhadap rang undang-undang ini. Saya juga mengucapkan terima kasih pada Kementerian Yang Berhormat Kementerian Air ini yang juga mengundang kami daripada pembangkang untuk satu dialog yang diadakan di sebuah hotel di Kuala Lumpur baru-baru ini untuk kita juga mengadakan satu dialog dengan Yang Berhormat dan memberikan pandangan kita. Walaupun pandangan itu berbeza dengan bentuk kritikan tetapi percayalah bahawa dalam isu air ini pada saya pembangkang juga mahukan yang terbaik untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kumpulan-kumpulan NGO-NGO yang saya rasa seramai 112 orang daripada Fomca, daripada Era Consumers, daripada Standard Users dan mana-mana organisasi yang merasakan mereka penting untuk memberikan sumbangan ini. Saya rasa Parlimen seharusnya memberikan mereka satu kredit sebagai rakyat Malaysia mereka juga amat *concern*, amat faham tentang peranan ini.

Inilah pada saya ke arah negara Malaysia pada saya yang akan memiliki rakyatnya bukan segala Ahli Parlimen tetapi rakyat yang memiliki *first class mentality*. Ini pada saya

satu langkah yang kita perlu alu-alukan dan juga saya rasa dan Parlimen juga seharusnya memberikan penghormatan kepada aktivis-aktivis sosial pada saya yang bekerja siang malam yang memang kerja mereka untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat seperti Cikgu Azmi Abdul Hamid daripada Terengganu, Charles Santiago, Encik Edmond Lee dan lain-lain yang saya rasa dan semua pihak yang memberikan pandangan ke arah memurnikan apa yang kita bincang dengan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya nak sebut tentang bagaimana air adalah suatu lambang kedaulatan dan lambang kemerdekaan pada pandangan saya. Kita harus belajar dengan Singapura. Singapura walaupun Menteri Luar mengatakan kita terpaksa menghadapi beban sejarah yang terpaksa kita pikul pada hari ini. Tetapi, kita melihat mereka tidak pernah berpuas hati walaupun mereka telah ada legal, satu *legal right*, satu hak undang-undang yang tidak boleh mungkin di rungkai tentang mereka dapat air bersih daripada negeri Johor, tapi kita lihat mereka tidak pernah berpuas hati dengan apa yang mereka ada.

Dalam ucapan Goh Chok Tong, saya rasa sewaktu meraikan kemerdekaan Singapura empat tahun yang lalu dengan begitu megah sekali Goh Chok Tong sebagai Perdana Menteri Singapura pada waktu itu menunggang air *new water*, air kumbahan yang kita mungkin merasa jijik, meneguk air itu yang kita sendiri mungkin orang kampung kata kembang tekak bila melihat dia meneguk air kumbahan itu. Tetapi, apa yang penting bagi mereka, adalah mereka membuktikan dengan kemajuan teknologi mereka. Ini negara dan sikap yang saya rasa yang kita mesti pelajari dan kita kena teladani dalam kita memberikan air yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Kalau Singapura mengambil air kumbahan dan berbangga dengan dunia dan mencupakn di hari kemerdekaan bahawa *new water* adalah lambang kemerdekaan Singapura, saya rasa kita boleh 1,000 kali jauh lebih berbangga, kita ada air yang bersih. Sahabat saya Ketereh tadi baca ayat Quran, air yang turun daripada langit yang kita dapat percuma tetapi kita tidak boleh memberikan air yang terbaik pada rakyat.

Pada saya inilah yang apa jua usaha yang kita buat saya merasakan air adalah merupakan lambang kemerdekaan dan lambang kedaulatan kita. Singapura boleh berbelanja enam bilion ringgit Singapura untuk membina suatu loji air yang menggunakan sumber air laut diproses dan Lee Hsein Loong, baru-baru ini antara intipati ucapan hari kemerdekaan mengatakan Singapura hari ini ada loji yang paling besar di Asia Tenggara yang merupakan satu loji yang menapis air laut menukar kepada air bersih sebagai alternatif mereka kalau apa-apa terjadi daripada bekalan air daripada negeri Johor.

Ini usaha mereka yang pada saya, kita seharusnya lebih proaktif di dalam kita merancang, di dalam kita menyediakan suatu perkhidmatan air yang terbaik untuk rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya juga melihat tentang bagaimana air seharusnya dilihat oleh kerajaan, oleh kementerian sebagai suatu yang merupakan hak asasi rakyat dalam negara kita. Dalam kita menterjemahkan tentang hak asasi ini, semua pihak boleh bercakap tentang hak asasi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan November tahun 2003, Jawatankuasa Ekonomi, Kebudayaan dan Sosial (UNCESR) telah mengisytiharkan bahawa air adalah merupakan suatu hak yang tidak boleh dipertikaikan kepada manusia. Komen am UNCESR nombor 16 dengan jelas, manakala Konvensyen Hak Kanak-kanak 1961 Artikel 25, Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia 48 juga telah mengisytiharkan air sebagai satu hak dan keperluan harian yang mesti diberikan kepada manusia. Tetapi masalahnya apa yang kita bincang sebenarnya adalah tentang bagaimana kita mempraktikkan apa yang dimaksudkan tentang hak asasi manusia ini. Sahabat-sahabat yang lain tadi berhujah, adakah perlu kita memberikan air percuma kepada rakyat?

Adakah kita perlu untuk memberikan tarif yang paling rendah kepada rakyat, dan saya juga ingin bertanya secara jelas dalam Dewan yang mulia ini kepada menteri yang berkenaan, adakah satu jaminan bukan sekadar jaminan mulut, tetapi jaminan yang memiliki akauntabiliti, yang memiliki satu rasa kebertanggungjawaban yang penuh bahawa setelah lulusnya dua undang-undang ini, bahawa rakyat akan menikmati kadar tarif air yang

lebih rendah daripada apa yang mereka miliki pada hari ini. Adakah ini kerajaan boleh memberikan satu jaminan bagaimana kita mentafsirkan apa yang dikatakan hak asasi manusia untuk memiliki air ini?

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya merasakan bahawa undang-undang ini tidak mempunyai elemen-elemen perlindungan pengguna secara menyeluruh.

Rang Undang-undang ini bermotifkan *full cost recovery*, dengan izin kerana saya berpendapat bahawa apa yang perlu adalah kita melihat yang mana saya katakan tadi, adakah rakyat akan dapat menikmati perkhidmatan air bersih ini dan dapat membayar bil air mengikut tarif kehidupan, ataupun kehendak kehidupan mereka pada air ini. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga apabila kita melihat kepada kebimbangan kita terhadap apa yang dikatakan penguasaan syarikat asing.

Kebimbangan kita satu hari nanti, adakah syarikat asing boleh membeli dengan kekuatan ekonomi yang ada pada mereka, yang saya sudah dedahkan baru-baru ini bahawa sebagai contoh, Temasek Holdings dengan kekuatan ekonomi mereka, kekuatan kewangan mereka baru-baru ini mereka membeli Standard Chartered.

Walaupun syarikat Standard Chartered itu ditubuhkan di London, tetapi mereka berjaya pada hari ini, dan begitu juga apabila kita menyemak secara objektif tentang perjanjian-perjanjian, *agreement-agreement*. Sebagai contoh di Hong Kong baru-baru ini, di Hong Kong – ‘*ministry declaration*’ menunjukkan minat yang begitu mendalam terhadap industri air di Malaysia. Kemudian kita melihat tentang bagaimana *recommendation* ataupun permintaan daripada *European Commission* tentang bagaimana mereka dalam sektor *environmental services*.

Mereka telah meletakkan *target group* mereka terhadap negara-negara dunia yang menjadikan potensi ‘*blue gold*’ ini dengan izin tentang air yang sangat berharga ini dan mereka mensasarkan negara-negara seperti Argentina, Brazil, Chile, India, Mesir, termasuk juga Malaysia dan Mexico dan negara-negara di Afrika bagaimana mereka mensasarkan *target* mereka untuk mereka masuk dalam negara-negara ini. Yang kita sedia maklum bahawa semua negara yang saya sebutkan tadi adalah merupakan negara dunia ketiga yang kalau kita tidak berhati-hati, kalau kita tidak *anticipate*, kita tidak memiliki minda untuk kita melihat masa hadapan, dan kita tidak boleh mengatakan “tidak” pada hari ini.

Mungkin menteri yang ada pada hari ini boleh mengatakan “tidak”. Tetapi apa jaminan menteri? Jaminan menteri bukan undang-undang, jaminan menteri bukan satu perkara yang boleh dipertanggungjawabkan pada masa hadapan mengenai status undang-undangnya, sebagaimana yang banyak berlaku tentang janji-janji yang disampaikan kepada rakyat, yang akhirnya kita melihat satu suasana yang tidak sihat atau suasana yang rakyat terpaksa berhadapan dengan pelbagai risiko demi masa hadapan mereka.

Saya mengharapkan supaya Parlimen dan juga menteri, dan kementerian yang berkenaan melihat bagaimana berlakunya tentang fenomena ataupun satu kecenderungan hasil daripada perbincangan-perbincangan, konvensyen-konvensyen ataupun seminar-seminar di peringkat antarabangsa dan badan-badan seperti WTO, FTA yang mereka akan menggunakan ruang ini untuk mereka masuk ke dalam negara kita, dan menjadikan industri air ini sebagai sasaran utama mereka yang mereka menganggarkan sangat menguntungkan. Yang akhirnya sebagaimana yang saya sebut tadi, beban-beban sejarah seperti perjanjian kita dengan PLUS, TNB dan IPP yang *bottom linenya* bukan rakyat. Yang pemikiran akhirnya bukan kehidupan rakyat.

Yang akhirnya mereka fikir bukannya kebajikan rakyat, tetapi yang mereka fikirkan adalah tentang keuntungan syer *holders*, pemilikan milikan saham yang dalam syarikat mereka, yang rakyat terpaksa menanggung bertahun-tahun akibat daripada beban yang sangat mengancam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya pergi kepada apa yang dikatakan tadi tentang kuasa menteri secara spesifik. Oleh itu saya ingin melihat dan bertanya dalam Dewan yang mulia ini tentang ahli-ahli Suruhanjaya yang dipilih nanti oleh pihak kementerian. Siapakah mereka yang sebenarnya? Dalam dialog yang kami adakan di

antara pembangkang dan pihak kementerian, saya pernah mencadangkan supaya mereka ini mestilah terdiri daripada mereka yang kredibiliti, yang dipandang tinggi oleh rakyat, yang memiliki status yang boleh dipercayai oleh rakyat dan juga wakil daripada kerajaan-kerajaan negeri, yang pada saya sangat penting untuk duduk dalam Suruhanjaya ini. Saya inginkan jaminan daripada pihak kementerian, siapakah sebenarnya dan kriteria ciri-ciri mereka yang akan menduduki Suruhanjaya ini agar sebarang keputusan, sebarang cadangan dan sebarang resolusi ini juga mestilah melihat kepada kepentingan rakyat.

Kemudian kita melihat tentang subseksyen 1 Seksyen 11 dalam rang undang-undang ini tentang fasal yang menyatakan, menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Suruhanjaya tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu. Kenapa disebut *clause* ini? Sepatutnya di mana pertimbangan menteri? Sama ada anggota-anggota Suruhanjaya itu boleh dipecat pada bila-bila masa. Apakah makna? Saya ingin satu penjelasan yang tepat dari pihak menteri, kenapa memasukkan tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu untuk menjauhkan ataupun untuk tidak dilabel sebagai seorang diktator. Ini perlu satu penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, kenapa fasal ini dimasukkan. Kemudian kita melihat bagi subseksyen 1 Seksyen 18, yang juga menerangkan bahawa Suruhanjaya yang bertanggungjawab kepada menteri ia bermaksud kuasa menteri adalah lebih besar daripada kuasa Suruhanjaya tersebut.

Di mana *border line*? Di mana sempadan kuasa itu supaya kita tidak hendak melihat berlakunya... walaupun Suruhanjaya memberikan pandangan yang terbaik, mungkin Suruhanjaya ini memberikan suatu pandangan-pandangan yang objektif, yang ilmiah, yang lebih mendasari kepada kepentingan rakyat, tiba-tiba kuasa menteri boleh *outrule* segala-galanya.

Apa gunanya, jadi kita juga mahu melihat suatu perimbangan yang jelas di mana sudah tentu menteri memerlukan input, memerlukan maklumat daripada suruhanjaya ini tetapi jangan sampai segala apa yang dikemukakan oleh suruhanjaya ini dengan begitu mudah dibatalkan oleh pihak menteri di atas frasa tidak perlu membuat apa-apa penjelasan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga cuba pergi kepada Seksyen 89 iaitu mengenai pemberhentian bekalan air sekiranya gagal menjelaskan bil. Di mana kita melihat kerangka masa yang diberikan kepada pengguna menjelaskan bil mereka hendaklah dipinda, ini pandangan saya kerana masa 14 hari tidak mencukupi bagi rakyat biasa, tidak mencukupi.

Kalau kita ingin berhujah tentang hak asasi memang rakyat memerlukan air, manusia memerlukan air tanpa mengira agama, kaum dan bangsa. Di manakah keperluan kita untuk kita menghadkan masa yang begitu *rigid* bagi pandangan saya bagi rakyat membayar bil air ini dan kalau kita berhujah di atas hak asasi manusia, kita melihat, kementerian perlu melihat perkara ini dalam bentuk yang lebih luas. Kemudian Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini agar kementerian memiliki satu *data base* yang lengkap, yang cukup untuk kita memberikan suatu perlepasan kepada pengguna-pengguna air yang terdiri daripada masyarakat miskin tegar, dan juga masyarakat-masyarakat kurang upaya dan juga masyarakat-masyarakat yang masih lagi termasuk pendapatan per kapita mereka di bawah paras kemiskinan.

Saya rasa tidak salah untuk kita membuat sedikit kajian, sebagai contoh negara-negara seperti United Kingdom dan Belgium yang tidak mengamalkan tindakan pemotongan bekalan ini, tindakan yang diambil memandangkan air telah diterima sebagai hak asasi manusia yang asas dan oleh itu kerajaan tidak boleh lari daripada apa yang dikatakan sosial *obligation* dengan izin ataupun tanggungjawab sosial kepada rakyatnya sendiri. Ini diamalkan oleh negara-negara yang saya sebutkan tadi di mana mereka yang kurang upaya, mereka yang memang benar-benar hidup di bawah paras kemiskinan mereka ini dikecualikan daripada membayar bil, bermakna mereka menikmati bekalan air bersih secara percuma.

Kemudian tentang subseksyen 33, yang meletakkan batasan kepada penyelia perkhidmatan apabila berurusan dengan pengguna hendaklah diperjelaskan lagi sebagaimana peruntukan yang terdapat dalam *United Kingdom Water Act 2003* dan *Water Services Act Scotland*, tahun 2005, rang undang-undang ini yang pada saya akan mengemukakan satu kod standard pelanggan yang sebagaimana yang diamalkan di Scotland yang pada saya telah memberikan satu contoh yang baik bagaimana

perkhidmatan air ini dapat diberikan dengan murah dan ada yang menerimanya secara percuma dan ini pada saya sudah tentu akan dapat menaikkan suatu pendekatan yang baru kepada rakyat dalam negara kita.

Perlu diingat bahawa rakyat yang memiliki *first class* mentaliti ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua di UK sebagai contoh hari ini kita diberitahu bahawa Parti Buruh telah kalah dalam sebahagian daripada kawasan-kawasan majlis tempatan mereka. Walaupun saya melihat, saya membaca secara teliti tentang manifesto, tentang perubahan-perubahan yang dibuat oleh *new Labor Party* ini yang UK sendiri telah menunjukkan sebuah negara berkeadilan, orang beranak pun hari ini kalau tidak hantar anak pergi rawatan akan didenda oleh kerajaan. Ini satu yang sangat dibanggakan, dengan perkhidmatan yang begitu rupa pun hari ini rakyat boleh memberikan hukuman yang setimpal dengan kerajaan kalau mereka merasakan hak mereka tidak dapat dijamin pada masa yang akan datang.

Ini adalah contoh daripada saya Tuan Yang di-Pertua bahawa kita perlu melihat pendekatan yang lebih besar, kita boleh melihat dengan jiwa yang lebih besar dan kita memerlukan pimpinan yang berjiwa rakyat yang benar-benar akan dapat menterjemahkan kedua-dua rang undang-undang ini khususnya Rang Undang-undang Industri Air ini sebagai kita boleh memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mengakhiri perbahasan saya dan mengharap yang terbaik yang datang adalah untuk kepentingan rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

3.45 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sekalian kerana memberi peluang kepada saya tidak kacau. Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air bagi tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa jua pembangunan yang hendak kita lakukan di dalam negara kita ini, saya lihat kadang-kadang kita dan kerajaan terlupa tentang keselamatan. Kita mesti ingat kita hidup dalam negara yang membangun dan negara keadaan dunia yang begitu mencabar. Kadang-kadang kita buat jalan raya kita tidak fikirkan keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini airlah bukan jalan raya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Betul, saya hendak masuk itu, contoh sahaja. Kita buat IPP kita tak fikirkan keselamatan. Kita buat segala-galanya pembangunan tetapi kita tidak fikirkan keselamatan. Begitu juga saya berharap masalah Suruhanjaya Air ini ataupun kita hendak ubahkan sistem perairan air ini, kita kena fikirkan keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat air *ayaq* apa beza?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Ayaq* ini tidak berapa faham Tuan Yang di-Pertua ayak ini bahasa utara, bahasa Kedah ini bahasa baku Tuan Yang di-Pertua, bahasa yang lama yang digunakan. Jadi air ini bahasa buku, jadi baku dan buku itu lebih kurang. Kita kena fikir, kita kena fikirkan keselamatan negara kita dalam apa juga aspek pembangunan. Jiran kita Tuan Yang di-Pertua, dia hendak buat apa pun *safety* dulu keselamatan dulu. Negara kita kaya-raya, negara kita aman-damai, ibarat kita buat rumah Tuan Yang di-Pertua kalau kita tidak buat pagar pencuri masuk. Binatang-binatang buas pun boleh masuk *mai* dalam rumah kita. Kita kena fikirkan keselamatan negara kita.

Saya mencadangkan mungkin ada atau tidak ada kita tubuhkan Majlis Keselamatan Pembangunan Negara untuk memastikan setiap aspek pembangunan dan Rancangan Malaysia Kesembilan ini *security*. Itu mesti diutamakan supaya ia menjadi pinding kepada keharmonian, kepada kestabilan, kepada kekuatan ekonomi dan juga pembangunan negara ini. Sekarang, saya hendak masuk bab *ayaq* Tuan Yang di-Pertua,

air. Air ini Datuk Menteri, Datuk Menteri ya dia mata pejam otak dia dengar. Ini menteri ini cukup *special*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang Yang Berhormat hujah Menteri mengikut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mengikuti, mata tutup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Timbalan menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan menteri saya tidak tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia makan angin, *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, air ini adalah sebahagian daripada keselamatan negara, keselamatan negara harus dijaga dengan baik.

Saya nak mencadangkan, saya nak mencadangkan kepada kerajaan, apabila menubuhkan suruhanjaya ini, apabila kita hendak menswastakan syarikat-syarikat untuk memproses air dan sebagainya, saya hendak pastikan bahawa kerajaan ada kuasa muktamad, kuasa mutlak untuk menyekat pemindahan saham. Saham syarikat-syarikat tersebut kepada rakyat yang bukan daripada Malaysia ataupun syarikat-syarikat bukan milik Malaysia. Yang ini mustahak Datuk. Jadi bermaknanya, kalau syarikat-syarikat yang telah kita bagi penswastakan, pastikan dia jangan sewenang-wenang boleh memindah milik kerana kita takut Datuk Menteri, kita takut dengan izin. *[Bercakap dalam bahasa Cina]*
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cakap apa?
[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, nak bagi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Nang bo ti nang.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Nak *emphasize* kan rasa bimbang saya kepada menteri. Sekarang sudah tubuh ini suruhanjayalah menteri. Jadi saya bimbang takut nanti syarikat-syarikat ini apabila diberi konsesi untuk penswastakan air, tukar saham bagi negeri oranglah Datuk. Kasi sama itu Temasekkah itu? Jadi kita kena ada pihak menteri, pihak menteri dan kerajaan mesti ada *yes or no*. Kerana kita takut. Macam IPP pun kita takut. Sekarang IPP milik syarikat tempatan. Mana tahu satu hari Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita takut penjajahan ala ekonomi.

Kita dijajah semula ala ekonomi dengan membeli dan mengaut segala kekayaan dalam negara kita milik orang-orang luar, akhirnya, kita merdeka, tetapi kemerdekaan kita, ekonomi kita berada di dalam genggaman orang luar. Yang ini kita takut. Kita hendak jaga keselamatan syarikat-syarikat ini. Kerana syarikat ini, saya tengok sudah berjaya. Kerajaan dan suruhanjaya kena tolong syarikat-syarikat air ini kerana mereka sudah bertapak. Bantu mereka. Bagi nasihat kepada mereka, tolong mereka. Tetapi jangan tekan mereka, dan kita juga kena kerjasama.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang kuasa mutlak tadi itu, menteri untuk menahan perpindahan saham. Begitulah juga untuk memastikan mutlaknya air itulah. Yang Berhormat bagi Jerai, cakap semangat ini, saya nak tanya macam mana Perbadanan Air Kedah? Ataupun dalam Jabatan Air Kedah, adakah gaya Jabatan Air Kedah boleh diswastakan ataupun boleh bertindak seperti kebanyakan negeri-negeri lain di Malaysia. Saya minta sedikit pendapat Yang Berhormat bagi Jerai tentang Kedah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini, saya mencadangkan. Betullah kalau ada Perbadanan Air Kedah Datuk Menteri, fasal Kedah ini Datuk, saya kena bercakap, wakil-wakil rakyat Kedah nak kena bercakap. Fasal Kedah bukan negeri miskin. Kedah negeri kaya dan berrmaruah.

Sekarang ini Kedah, kita gunakan seperti orang kata Kedah gemilang. Maknanya Kedah bangga. Pertamanya, Kedah, berapa orang Perdana Menteri *mai* dari Kedah? Tunku Abdul Rahman, Almarhum, daripada Kedah. Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada Kedah. Sebenarnya tiga daripada Kedah, termasuk Datuk Seri Perdana Menteri kita, Pak Lah daripada Kedah. Kerana Pulau Pinang adalah sebahagian daripada Kedah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jerai, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dalam Perjanjian masih lagi Pulau Pinang jajahan Kedah, di bawah taklukan negeri Kedah. Cuma dipajak kepada Pulau Pinang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya banyak hairan Tuan Yang di-Pertua, kalau tiga Perdana Menteri daripada Kedah, itu air pun tidak boleh selesai Yang Berhormat bagi Jerai. *[Ketawa]* Saya banyak hairanlah. Ini Jerai Cina ada pasallah. *Nang bo ti nang. [Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itulah Tuan Yang di-Pertua, pengorbanan rakyat Kedah. Kami tidak menyalahgunakan kuasa walaupun tiga Perdana Menteri. Kita tidak gunakan kuasa, walaupun banyak menteri, Setiausaha Agong UMNO daripada Kedah. Dari asal pun Kedah dan sebagainya. Tetapi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Termasuk Timbalan Speaker UMNO pun datang dari Kedah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, saya, saya. Kepong, saya Kepong, jangan main-main.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masalah tidak selesai juga!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan tidak selesai. Ini menteri lah tidak mahu selesai. *[Ketawa]* *[Sambil menunjukkan kepada Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hari ini menteri datang sini untuk selesaikan masalah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tapi ini menteri memang bagus. Ini orang lama. Ini kira-kira *rebuih tatak hempulah!! [Dewan riuh Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ibarat kata rebus tak empuklah. Maknanya dia cukup kuatlah. Itu cukup kuatlah Tuan Yang di-Pertua. Rebus pun dia tidak hancurlah, keras lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Barat tak boleh lawanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak boleh lawan. Kepong out!! *[Ketawa]* Kepong banyak lembut Tuan Yang di-Pertua. Tapi orang baik, dia cukup baik punya orang.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat. Ketereh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia patut jadilah, patut jadi pengerusi DAP!! Itu elaun ketua pembangkang, patut kasi sama Kepong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu pengerusi DAP ada belakang. *[Dimaksudkan kepada Tuan R. Karpal Singh].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ada mari ini hari!! Apa khabar Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat datang. Sihat ya? Terima kasih. Ini kawan lama saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berbalik kepada tajuk. Kalau tidak ada, duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Ini pun orang Kedah, dia memang belas kasihan Tuan Yang di-Pertua. Kita pun hormat ini Yang Berhormat kita, lama tak *mai*. Sekarang ini hari mari, bagus Yang Berhormat. Sihat-sihatlah Yang Berhormat ya? Kita pun harap Yang Berhormat sihatlah ya? Jangan marah-marah Yang Berhormat ya? Okey lagi?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya, Ketereh dahululah ya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak apalah Yang Berhormat Menteri, saya tolong ya? Saya tolong jawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan, penjelasan. Bukit Gelugor minta penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia sudah bagi saya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Lepas inilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lepas ini, lepas ini. Saya mahu terima kasih semua ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya tak nak berebut dengan Batu Gajah. Oh, Bukit Gelugor? *Sorry*. Oh, *you* bercakap bagi pihak Bukit Gelugor? Selepas inilah. Saya *joke a side* dengan izinlah. Tadi kita sedikit selang-seli dengan jenaka. Saya tengok perkataan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa pertahankan kedudukan syarikat-syarikat yang telah dan sedang berjalan dengan baik. Kerajaan mesti bantu, Yang Berhormat kata. Kerajaan mesti sokong, sebab mereka ini telah jalankan perkhidmatan dengan baik.

Dalam akta ini, ada disebut mengenai proses migrasi atau *migration* daripada sistem yang ada kepada sistem yang baru. Penjelasan yang saya hendak tanya ialah proses migrasi kepada bentuk pelesenan baru ini sebenarnya tidak jelas. Dalam akta ini tidak jelas dan ia mesti jelas dan berlandaskan prinsip keadilan. Begitu juga bentuk pelesenan. Pelesenan hendak diberi. Mereka ini boleh mesti pindah kepada sistem baru. Tapi sistem baru itu belum ditahu bagaimana? Jadi ini Yang Berhormat, saya hendak minta Yang Berhormat jelaskan, apakah ini akan ada kesannya kepada konsesi penswastaaan yang sedia ada. Sebab mereka ini sedang menjalankan kerja dengan baik. Mereka pindah kepada satu sistem baru.

Apa jaminan bahawa apabila pindah kepada sistem baru ini, sistem yang baru ini akan lebih baik daripada sistem yang telah ada. Yang itu *silent*, dalam pindaan ini, *silent*. Tidak berbunyi apa pun. Maka ini yang perlu dilihat, sebab kita tidak mahu syarikat telah

berjalan dengan baik, telah mengurangkan *Non-Revenue Water* dengan izin, dengan kaedah-kaedah seperti yang telah diperjanjikan masuk kepada satu sistem baru, ada pula masalah baru yang belum tahu boleh diselesaikan. Tapi di sini, kuasa menteri ada, mutlak. Kuasa menteri ada di situ.

Tetapi yang jadi masalah kepada kita ialah, seperti mana sahabat-sahabat kita kata tadi, ada rekod-rekod yang terdahulu, bukan daripada kementerian ini. Daripada kementerian-kementerian lain, bahawasanya apabila berlaku perkara seperti ini, timbul kesangsian di kalangan rakyat bahawa apakah ini akan jadi lebih baik atau lebih buruk? Saya tak nak sebutlah apa yang berlaku sebab saya tak berucap, saya hanya mencelah. Tapi itulah rekod...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Rupanya Yang Berhormat berucap sekarang.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yalah, dia memang bercakap dengan berucap lebih kurang sahaja. Lebih kurang sahaja. Soalnya penekanan suara saya Yang Berhormat. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat jelaskan, migrasi yang pertamanya, yang keduanya jaminan kepada yang sedia ada ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat fahamkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya cukup faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak faham, boleh serahkan kepada menteri untuk menjawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tapi saya hendak bantu Yang Berhormat Menteri sedikitlah, ya?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: [*Menganggukkan kepala*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Konsep Malaysia Inc. ataupun Malaysia Incorporated. Yang ini bermaknanya kita mahu kerjasama di antara kerajaan dengan ahli-ahli perniagaan. Kerana kita kena ingat, orang yang berniaga yang untung, kerajaan ada saham dalam semua syarikat-syarikat yang berniaga dalam negara kita ini Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan ada sekarang ini 45% cukai. [*Disampuk*] Berapa? 28 ya, Tuan Yang di-Pertua. 28% cukai pendapatan daripada keuntungan syarikat balik kepada kerajaan. Bermaknanya, dalam setiap syarikat yang menjaga dalam negara kita ini, keuntungan bersih dia, dia perlu bayar 28% kepada kerajaan. Secara tiak langsungnya, kerajaan ada saham dalam syarikat itu.

Pihak kerajaan dengan pihak syarikat air-air ini harus berpakat dan saya mahu suruhanjaya ini Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya yang tulus, suruhanjaya yang jujur, suruhanjaya yang amanah. Kita ada juga dua, tiga suruhanjaya yang kita tubuh, tetapi dia tidak telus, dia tak boleh *see-through*, punya. Dia tidak profesional dari segi menjalankan tugas dia.

Contoh kita ambil IPCMC, suruhanjaya yang ditubuhkan untuk siasat polis kerana dia sendiri tidak turun ke bawah. Dia sendiri tidak ini kemudian dia buat keputusan-keputusan yang merugikan. Keputusan yang menyakitkan dan mengguriskan hati anggota-anggota polis.

Suruhanjaya ini kena belajar, kena letak orang-orang yang tidak ada kepentingan sama ada masa itu atau masa akan datang, kita letak orang-orang yang boleh menerima teguran, orang-orang yang memberi pendapat yang *visionnya* jauh ke hadapan, orang-orang yang mempunyai perasaan kasihan..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Ketereh, saya sudah jawab ya. Elok tidak jawapan saya? *[Ketawa]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, kasihan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ini sahabat saya daripada dulu, masa saya jadi Yang Berhormat bagi Yan, Yang Berhormat bagi Gelugor jadi Yang Berhormat bagi Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Sila Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya adalah kawan lama. Bila Yang Berhormat bertanding untuk Yan dalam Pilihan Raya Umum 1999, dia kalah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini tidak berkaitan dengan masalah air.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya pun kalah di Jelutong. *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sama-samalah. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sama, nasib sama.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tetapi apa yang perlu adalah untuk mengingatkan Pulau Pinang adalah sebahagian daripada Kedah. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Jerai ada mengatakan itu tadi. Pulau Pinang adalah satu *sovereign state*. Tidak payah pergi ke belakang. Jika pergi ke belakang, Kedah adalah koloni kepada Thailand.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Saya boleh suruh dia pergi ke depan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah Yang Berhormat bagi Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya, ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...bersetuju dengan saya Pulau Pinang adalah satu *sovereign state* dalam Federation of Malaysia. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebenarnya kita dalam Malaysia ini semua negeri satu negaralah. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Semua negeri ini satu negara. Satu negara yang namanya Malaysia. Tetapi Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kena ingat sampai hari ini kerajaan bayar duit kepada negeri Kedah sebanyak RM10 ribu setahun sebagai ufti dan saya hendak minta dinaikkan kepada RM10 juta setahun *[Ketawa]* kerana jasa-jasa dan bakti...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh kita cerita soal air? Air, air.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita cerita soal air.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini airlah ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ufti bukan air.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, dulu memanglah kita kalah, kita menang balik. Ini politiklah, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soal suruhanjaya. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada menteri dan kerajaan supaya suruhanjaya ini terdiri daripada kalangan mereka yang betul-betul bijaksana melaksanakan urusan air sebab saya apabila ada suruhanjaya, kita lihat yang dilantik orang yang bersalah, yang dahulu dia bekerja selaku Pengarah, KSU dan sebagainya tidak *performs well* atau tidak menjalankan kerja yang baik dan bagaimana rakyat mengharapkan dia boleh bekerja dengan baik dalam suruhanjaya sedangkan waktu dia dalam jawatan pun dia tidak *develop*, tidak berkembang.

Apakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kalau boleh yang sudah bersara itu kita timbang-timbangkan. Bukan semua yang bersara itu tidak baik tetapi kalau boleh bagi peluang kepada mereka yang benar-benar ada komitmen, ada kesungguhan untuk melaksanakan misi kerajaan ini.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang... Yang Berhormat bagi Parit sila, sila. Kasihan Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Penjelasan, Yang Berhormat. Selain daripada saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang pemilihan individu, tidakkah Yang Berhormat yang lebih penting bukan sahaja individu itu tetapi suruhanjaya ini harus mewujudkan sistem prosedur mekanisme yang betul. Kalau orang yang kita lantik itu berpengalaman dan sebagainya, mengaku berkhidmat untuk negara dan sebagainya tetapi kalau kita tidak mempunyai sistem, prosedur dan mekanisme yang betul, perjalanan suruhanjaya ini pun juga akan pincang. Bagaimana pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang benarlah Yang Berhormat bagi Parit dan juga Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Maknanya suruhanjaya ini memang satu badan yang tertinggi di dalam kes air ini. Sudah tentu dia kena gabungan orang-orang yang berpengalaman dengan dasar dan juga pekerjaan dengan orang-orang politik juga. Kita kena masuk juga, Dato' Menteri, wakil-wakil rakyat duduk di situ, bukan untuk kepentingan tetapi untuk memastikan bahawa tidak ada penganiayaan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit? Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa khabar, Yang Berhormat bagi Larut? Ya, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sekiranya wujudnya suruhanjaya air ini, maknanya kuasa penuh kepada suruhanjaya ini untuk menentukan pendekatan kedudukan *treatment plant*, dengan izin ataupun loji rawatan air. Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah kalau berlaku pengambilalihan loji rawatan air ini oleh suruhanjaya ini, jika berlaku, bagaimana kedudukan syarikat yang mendapat konsesi ini dengan pinjamannya, dengan perjanjian-perjanjian yang telah dibuat.

Mungkin ini ada kawan-kawan lain telah bercakap tetapi kalau dapat Yang Berhormat jelaskan lagi supaya tidak timbul keraguan kerana ada sesetengah pihak yang masih lagi memberi pandangan kalau bolehlah bagaimana satu penyelarasan dari segi penjelasan tentang pengambilalihan ini dapat benar-benar diperjelaskan supaya tidak timbul kesangsian tentang penubuhan suruhanjaya ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itulah, Yang Berhormat bagi Larut, saya katakan tadi bahawa suruhanjaya ini mesti berlaku adil kerana kadang-

kadang, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak orang berniaga itu besar, kita ingat senang dia berniaga. Kita tengok syarikat ini besar, "Ooi, dia besar, dia senang." Tetapi kita tidak melihat 10 atau 20 tahun kebelakangan macam mana dia *struggle* untuk berjaya dalam perniagaan itu, macam mana dia bergadai bergolok orang kata, macam mana dia meminjam berbilion-bilion, tanggungan yang begitu berat. Kadang-kadang tanggungan pinjaman itu mungkin berpuluh tahun ke hadapan baru boleh diperjelaskan.

Suruhanjaya ini saya katakan tadi bukan suruhanjaya untuk mendera atau menekan tetapi suruhanjaya untuk membimbing dan melihat bahawa pengagihan air yang diberi oleh Allah Taala kepada makhluk. Makhluk ini, Tuan Yang di-Pertua, termasuk manusia, termasuk pokok-pokok, termasuk binatang-binatang, makhluklah ini, adil dan saksama. Saya menyokong *bill* ini atas prinsip adil, saya setuju. Tetapi biarlah ia adil dari segala-gala sudutnya.

Mungkin macam tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita kata bahawa walaupun kuasa menteri itu muktamad tetapi ia mesti dirujuk kepada Kabinet untuk mendapat keputusan muktamad sebelum sesuatu keputusan hendak dilakukan. Ini bermakna menteri cukup *sporting*. Bermaknanya dia tidak ambil kuasa kepada dia walaupun itu hak milik dalam akta ini tetapi insya-Allah dia akan masukkan *clause* ini iaitu merujuk dahulu kepada Kabinet. Apabila Kabinet membuat keputusan, Perdana Menteri bersetuju, maka ia akan dikuatkuasakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Jerai, boleh minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu pandangan yang saya kira cukup baik. Kita hendak keadilan dari segi memproses harta benda Allah Taala yang diberi kepada kita ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya percaya peranan dan tanggungjawab suruhanjaya ini ialah untuk memastikan kepentingan syarikat-syarikat pembekal air dan juga kepentingan pengguna-pengguna dilindungi.

Yang Berhormat bagi Jerai, dalam situasi di mana kepentingan pengguna, suruhanjaya ini akan memainkan peranan yang amat besar apabila berlaku penafian terhadap hak asasi tadi – kalau Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang keadilan. Pertama, pemetongan bekalan air. Syarikat bekalan air, ia akan boleh potong bekalan air apabila pengguna tidak bayar, satu.

Yang kedua, jika dia mendapati air ataupun berlaku perkara-perkara yang tidak selamat, boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna dan yang ketiga jika mereka mengesyaki berlaku kebocoran ataupun kecurian air. Antara tiga sebab ini pihak pembekal air boleh memotong dengan nasihat serta pandangan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air. Yang Berhormat bagi Jerai di mana sebenarnya, peranan sebenar Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini kepada melindungi hak-hak pengguna jika seperti yang disebutkan oleh rakan-raka kita tadi, pengguna memerlukan air ini untuk hidup, untuk minum air ini dia masak dia hendak minum. Bila berlaku pemetongan bekalan dan dinafikan haknya untuk menggunakan air itu untuk hidup, di manakah peranan SPAN ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tangga Batu saya ingat yang ini saya serah pada Menteri untuk beri penjelasan kerana yang ini dasar daripada pihak menteri. Tetapi kalau hendak potong air pun bagi sama ratalah. Jangan Dato' Menteri kadang-kadang syarikat besar-besar dia biasa hutang Tenaga Nasional milion, tidak potong. Yang mak long di kampung ini ibu tunggal ini, lima ringgit tidak bayar kena potong. Cucuh lilin tidur orang tua itu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bera.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bera bangun dari belakang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bera. Pasai apa Bera?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa tentang kuasa menteri yang dibawa ke Kabinet dan sebagainya sebelum satu-satu keputusan. Tetapi sedar tidak bahawa di dalam Fasal 114 (2) ada mengatakan bahawa kuasa menteri tidak boleh dicabar oleh mana-mana mahkamah. Begitu juga Fasal 120 iaitu perintah Menteri tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula atau dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah. Dua fasal ini menunjukkan bahawa kuasa menteri lebih tinggi daripada mahkamah dan ini bertentangan dengan prinsip undang-undang, bertentangan dengan prinsip perlembagaan dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya mana-mana fasal yang menyebutkan bahawa kuasa menteri tidak boleh dicabar di mahkamah perlu dipinda. Bermakna cukup setakat keputusan menteri setakat itu sahaja tetapi tidak boleh disambung, tidak boleh dicabar mahkamah dan sebagainya. Kerana bagi saya di dalam negara seperti ini kita ada perlembagaan, ada prinsip undang-undang dan sebagainya tidak ada kuasa yang lebih tinggi daripada pihak mahkamah. Setuju tidak Yang Berhormat kalau kita pinda dan batalkan perkara-perkara yang melibatkan perkara seperti ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang benar Yang Berhormat bagi Bera, pasal dalam Rukun Negara pun dia ada kedaulatan undang-undang. Maknanya kedaulatan undang-undang maknanya undang-undang itu adalah yang tertinggi. Dan saya harap kalau boleh tidak apalah, saya ingat Menteri boleh *adjust* sedikit yang itu ataupun beri penjelasan bahawa bukan kuasa menteri itu muktamad. Maknanya kalau kuasa menteri muktamad dan tidak boleh dirayu jadi ia akan berlaku tidak keadilan ataupun.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Dato' bagi saya peluang sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Dato'. Saya tidak sependapat dengan Bera, Jerai. Dalam rang undang-undang ini menteri tidak boleh dicabar bermakna kerajaan tidak boleh dicabar dalam menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini, dalam pelaksanaan. Ini biasa sebenarnya kerana kalau menteri atau bermakna kerajaan boleh dicabar, kerajaan tidak boleh memerintah. Kerana setiap perkara yang dibuat oleh kerajaan akan dicabar di mahkamah, kerajaan tidak ada daya upaya nanti hendak menjalankan tugas dia. Kita jangan salah faham, menteri tidak boleh dicabar di dalam Perlembagaan adalah berkaitan dengan kuasa kerajaan yang memerintah. Itu penjelasan sayalah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau hendak berikan penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memberikan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu fahaman sayalah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sudah tentu menteri akan jawab tetapi bermakna bagi saya, saya fokus dari segi keadilan dalam sesuatu kes. Memang Menteri itu kuasa mutlak kepada dia tetapi ada juga kadang keputusan menteri dibawa ke mahkamah, dicabar di mahkamah dan sebagainya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat kuasa menteri Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh saya sambung sedikit kuasa menteri?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, okey.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tadi saya sebut proses migrasi, proses migrasi ini mesti dibuat di bawah peraturan baru. Saya tanya tadi apakah kesannya kepada konsesi dan penswastan yang sedia ada? Saya hendak baca teks yang saya *prepare* supaya menteri mungkin boleh, kalau Yang Berhormat tidak boleh bagi penjelasan menteri mungkin boleh jadi. Kuasa menteri untuk memberi dan membatalkan lesen dan keperluan syarikat konsesi sedia ada untuk mendaftar dan merunding semula perjanjian mereka akan membuka jalan kepada syarikat konsesi sedia ada untuk terpaksa. Sama ada menerima terma baru atau merunding semula kontrak baru berdasarkan prinsip berkepentingan nasional seperti yang ditentukan oleh menteri. Itu adalah akta.

Rang undang-undang ini tidak jelas macam saya kata tadi terhadap apa akan terjadi kepada syarikat konsesi sekiranya mereka enggan untuk mendaftar atau merunding kembali kontrak yang baru. Di bawah Seksyen 191(3) yang dicadangkan *authority* untuk beroperasi akan tamat sekiranya operator tidak mendaftar dengan suruhanjaya dalam masa tiga bulan. Di bawah Seksyen 191(7) operator tidak akan diberi lesen sekiranya syarikat tersebut tidak memulakan proses rundingan semula. *This is a clause*. Kuasa untuk memutuskan apakah perubahan yang akan dilakukan terhadap kontrak sedia ada berdasarkan kepentingan nasional itu adalah di bawah kuasa menteri. Keputusan menteri pula adalah muktamad di bawah 191 (5).

Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat supaya kalau Yang Berhormat boleh terima Yang Berhormat cadang kepada menteri supaya perjanjian pemegang konsesi yang sedia ada ini yang mempunyai lesen ini perlu diutamakan melainkan pemegang konsesi yang ada ini telah melanggar sebarang terma yang sedia ada atau perjanjian yang sebelumnya yang boleh membawa kepada *event of default* barulah ianya boleh dimasukkan kepada benda baru. Saya mencadangkan perkara itu kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju Yang Berhormat fasal apa, Yang Berhormat Menteri kita kena faham bahawa macam saya kata tadi dalam proses memproseskan air ini adalah satu pelaburan yang cukup besar. Kalau kita tengah dia orang proses dan dia orang ini saya percaya penuh, semua syarikat-syarikat yang ada dalam *list* ini iaitu jadual Seksyen 191 ini perjanjian dengan konsesi air ini, semua mereka ini saya percaya penuh membuat pinjaman bank untuk menjalankan perniagaan mereka. Sudah tentu perjanjian inilah sebagai satu daripada sandaran kepada *facilities* yang hendak diberi oleh bank kepada syarikat itu.

Kalaulah mereka ini terpaksa mengikut arahan baru dan membuat perjanjian baru pula dengan pihak suruhanjaya dan perjanjian itu tidak boleh diterima oleh pihak bank maka sudah tentu bank akan *recall loan* mereka ini. Ini akan menyebabkan syarikat konsesi ataupun syarikat-syarikat yang menswastakan proses air ini menghadapi masalah dan ini akan menyebabkan kegagalan mereka dalam perniagaan.

Oleh yang demikian saya bersetuju dengan cadangan Ketereh iaitu suruhanjaya kena *relax* yang mana sudah diberi, berilah. Hak yang baru ini *okey* ambil apa kelemahan-kelemahan yang dahulu, perkemaskan kepada apa yang akan kita bagi, hak baru-baru ini. Hak lama itu takut, saya bimbang takut kerana kalau kita buat macam itu nanti akan merosakkan perjalanan perniagaan mereka itu, *cash flow* mereka, pinjaman-pinjaman bank dan sebagainya. Ini kita kena jaga suruhanjaya ini kerana macam saya kata prihatin dan bertimbang rasa supaya jangan kita menggunakan kuasa-kuasa yang akhirnya akan merugikan pelabur-pelabur, peniaga-peniaga yang terlibat dalam proses bekalan air ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi hendak bercakap berkenaan dengan pembekalan. Saya berharap apabila Suruhanjaya Air ini ditubuhkan, apakah suruhanjaya ini juga boleh melihat supaya bekalan air kepada masyarakat-masyarakat di kampung ini dapat kita atasi dan selesai. Kerana sekarang ini kita bergantung kepada Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah.

Dalam kawasan saya sendiri pun, baru ini saya pergi Batu Tiga, Jalan Jeniang. Orang-orang kampung Yang di-Pertua, mandi air yang dikorek telaga dalam kawasan kelapa sawit dan baja-baja yang dibubuh kelapa sawit itu masuk...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai, daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, kawan lama. Boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Oo, bagi pihak? Boleh, boleh. Gelugor minta, bila-bila pun saya bagilah. Ini kawan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Yang di-Pertua, ini adalah mengenai menteri, kuasa menteri tidak boleh dijual di dalam mahkamah. Lebih baik seksyen ini dibatalkan kerana apa yang ada diberikan kepada menteri adalah satu kuasa yang luas. Tidak adakah undang-undang di mana umumnya Yang di-Pertua, kuasa mahkamah ada di *ousted* diketepikan. Bagi *habeas corpus* dalam Yang di-Pertua, *The Internal Security Act, Dangerous Drugs Special Provision Act*, ada peruntukan, ada peruntukan di mana bagi hal-hal yang tertentu, *jurisdiction* kuasa mahkamah sudah diketepikan.

Tetapi dalam *habeas corpus* mengenai *habeas corpus* itu boleh disuarakan.dalam mahkamah mengenai prosedur, prosedur yang ada digunakan untuk menahan dan mengeluarkan perintah oleh seorang menteri untuk tahan seseorang. Saya cadang kepada kerajaan untuk meneliti dengan baik seksyen ini. Jika seksyen ini diluluskan, ini jadi satu *precedent*, boleh jadi dalam undang-undang lain peruntukkan seperti ini ada dimasukkan ke dalam undang-undang.

Mahkamah perlu dihormati, adakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju dengan pandangan saya? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor, yang saya bercakap tadi mengenai keadilanlah Berhormat daripada Bukit Gelugor, keadilan. Bermaknanya, ya memang betul kadang-kadang kita memberi kuasa mutlak kepada seseorang itu pun merbahaya kerana mungkin kadang-kadang dia terbawa-bawa tetapi dalam hal-hal tertentu, contoh macam kes keselamatan dalam negara, ini terpaksa kerana untuk menjaga keharmonian, untuk menjaga perpaduan, kita tidak mahu huru-hara dalam negara kita.

Maka kita kena ada sesuatu kuasa kepada menteri supaya kita membendung daripada berlakunya benda-benda yang tidak diingini terutama sekali pasal kita negara yang rapuh kerana kita berbilang kaum, agama dan bangsa. Undang-undang ini bukan untuk mendera orang, bukan untuk menyeksa orang tetapi untuk membolehkan seseorang itu untuk memahami rukun negara kita. Kerana kadang-kadang orang yang berlaku ini, dia tidak memahami rukun negara, dia melanggar, dia lupa kepada perlembagaan, dia lupa kepada rukun negara, dia lupa yang kita ini hidup berpakat, dia lupa yang kita ini hidup berbilang kaum.

Kadang-kadang kita terpaksa. Bukan hendak menganiayai. Tidak ada kerajaan yang adil, yang dipilih oleh rakyat Tuan Yang di-Pertua, sanggup melakukan penganiayaan kepada rakyat, kerana akhirnya rakyat akan menolak kerajaan yang melakukan penganiayaan dan kita alhamdulillah dapat melihat, Bukit Gelugor....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Bahawa Malaysia daripada merdeka sampai sekarang ini Barisan Nasional masih..

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini jawapan Yang Berhormat ke?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini jawapan Yang Berhormat ke?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Jawapan saya bahawa kita perlu berlaku adil kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, ada ramai yang bangun ini..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Kita perlu berlaku adil kerana kedaulatan undang-undang itu harus kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya beri Yang Berhormat bagi Gombaklah kerana Yang Berhormat bagi Gombak daripada tadi bangun. Selepas itu Yang Berhormat bagi Kalabakan, selepas itu Yang Berhormat bagi Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas itu Yang Berhormat boleh gulunglah.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, sahabat saya kerana memberi laluan kepada saya. Saya mohon penjelasan, adakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju kalau kita tahu bahawa yang akan dilantik sebagai Pengerusi SPAN ini dan juga anggota SPAN ini adalah orang-orang yang dikatakan orang berwibawa, orang yang profesional, orang yang telah 'dievaluasi' kelayakan mereka dalam berbagai-bagai kriteria telah di lantik.

Adakah dengan adanya kumpulan ataupun ahli SPAN yang berwibawa ini, kita harus ada menteri mempunyai kuasa mutlak walaupun misal kata sesuatu keputusan itu telah dibuat oleh Suruhanjaya itu sendiri. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya macam ini, saya mengambil keputusan macam ini. Suruhanjaya ini sebagai satu badan menasihati dan Suruhanjaya ini kita letak orang-orang yang seperti Yang Berhormat kata tadi yang berwibawa, yang tidak ada *interest* dan sebagainya dan orang yang jujur. Saya kira menteri harus menerima dan mengambil nasihat daripada Suruhanjaya ini sebelum hendak membuat sesuatu keputusan dan saya mahu Suruhanjaya ini juga dianggotai oleh rakyat biasa, mewakili, supaya mereka ini boleh menyuarakan dan NGO yang tidak keterlaluan.

Kadang-kadang NGO ini pun ada juga yang apa kerajaan buat pun tidak bagus, buat apa pun kerajaan buat pun tidak kena. Ada juga NGO...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kalabakan dahulu.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Assalamualaikum.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ya, waalaikumusalam warahmatullah, silakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saudara Yang Berhormat daripada Jerai, biasanya kalau kita mengeluarkan air, kita ada tiga sistem. Pertama rawatan, kedua pengagihan dan ketiga *billing*. Ini memang banyak masalah. Hanya saya mahu tahu, biasanya semua ini digunakan dalam bandar. Kita mahu tahu sama ada akta ni, penswastan ini akan melibatkan luar bandar, kerana dalam bandar mengambil alih sistem yang ada, ini tidak ada makna kerana dalam bandar memang ada sistem, kita perbaiki. Tetapi luar bandar, adakah ini di bawah penswastan juga? Ini perlu, jadi kita minta kalau boleh, kalau Yang Berhormat bersetuju kita cadangkan supaya penswastan ini melibatkan semua sehingga luar bandar, ke pelosok di mana-mana pun. Itu cadangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai. Berkait dengan bekalan air ke luar bandar ini, saya hendak minta penjelasan bagaimana bekalan air yang telah didirikan oleh masyarakat sendiri. Adakah dia nanti tertakluk di bawah Suruhanjaya ini? Keduanya bekalan air luar bandar yang belum lagi dibuat kerana di kawasan saya sendiri pun ada lagi tempat-tempat yang masih tidak mendapat bekalan air bersih ini.

Adakah selepas ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak akan melaksanakan lagi program bekalan air luar bandar itu, semuanya akan diserahkan kepada pihak Suruhanjaya. Begitu juga dengan peruntukan kewangan untuk menggantikan paip-paip lama yang banyak, yang sekarang ini menjadi satu daripada punca kenapa air terputus bekalan atau pun tidak mendapat air bersih. Begitu juga dengan loji-loji lama, adakah semua akan tertakluk kepada program atau terletak di bawah Suruhanjaya? Mohon penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya tanya sekali Yang Berhormat? Berbalik pada pemegang konsesi tadi Yang Berhormat, tentang apabila suruhanjaya ini ditubuhkan. Apa salahnya kalau boleh menteri ada di sini, dalam sistem baru ini, kita utamakan dahulu syarikat-syarikat yang mendapat konsesi ini kecuali kalau dia melakukan dengan izin, *in the event of default*. Itu pun jangan terus ambil tindakan dahulu Yang di-Pertua, kita panggil dia dahulu, kit tegur dia, kita perbetulkan dia.

Kita bagi dia mungkin nasihat, dia memperbaiki sekiranya ada kelemahan. Tetapi kalau didapati berlaku juga kesalahan, kita utamakan pegangan ini kepada syarikat-syarikat tempatan, kita tak mahu orang luar, orang asing. Tetapi tidak bermaknanya yang kita tidak global. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, ada 10 minit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan Malaysia membuat dasar penswastan bermaknanya kerajaan nak meringankan bebanan dari segi kos. Kerana kita tengok dalam bajet, kos pengurusan melebihi daripada kos pembangunan. Apabila kerajaan menggunakan konsep penswastan, bermaknanya kita alihkan daripada tanggungan kerajaan kepada pihak swasta yang menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab kerajaan, dengan tidak menyusahkan rakyat, dan tidak mengenakan caj-caj yang keterlaluan. Bermakna *win-win situation*, menang-menang. Dan kita berharap prinsip penswastan ini harus dipegang, bermaknanya kalau dah diswastakan kecuali syarikat itu mengkhianati negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi sedang menjawab soalan daripada Larut. Larut tak adalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia ada di luar Tuan Yang di-Pertua, dia dok dengar di luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lima minit, ada lima minit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, lima minit? Jadi penswastan ini adalah untuk menolong rakyat dan meringankan beban kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita hendakkan, apabila kita hendak swastakan sesuatu pastikan bahawa penswastan itu tidak mengkhianati. Saya biasa lihat ada penswastan yang telah mengkhianati kerajaan. Yang telah menghancurkan harapan rakyat, yang telah menjatuhkan imej negara kita apabila kita swasta. Tetapi ini ambillah sebagai iktibar dan

saya minta kepada Suruhanjaya ini supaya berlaku seadil-adilnya dengan tidak menggadaikan hak dan maruah kepentingan negara. Kita jaga apabila orang telah melabur, kita tolong mereka dan mereka pun kena tolong kerajaan dan rakyat. Barulah kita dapat lihat penswastaan ini benar-benar menuju kehendak matlamat kerajaan dan meringankan beban kerajaan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jerai. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jerai tadi bahawa kadang-kadang penswastaan ini boleh menimbulkan pengkhianatan kepada kerajaan, negara dan sebagainya. Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Jerai, sekarang ini kita ada Jabatan Bekalan Air yang menjalankan kerja-kerja pembekalan air ke seluruh negara. Mereka ini terdiri daripada ramai kakitangan, pegawai dan sebagainya yang telah lama bekerja, menjalankan kerja mereka dengan 1001 macam masalah. Saya bimbang apabila SPAN ini diwujudkan nanti, apabila bekalan air diswastakan, apa yang akan terjadi kepada kakitangan-kakitangan yang ada sekarang?

Kerana biasanya kita dengar, apabila sesuatu organisasi diswastakan maka dia mulalah, pengurusan dia mulalah mencari jalan bagaimana nak buang pekerja. Bagaimana nak sack pekerja-pekerja yang selama ini telah bekerja lama menjalankan kerja mereka untuk kepentingan rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu salah satu daripada pengkhianatan, elemen pengkhianatan. Dia tak sepatut, dan orang ini yang bekerja patut diambil dan saya nak mencadangkan juga Suruhanjaya, kalau baru nak mai ni, syarikat baru nak swasta pastikan pekerja-pekerja itu juga adalah pemilik saham kepada syarikat itu.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita tidak mahu jadi kapitalis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Berkait dengan penswastaan ini, pasal saya melihat pengalaman penswastaan Pos Malaysia. Di kawasan saya ada beberapa pejabat pos telah dikecilkan saiznya dan ada tempat yang sepatutnya dibuat pejabat pos, bila tempat itu tak menguntungkan, ditutup dan sebagainya. Saya mengharapkan supaya bila berlaku penswastaan dalam air ini, dia tidak akan pergi kepada tempat-tempat yang menguntungkan sahaja. Kalau di luar bandar, yang agak tidak berapa menguntungkan itu nanti, mereka tidak akan memberi perkhidmatan ataupun memperlahankan perkhidmatan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yalah Yang Berhormat, tadi saya katakan bahawa bila diswastakan itu, *social obligation* ataupun khidmat kepada masyarakat itu harus diteruskan. Saya tengok banyak juga syarikat-syarikat air ini yang telah diswastakan mereka *very efficient*. Berlaku sesuatu turun, pastikan bekalan. Baru ini di Parlimen pun air tak ada, saya ingat minggu sudah. Tapi dalam masa tak sampai sejam, setengah jam kerana *traffic jam*, saya nampak *tanker* masuk di belakang, bekal air kepada Parlimen. Parlimen pun tak ada air, tapi tak apa bekalan mai. Yang di kampung mandi air telaga Tuan Yang di-Pertua.

Saya nak minta apabila diswastakan, keuntungan syarikat ini balikkan sedikit kepada pekerja dan balikkan sedikit kepada rakyat. Walaupun dia bayar cukai keuntungan kepada kerajaan, tetapi bantuan kepada rakyat secara terus oleh syarikat ini juga harus diambil kira, supaya penswastaan ini benar-benar mendatangkan manfaat. Saya sungguh-sungguh berharap, Suruhanjaya Air ini dibentuk semata-mata untuk menjaga keselamatan air kita. Pastikan air kita ini terselamat kerana hari ini kita dapat lihat ditebang habis bukit-

bukau, kawasan-kawasan tadahan air telah tidak ada. Air banjir datang, air itu mengalir, *wasted water*, mengalir tak tentu hala.

Macam Kedah Tuan Yang di-Pertua, Kedah ini kalau kami tebang pokok-pokok kayu balak itu, pendapatan daripada tebang kayu balak itu berbilion-bilion ringgit. Tetapi demi untuk rakyat, kita jadikan kawasan tadahan air, kita tak tebang pokok itu, demi untuk rakyat, kita bagi air percuma kepada Pulau Pinang dan juga kepada Perlis. Demi segala-galanya Kedah berkorban. Saya nak minta kepada kementerian supaya pastikan bahawa dengan pengambilan air ini daripada Kerajaan Pusat, bantu balik Kedah, jangan tak bantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bantu balik Kedah, ya saya nak gulung dah Tuan Yang di-Pertua. Tapi saya pakai seluar, nak gulung macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apalah, gulung seluarlah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Gulung seluar. Bantu negeri Kedah kerana orang Kedah ini orang yang cukup baik, kami ini orang yang cukup sabar. Tetapi janganlah kesabaran kami ini kadang-kadang diambil kesempatan. Tolonglah negeri Kedah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, jiran saya tapi parti pembangkang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Kita tahu di Kedah, terima kasih Jerai, Tuan Yang di-Pertua. Di Kedah kita ada banyak empangan yang membekalkan air untuk petani-petani kita daripada hasil pinjaman bank dunia. Kesannya ialah petani terpaksa membayar cukai tali air, kelmarin pun saya pergi pejabat tanah bayar naik sampai 300%, ada yang tanah naik, itu tidak ada masalah. Apa yang menjadi masalah adalah tentang apabila petani terpaksa membayar cukai tali air dan pekebun getah juga ya, ada ladang getah yang termasuk dalamnya cukai tali air juga walaupun tidak ada tali air.

Apakah pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan memikirkan satu cara untuk membantu balik petani itu supaya cukai tali air ataupun bil air yang akan dikenakan kepada petani yang membayar cukai tali air ini diberi imbuhan ataupun diberi diskaun ataupun bagaimana? Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang Yang Berhormat kerajaan sudah bagi banyak subsidi kepada petani, kepada penoreh getah. Hari ini tengok, Allah Taala ini maha kaya Tuan Yang di-Pertua, harga minyak naik, harga getah pula naik. Jadi, penoreh getah kata alhamdulillah minyak naik 30 sen, getah kami naik sampai RM4, sekerap naik sampai RM2-RM3. Ini kerja tuhan, Dia nak duga mereka. Cuba harga minyak naik, harga getah tidak naik, Allah!....susahlah orang kampung. Terutama sekali kawasan Sik, kawasan Jeniang, orang Langkawi tak apalah dia pulau, ada angin saja, dia tak ada apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, harga getah turun, kalau minyak naik, getah turun. Susahlah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:tidak...tidak...sebab itu minyak naik getah naik, pasal *syntactic rubber* ini akan menjadi tinggi, jadi harga getah naik. Jadi ini hikmah dia. Jadi tak apa Yang Berhormat bagi Pendang, tak apa. Kerajaan ini tidak akan bagi menyusahkan rakyat. Cuma saya hendakkan bila sudah tubuhkan suruhanjaya ini, jangan ada rintihan daripada rakyat pasal air. Jadikan syarikat-syarikat

penswastaan air ini sebagai kawan rakan dengan suruhanjaya untuk menjayakan cita-cita murni kerajaan. Ini yang kita hendak luluskan ni. Saya baca sampai subuh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...supaya yang ini...amanah ni, yang kita hendak luluskan ini. Saya lulus ini, saya sokong ini kalaulah suruhanjaya ini buat tidak kena, dengan suruhanjaya dengan saya di akhirat kelak akan di..... "Apa Yang Berhormat bagi Jerai beri lulus rang undang-undang, kemudian rakyat merana, air tidak ada, paip ada, air tidak ada". Ada dalam kawasan saya tuan Yang di-Pertua, paip ada, air tidak ada buka '*pancuq*' angin keluar, dia kata "aku mahu air bukan mahu angin".

Waktu maghrib nak ambil air sembahyang air tidak ada. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya ini kena tengok. Saya takut Tuan Yang di-Pertua, penswastaan ini yang sudah ada berlaku ini, kata LPN lah dan sebagainya, ia tidak jadi. Kerana apa kepentingan peribadi itu melebihi daripada kepentingan rakyat dan sosial. Insyallah, rang undang-undang ini dijalankan dan saya harap pegawai-pegawai kerajaan kita bermuafakat, kita menjalankan tugas kita ini.

Antara orang politik dengan kerajaan ini kita ini tidak boleh dipisahkan. Ibarat kita berada di dalam satu bahtera yang besar, berlayar ke satu destinasi kejayaan. Biar besar semana ombak mendatang, kapal ini harus berdepan dengan ombak ini untuk menjayakan matlamat kita. Kita kena bersama, tegur-menegur sedikit demi sedikit itu adalah satu kebaikan untuk kita bersama. Kalau saya tegur menteri pun untuk kebaikan, bukan untuk saya. Saya pun guna air, saya pun bayar duit air, bukannya *free*. Begitu juga pegawai, kalau pegawai tegur kita orang politik kita terima, pasal pegawai mentadbirkan, sejak kemerdekaan mereka tadbirkan negara.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Jelaskan sikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam mana baru ini buat Forum Perdana, bagus?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ini nak sebut pasal muafakatlah. Sebab ada perbilangan adat perpatih....., Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya setuju pandangan Yang Berhormat tadi tentang soal bermuafakat tadi. Kerana di tempat saya pertanyaan tadi kita buat Forum Perdana Hal Ehwal Islam, kerana muafakat itu baik, orang politik, pegawai kerajaan, murid sekolah, pengetua, menghasilkan satu kejayaan, sampai lebih kurang enam ribu orang. Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Jerai tadi, bersetuju tidak bahawa muafakat itu berkat? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju, ini sebahagian daripada ajaran agama Islam, bahawa kita kena berpakat. Kalau kita tidak berpakat hancur negara kita. Jadi kita ini sama matlamat kita, orang politik pun untuk rakyat, pegawai kerajaan pun untuk rakyat, kerajaan pun untuk rakyat. Kita bersama-sama, macam saya kata tadi, kalau kita berpakat, bagaimana gelombang yang mendatang pun kita boleh hadapi dengan tidak ada masalah. Cuma yang saya minta keikhlasan, begitu juga NGO-NGO di sini, tolong kerajaan, kalau tidak betul, bawa berjumpa, berdialog, jangan kita memaki hamun kerajaan kerana ini menunjukkan kelemahan negara kita kepada dunia luar. Apa untungnya? Apa untungnya saya memaki hamun kerajaan kerana hendak tunjuk kita hero dalam sesuatu badan NGO.

Apa salahnya kita berjumpa dan berbincang dengan kerajaan, kan lebih baik. Supaya kita dapat diselesaikan dengan elok. Jadi saya hendak nasihati NGO yang ada ini, kita berpakat, sama-sama cuma cara *approach* berbeza. Niat kena betul, jangan kerana kita hendak mengecil-ngecilkan kerajaan, hendak menghina kepimpinan kita, yang itu tidak boleh, kerana rakyat sudah buat keputusan untuk memilih kerajaan, untuk membentuk kerajaan. NGOs bagi saya terbuka untuk menegur dengan cara yang bersopan santun, bukan dengan cara berarak tunjuk perasaan, macam kita lihat di negara lain Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...saya dah nak habis, hendak tunjukkan sikat sahaja sebelum Yang Berhormat bagi Kepong bangkit. Negara lain Hari Buruh tunjuk perasaan, bukan ada pasal tapi di negara kita Alhamdulillah Hari Buruh kerajaan bagi cuti, kita ada himpunan, ketua-ketua bangkit bercakap, ketua-ketua *union* bangkit bercakap, termasuklah minta naik gaji dan sebagainya. Cukup baik, tidak payah tunjuk perasaan, dan kerajaan pun akan timbanglah, kalau kerja baik, prestasi bagus, pengeluaran baik, apa salahnya kita bagi naik gaji. Wakil rakyat tidak apa, tidak payah naik lagi pun tidak apa. Kita wakil rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, macam saya kata dulu ibarat lilin, tidak apa, kadang-kadang dihina pun kita terima, dikata lebih kurang pun kita terima, kerana kita berjuang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...orang perjuangan dia mesti terima ini semua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan syarat kerajaan ataupun suruhanjaya air ini, benar-benar ikhlas dan tidak menganiayai, mengkhianati harapan rakyat dan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

4.48 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang berkaitan dengan Industri Perkhidmatan Air dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita tahu bahawa air adalah teramat penting di dalam kehidupan di dunia ini dan selepas udaralah air yang dikategorikan unsur yang sangat penting untuk kehidupan manusia, tanpa air manusia pun tidak dapat hidup di dunia ini.

Tapi kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membentangkan rang undang-undang ini kerana berdasarkan bahawa negara kita ini menghadapi masalah bekalan air yang bersih dan kita lihat ini sebagai salah satu krisis, dimana kita perlu atasi dengan melalui adanya rang undang-undang. Saya tidak mahu rakyat menganggap bahawa kerajaan cuba menghadapi masalah kekurangan air bersih melalui dengan menghasilkan satu bayi krisis. Seperti contohnya dulu, apabila kita menghadapi masalah tentang kerugian kereta api, kita perbadankan Kereta Api Tanah Melayu (KTM).

Bila ada masalah tentang lalu lintas, masalah pengangkutan, kerajaan memberikan konsesi kepada syarikat lebuhraya. Apabila adanya masalah tentang bekalan elektrik, kita menswastakan lagi tenaga dan sebagainya.

Ini seolah-olahnya kita hanya mengambil langkah untuk menghasilkan bayi krisis, dengan izin *baby crisis....crisis baby* dan oleh itu, saya memang mengharap apabila kita hendak meluluskan Rang Undang-undang berkaitan dengan Industri Perkhidmatan Air dan SPAN ini, kerajaan telah mengambil kira semua pandangan dari semua sudut sebolehnya. Yang penting adalah menjaga kepentingan rakyat jelata, yang khususnya menjadi pengguna tentang bekalan air ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat, sekiranya suruhanjaya ini telah diluluskan dengan mengambil kira pandangan-pandangan, kemungkinan kebimbangan tentang tarif air ini, terutama sekali rakyat luar bandar, akan kenaikan tarif air, dan kalau tarif air ini selalunya.... macam Yang Berhormat sebutkan tadi pasal....apa nama tarif....yang membebaskan ialah pengguna-pengguna. Kalau pengguna-

pengguna dibebankan, akhirnya nanti, kerajaan juga yang akan menanggung segala kerugian yang akan dialami oleh sebab pengguna terutamanya yang selalu membangkitkan, menyuarakan sekiranya tarif air ini dinaikkan ekoran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini diluluskan.

Apakah Yang Berhormat melihat peraturan-peraturan macam kita main bola. Kalau kita main bola, ada peraturan baru, penonton tengok bahawa pemain-pemainnya sudah ada, tiba-tiba mungkin peraturan baru dibuat tiang gol itu berubah. Kita hendak tahu di mana jaringan yang akan disasarkan. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa yang penting penjelasan supaya tidak timbul kebimbangan ekoran Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini diluluskan bahawa rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah akan bimbang tentang tarif kenaikan air ini kerana sampai bila, mungkin mereka hendak tahu bahawa ada satu jaminan daripada kerajaan bahawa tarif ini tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang rintihan rakyat ini. Apabila sesuatu perkhidmatan itu diswastakan, memanglah menjadi kekhuatiran rakyat bahawa tarif akan dinaikkan sewenang-wenangnya oleh syarikat konsesi ataupun pemegang lesen. Dalam hal ini, caj atau bayaran perkhidmatan bekalan air yang akan dikenakan kepada pengguna merupakan perkara yang dikhuatiri oleh semua lapisan masyarakat.

Saya mengambil contoh, syarikat konsesi lebuhraya bertol. Sudah menjadi kebiasaan apabila syarikat mendapat konsesi itu sudah tentu dalam tempoh tertentu syarikat itu dibenarkan untuk membuat kaji semula (*review*) ke atas kadar tersebut dan kerap kali pihak konsesi syarikat akan memberi alasan bahawa ini telah pun ditetapkan dalam perjanjian supaya mereka dibenarkan membuat kajian semula (*review*) ke atas kadar tertentu, maka mereka dibenarkan untuk menaikkan kadar. Oleh itu dalam hal isu perkhidmatan air ini, saya rasa pihak kerajaan perlu memastikan pihak pemegang lesen sentiasa memastikan bekalan air yang disediakan itu berkekalan dan bukan hanya berkekalan sahaja tetapi mereka memberi alasan yang baik untuk menaikkan kadar tarif, maka syarikat-syarikat yang mendapat lesen itu haruslah dikehendaki mengemukakan rancangan perniagaan boleh pinda, dengan izin *rolling plan*, bagi tempoh setiap tiga atau lima tahun dan *rolling plan* itu haruslah dibuka untuk tatapan rakyat.

Pada pandangan saya, selepas *rolling plan* itu dikemukakan dan dilaksanakan dan menampakkan hasilnya, barulah kerajaan membenarkan syarikat pemegang lesen itu menaikkan tarif. Saya rasa itulah satu langkah yang mungkin boleh ditimbang oleh pihak kerajaan dalam hal ini. Kalau tidak, syarikat pemegang lesen akan sewenang-wenangnya menaikkan tarif kerana adanya klausa-klausa yang tersirat dalam perjanjian maka kerajaan dipegang oleh pihak konsesi untuk membenarkan mereka menaikkan kadar tarif air tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan tentang perbincangan saya berkaitan dengan kepentingan rakyat dan juga perlindungan pengguna seperti mana yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini. Oleh sebab pelbagai masalah yang timbul dalam isu bekalan air dan rang undang-undang ini, menteri telah menekankan bahawa kerajaan memang mengambil berat tentang kepentingan rakyat dan pelindung pengguna. Dengan itu bagi rakyat biasa apa yang mereka harapkan ialah mereka akan sentiasa mendapat perkhidmatan bekalan air yang berterusan dan bekalan air yang dibekalkan itu adalah bersih dan selamat digunakan oleh mereka termasuk kita juga.

Dalam hal ini juga, pihak pemegang lesen diberi hak untuk membuat kutipan selepas mereka mendapat lesen. Mereka juga berhak memotong bekalan air sekiranya pengguna tidak membayar bil dan pengguna juga akan dihadapkan dan disaman ke mahkamah sekiranya mereka membuat pemasangan (*connection*) paip-paip air untuk mendapatkan air itu. Inilah hak yang telah diberikan kepada pemegang lesen. Dengan ini merupakan hak (*rights*) yang diberi secara langsung kepada pemegang lesen terhadap pengguna.

Dengan itu saya rasa adalah kurang adil sekiranya pengguna tidak diberi kuasa atau hak yang sama ataupun yang dikenali sebagai hak *statutory*, hak berkanun untuk

menuntut pampasan secara langsung daripada pemegang lesen. Dalam hal ini, orang awam perlu mempunyai hak untuk mendapatkan pampasan sekiranya pemegang lesen gagal untuk mematuhi undang-undang yang mewajibkan mereka mengikutinya sepanjang masa. Bagi saya, apabila pengguna diberi hak untuk menuntut ganti rugi daripada pemegang lesen, maka secara tidak langsung pengguna dapat membantu kerajaan secara efektif untuk meneliti dan memastikan kesempurnaan pembekalan air yang memberi manfaat kepada seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sekiranya pemegang lesen tidak mematuhi undang-undang, maka pemegang lesen boleh dikenakan hukuman denda sebanyak RM300,000 ataupun dipenjarakan tiga tahun. Memang ada banyak peruntukan seperti mana yang telah dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Persoalannya ialah bagaimana hukuman denda, hukuman penjara itu dapat dilaksanakan kepada pemegang lesen kerana pemegang lesen adalah satu badan atau syarikat, bagaimanakah kita hendak penjarakan sebuah syarikat?

Oleh itu saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimanakah undang-undang ini dikuatkuasakan kepada pemegang lesen tersebut. Kalau boleh saya hendak mencadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dalam peruntukan *Security Industry Act* di mana adanya proviso ataupun klausa yang menyatakan bahawa jika ada hukuman terhadap syarikat yang melanggar undang-undang, maka pihak pengarah syarikat tersebut boleh dihukum.

Adalah menjadi matlamat rang undang-undang ini bahawa pemegang lesen mempunyai tanggungjawab dan hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan, dan jika melanggar undang-undang dalam hal ini iaitu mengawal selia dan memberi perkhidmatan bekalan air, sekiranya mereka melanggar undang-undang boleh dihukum denda dan penjara. Tetapi hukuman denda dan penjara ini tidak khusus. Saya rasa ia kurang berkesan untuk meringankan beban pengguna. Saya berikan contoh, jika pemegang lesen telah cuai dalam memberi perkhidmatan bekalan air dan telah menyebabkan air tercemar, air tidak boleh diminum oleh pengguna, kanak-kanak telah dimasukkan ke hospital kerana air yang diminum tidak bersih, memang kerajaan boleh mendenda, mendakwa syarikat itu dengan mengenakan denda/pampasan kepada pihak kerajaan tetapi bagaimanakah pengguna yang teraniaya kerana tidak dapat menggunakan air yang bersih maka mereka terpaksa membeli *mineral water*? Bil perubatan anak-anak mereka siapa yang hendak tanggung?

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini pengguna mesti diberi hak berkanun untuk menuntut pampasan daripada pemegang lesen. Itulah yang saya hendak tanya, bagaimanakah perkara yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian apabila kita meluluskan rang undang-undang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya terlupa tentang *billing* ini. Bolehkah kerajaan memastikan bahawa ataupun jangan dinaikkan harga air itu sewenang-wenangnya. Kita tengok macam contohnya, TNB. Ia mengalami kerugian disebabkan oleh IPP mendapat keuntungan yang besar.

Saya tidak tahu sama ada Perunding Cara di antara IPP dengan TNB dan kerajaan akan dapat menyelesaikan supaya rakyat kita tidak mahu rakyat menanggung kesusahan. Nanti bil tak bayar, orang kampung pun yang bil airnya RM5 atau RM6 pun tidak bayar dipotong dan sebagainya. Maksud saya di sini pastikan bahawa kos-kos penyelenggaraan air ini tidak dibebankan kepada rakyat kerana kita takut suatu hari nanti ini Suruhanjaya Air kena monitor bagi eloklah. Keadilan dari segi bil-bil supaya jangan kita *transfer* kepada rakyat untuk membayar segala kos-kos yang mendatang pada masa yang akan datang. Kita tidak mahu suatu hari nanti anak cucu kita marah kita. Ini bermakna jangan rakyat menanggung kesusahan dari segi apa jua yang dilakukan oleh kerajaan. Ini yang saya minta perlukan supaya rakyat dipelihara dengan tidak membebankan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sememangnya inilah tanggungjawab kerajaan untuk membela nasib dan hak rakyat dalam negara kita ini dan kita tidak mahu melihat kerajaan dituduh tidak melakukan keadilan sekiranya hanya membenarkan pemegang lesen memotong air, saman pengguna ke Mahkamah, melarang pengguna membuat penyambung air dan sebagainya. Pemegang lesen tidak dituntut pampasan tidak dibenarkan menuntut pampasan oleh pengguna. Dan saya rasa pengguna perlu diberi hak dalam hal ini kerana penggunalah yang membayar bil terus kepada pemegang lesen dalam hal ini.

Saya hendak petik contoh di Amerika Syarikat, apabila ada kelemahan-kelemahan dalam kes tersebut bukan sahaja pengguna ada hak secara langsung atau hak secara *direct* terhadap pemegang lesen tetapi juga kepada penguat kuasa. Sekiranya penguat kuasa gagal menghukum pemegang lesen dengan hukuman yang sewajarnya pengguna di Amerika Syarikat boleh mendakwa kerajaan, boleh mendakwa penguat kuasa. Sekiranya dengan izin, *the regulator fail to penalize service provided adequately*, pengguna boleh mendakwa juga pihak kerajaan, pihak penguat kuasa.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kelana bagi Jaya. Saya hendak bertanya di sini dari segi hak pengguna, bila air terputus bekalan dan sebagainya pengguna menanggung bebannya. Tetapi bagaimana pula bila lambat bayar, pengguna menanggung beban. Bila air terputus bekalan dan sebagainya adakah pengguna boleh menuntut ganti rugi daripada pihak pembekal?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Memang adalah tidak adil bagi pemegang lesen mengambil kesempatan ke atas pengguna sahaja kepada pengguna. Ini kerana bayaran seperti yang saya sebutkan, bayaran oleh pihak pengguna akan dibuat terus kepada pemegang lesen. Tetapi saya perhatikan dalam Rang Undang-undang ini tidak ada hak langsung oleh pengguna untuk menuntut ganti rugi terus kepada pemegang lesen dan ini kurang adil. Pihak pemegang lesen ada ramai kakitangan.

Untuk seorang pengguna melawan dengan sebuah syarikat besar amat sukar pengguna-pengguna orang biasa ini mereka hendak mencari makan juga dan perlu bekerja tetapi ini syarikat besar bila mereka saman seorang pengguna mereka membayar peguam untuk mengambil tindakan kepada pengguna. Ini tidak ada masalah. Maka saya rasa dalam hal ini kita boleh membenarkan pemegang lesen mengambil kesempatan atas pengguna dan tidak boleh menindas pengguna dalam hal ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai pengguna tadi, oleh kerana kalau pembekal mereka mempunyai kuasa dan fasiliti yang cukup berbanding dengan pengguna. Ada kemungkinan kalau tidak ditubuhkan Tribunal Pengguna Air ataupun Tribunal Pengguna Dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri memperluaskan skopnya termasuk dalam hal-hal bekalan air. Minta penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, saya rasa itu satu cadangan yang baik. Sekiranya tuntutan pengguna itu dapat ditentukan oleh Mahkamah Perundangan ataupun ditentukan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna. Terima kasih di atas cadangan tersebut dan saya minta pihak menteri dapat beri penjelasan di atas cadangan tersebut.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, silakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat, saya setuju penuh pada pandangan Yang Berhormat ini bahawa jika seseorang pengguna ada apa-apa yang tidak dibuat atau pelesen itu gagal atau cuai sepatutnya pengguna diberi

pampasan. Saya setuju setakat itu. Adakah Yang Berhormat setuju pada pandangan saya bahawa ini semua patut menjadi satu undang-undang dan patut ada dalam rang undang-undang ini dan jika demikian adakah Yang Berhormat akan bersetuju bahawa pindaan-pindaan kepada rang undang-undang patut dibuat oleh kementerian supaya merangkumi dan semua pihak pengguna dapat diambil kira dalam hal ini.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya rasa bukannya saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tetapi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sendiri yang bersetuju dengan saya. Sekiranya Yang Berhormat merujuk balik kepada perbahasan saya pada tarikh 15 Mac tahun ini semasa saya menyokong usul menjunjung Titah Kasih Diraja di mana saya telah mengemukakan perkara ini. Saya telah timbulkan lebih awal daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang agak penting dalam hal ini untuk kepentingan pengguna dan perlindungan pengguna ialah tentang kualiti air yang dibekalkan itu dan sememangnya menjadi tanggungjawab pihak pemegang lesen untuk memastikan air yang dibekalkan untuk kegunaan rakyat adalah bersih dan selamat diminum. Oleh itu, sekiranya dan saya hendak minta supaya atau bagaimanakah kerajaan dapat memastikan adanya standard kualiti air yang paling minimum ditentukan dalam rang undang-undang ini supaya semua rakyat jelas tentang kualiti air dalam negara kita.

Saya hendak petik satu contoh lagi Tuan Yang di-Pertua, bahawa di negara-negara lain adanya peruntukan undang-undang yang sangat spesifik menyatakan tentang keselamatan air itu. Seperti contohnya saya petik lagi di Amerika Syarikat di mana ada dua undang-undang berkaitan dengan keselamatan air. Yang pertamanya ialah dengan izin *Safe Drinking Water Act (SDWA)* Akta Air Minuman Yang Selamat.

Di dalam Akta Air Minuman Yang Selamat itu apabila diwujudkan pada tahun 1974 telah menyatakan kualiti air yang paling minimum dan menyatakan unsur-unsur kandungan dalam air itu berapa jenisnya. Pada masa itu hanya ditentukan 25 jenis unsur kandungan dalam air yang dianggap mesti adanya yang terkandung dalam air yang selamat diminum kadar kandungan air itu.

Apabila sampai tahun 1986 daripada 25 jenis unsur kandungan air itu telah ditingkatkan kepada 80 jenis *contaminants*. Oleh itu, di situ jelas bahawa di dalam *Safe Drinking Water Act* itu telah menetapkan kadar kualiti air yang paling minimum yang sangat jelas kepada rakyat. Selain daripada itu juga, ada juga satu akta yang dipanggil sebagai *Clean Water Act* (Akta Air Bersih) yang telah memberi keyakinan kepada rakyat.

Oleh itu saya hendak minta kementerian supaya apakah pihak kerajaan boleh mengkaji kemungkinan kita mengguna pakai cara-cara yang telah diperuntukkan dalam *Safe Drinking Water Act* dan *Clean Water Act* yang diperkenalkan di Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang maju.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya minat dengar apa Yang Berhormat sebut tentang ... saya tak tahu sama ada *Drinking Water Act* atau *Clean Water Act* ini adakah akta yang sama. Oleh kerana air yang bersih untuk minuman ini memerlukan rawatan yang lebih terperinci daripada air yang kita gunakan untuk siraman, cucian dan juga selain daripada makanan dan minuman.

Adakah kemungkinan ini boleh berlaku di mana kita ada dua jenis air yang mempunyai tarif yang berbeza ataupun mungkin dua sistem paip yang berbeza. Satu menyediakan air selain daripada makanan dan minuman dan satu lagi paip menyediakan air yang bersih dan sihat untuk diminum dan dimakan. Ada tak kemungkinan itu berlaku dan boleh tak Yang Berhormat minta untuk kementerian mengkaji kebarangkalian ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya minta apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu dimasukkan dalam ucapan saya kerana akta air bersih itu dan akta air minuman yang selamat itu adalah dua akta yang berlainan dan saya rasa sebagai sebuah negara yang ingin maju perlulah menggunakan pakai apa sahaja yang baik dari negara lain. Yang tidak baik itu kita tidak perlu tirulah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu ialah kita lihat di negara-negara tertentu, kita juga mengharapkan, apabila kita buka paip air sahaja, kita juga hendak minum air yang bersih dan tidak payah masak lagi air. Itu setakat dan tahap kemajuan yang boleh dicapai di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang ingin saya hendak bangkitkan pada hari ini ialah tentang Kumpulan Wang Industri Air seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam rang undang-undang ini. Sememangnya dalam Kumpulan Wang Industri Air ini adalah untuk melindungi dan boleh digunakan serta memulihara arus air dan kawasan tadahan air. Ia menjadi harapan kita supaya semua kawasan sumber air ini dapat di jaga dengan baik supaya kita dapat memastikan kita mendapat bekalan air yang berterusan. Selain daripada perlindungan dan pemulihan arus air dan kawasan tadahan air, saya juga hendak melihat bagaimana kerajaan dapat memastikan kos-kos infrastruktur tidak akan menjadi beban kepada rakyat.

Saya hendak melihat sekiranya boleh bagaimana kementerian dapat memastikan Kumpulan Wang Industri Air ini boleh digunakan untuk menanggung segala kos penggantian paip air kerana setahu saya program penggantian paip itu menelan perbelanjaan yang sangat tinggi hanya saya memberi contoh di negeri Selangor sahaja, apabila syarikat SYABAS menggantikan paip air tahun lepas iaitu tahun 2005 untuk menggantikan paip air sepanjang 835 kilometer telah menelan perbelanjaan sebanyak RM272 juta. Yang dianggarkan sepanjang konsesi syarikat Syabas untuk menggantikan paip air, mereka memerlukan lebih kurang RM2 bilion untuk menggantikan keseluruhan 6,000 kilometer paip. I

Ini hanya berlaku di negeri Selangor sahaja, apakah di seluruh negara berapa panjang paip yang perlu digantikan dan dengan itu, inilah kekhuatiran saya supaya kos penggantian paip air ini tidak akan dipindah kepada pengguna jika kita meluluskan rang undang-undang ini dan dilantik pula syarikat konsesi dan syarikat konsesi apabila menjalankan penggantian paip maka semua kos ini adalah dipindahkan kepada pengguna dengan menaikkan tarif air.

Itulah perkara yang saya ingin bangkitkan dalam hal ini supaya minta Yang Berhormat Menteri dan kerajaan dapat meneliti perkara ini supaya kita benar-benar mengutamakan kepentingan rakyat apabila meluluskan Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara kita ini.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya juga khuatir tentang kos penggantian paip ini kalau ditanggung oleh pihak operator ini dia akan menyerahkan kos ini kepada pengguna. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kos pembinaan penggantian paip yang rosak ini ditanggung atau dibiayai oleh pihak kerajaan bukan pihak konsesi. Macam mana nasihat dan pandangan Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Saya tidak mengatakan bahawa keseluruhan kos itu harus ditanggung oleh kerajaan dan apakah yang saya ingin cadangkan ialah supaya kerajaan dapat memikirkan untuk menggunakan sebahagian Kumpulan Wang Industri Air itu digunakan untuk menggantikan paip maka syarikat konsesi yang mendapat lesen untuk memberi bekalan perkhidmatan air sudah tentu mereka dapat dan telah pun membuat kajian *accounting* dan membuat pengiraan untuk memastikan mereka akan dapat keuntungan dan *the other* syarikat membuat tender untuk mendapatkan konsesi itu akan menjangkakan mereka akan

menghadapi kerugian, tidak ada syarikat hendak menyertai sebarang perusahaan itu kerana hendak menanggung kerugian, tidak ada, *so they have already calculated the cost*.

Dengan itu saya rasa kos itu haruslah ditanggung oleh syarikat itu sendiri dan dengan adanya *sinking fund* dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja yang saya hendak bentangkan dalam hal ini dan lain-lain itu kerana banyak yang telah dikatakan oleh kawan-kawan, itu sahaja sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis.

5.16 ptg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan hari ini. Walaupun dalam usaha hendak menyokong ini ada beberapa perkara yang saya rasa perlu dipertikaikan oleh pihak kementerian. Yang pertama sekali ialah kuasa menteri, bagi saya klausa yang ada dalam rang undang-undang ini agak luar biasa berbanding dengan akta-akta lain dalam negara ini kerana frasa yang menyatakan menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota suruhanjaya tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu tidak mencerminkan integriti dan sifat pertanggungjawaban Suruhanjaya.

Ingin ditegaskan di sini bahawa air merupakan hak asasi setiap pengguna maka tidak ada seorang individu yang boleh mengawal Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara serta industri air di negara kita ini secara yang sedemikian. Selain daripada itu kalau kita lihat pula dari segi tanggungjawab suruhanjaya kepada menteri yang memasuki kuasa menteri adalah lebih besar daripada kuasa suruhanjaya.

Begitu juga saya hendak menengok di sini ialah subseksyen 5 di dalam Seksyen 56 dia mengatakan secara khusus bahawa keputusan perintah dan arah menteri dalam melaksanakan kuasanya di bawah seksyen ini adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dan dirayu semula dan dikaji semula, dibatalkan dan dipertikaikan oleh di mana-mana mahkamah. Bagi saya ini merupakan peruntukan yang keterlaluan kerana ia membolehkan menteri bertindak secara sewenang-wenangnya dan membuat keputusan secara sehalu tentang industri air. Kita bernasib baik mungkin pada kali ini kita mendapat menteri yang bagus macam menteri yang kita ada tetapi manalah tahu nanti tiba-tiba ada menteri yang boleh menjadi bermaharajalela dan sebagainya dia menggunakan *clause* ini. Saya percaya bahawa menteri yang ada sekarang niatnya baik tetapi kita kena pertimbangkan balik *clause* ini.

Dalam pada itu, air juga merupakan saya katakan tadi sebagai hak keperluan asas manusia....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ya, sila.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, Yang Berhormat Lipis terima kasih. Tentang kuasa menteri itu ialah merupakan satu kebimbangan apabila kuasanya terlalu besar dan terlalu luas. Sesuatu yang dibimbangkan oleh rakan-rakan kita dalam kita membicarakan tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini adalah tentang pengaruh luar dan juga WTO dan juga agensi-agensi luar negara itu. Apakah kiranya mekanisme yang ada di situ untuk membendung daripada terlepasnya hak-hak nasional kepentingan negara terutama air ini kepada kuasa-kuasa luar itu.

Apakah cadangan Yang Berhormat tentang perkara itu dan hendak memastikan kuasa itu ada untuk memastikan ia tidak 'menggadai' misalnya, ataupun menjual ataupun memberi laluan yang mudah kepada pemilikan agensi-agensi luar. Sebab maklum sahajalah dalam dunia tanpa sempadan dengan pengaliran modal dalam dunia global ini dengan WTO yang semakin gagah perkasa, *guards* dan serba macam lagi itu

mbolehkan mereka menyerap masuk terutamanya apabila diapungkan di pasaran terbuka. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Bagi saya perkara ini memang kita kena beri perhatian dan saya mencadangkan supaya SPAN sebagai badan pengawal memasukkan juga nanti dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air, klausa-klausa yang memastikan bahawa industri air ini tidak terlepas ke tangan orang luar.

Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu itu bolehlah dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Kalau kita lihat saya katakan sekali lagi tadi air merupakan keperluan asas manusia. Oleh itu, dirasakan bahawa peruntukan ini peruntukan yang mengatakan bahawa semua kuasa menteri itu tidak boleh dicabar bagi saya adalah tidak wajar kerana ia memberi kuasa kepada seorang individu yang mempunyai kuasa yang besar dalam industri air. Apa yang saya fikirkan di sini sepatutnya Kabinetlah yang sewajarnya yang memantau tindakan menteri dan memutuskan bukan menteri tapi Kabinetlah yang memutuskan tindakan menteri dan juga suruhanjaya perkhidmatan air.

Selanjutnya saya hendak melihat tentang terdapat peruntukan mengecualikan pemegang lesen daripada dipertanggungjawabkan terhadap tindakan mereka yang menyebabkan berlakunya kerosakan akibat daripada tindakan pemberhentian perkhidmatan, pengurangan dan penamatan bekalan air. Bagi saya juga ini adalah seksyen yang berat sebelah kerana kalau mengutip, saya rasa dalam klaus ini ada juga dikatakan kalau hendak memotong bekalan air cepat notisnya tapi bila berlaku hal-hal kerosakan ataupun pengurangan disebabkan oleh industri, dia tidak bertanggungjawab pula.

Perkara ini saya rasa terjadi juga dalam kalau kita lihat dalam industri elektrik di mana apabila terputus bekalan industri atau pengguna-pengguna menanggung kerugian tetapi mereka tidak boleh menuntut ganti rugi daripada pihak pembekal tenaga. Saya rasa perkara ini berlaku juga nampaknya ada sekali lagi dalam air dan pastilah saya rasa perkara ini perlu dikaji semula kerana banyak kilang dan sebagainya yang mempunyai yang saya katakan sebagai *water base related industry* contohnya kilang mencanai dan sebagainya. Kalau tidak ada air mereka tidak boleh menjalankan kegiatan perniagaan mereka. Yang ini perlu juga dilihat dan sebagainya.

Begitu juga dalam Seksyen 90 peruntukan ini mengatakan bahawa pemegang lesen pengagihan air yang juga diberikan lesen menyediakan perkhidmatan pembedaan boleh menggunakan kuasanya walaupun terdapat pertikaian di antara pemegang lesen dengan pengguna.

Keadaan ini menunjukkan pemberian kuasa yang luas kepada pemegang lesen untuk mengenakan caj kepada pengguna sewenang-wenangnya dan keadaan ini akan menimbulkan kesan yang besar kepada pengguna terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar ataupun juga kawasan bandar yang mempunyai pendapatan yang rendah. Jadi saya mohon menteri supaya mengkaji semula klausa-klausa itu.

Berikutnya saya hendak masuk kepada pemberhentian bekalan air. Kalau kita tengok keseluruhan peruntukan dalam Seksyen 89 menjadikan air sama seperti komuniti yang lain, hendaklah dipinda kerana ianya sebenarnya air ini menjurus kepada pendekatan sosial. Ini kerana kerangka masa yang diberikan kepada pengguna untuk menjelaskan jumlah bil mereka yang tertunggak hendaklah dipinda daripada sekarang 14 hari kepada 45 hari. Saya minta 45 hari kerana melihat kebanyakan pengguna di Malaysia terdiri daripada golongan yang berpendapatan pertengahan ataupun pendapatan rendah dan mereka ini sebenarnya bergantung kepada pendapatan bulanan untuk menyara kehidupan mereka.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jangka masa pendapatan bulanan adalah antara satu bulan ke satu bulan. Dengan tambahan kelonggaran masa sebanyak 15 hari menjadikan semuanya 45 hari. Perlulah dipertimbangkan bukan seperti yang ada di dalam klausa itu sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okay, sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada mengapa Yang Berhormat memilih 45 hari. Apakah rasionalnya? Bukankah lebih baik kalau kita pilih tiga bulan ataupun dua bulan. Apakah rasionalnya, yang pertama. Yang kedua, tadi Yang Berhormat mengatakan kuasa menteri itu terlalu luas, terlalu besar.

Saya setuju terlalu besar dan menteri pun menurut penjelasan Yang Berhormat Dato Seri pagi ini, beliau mengatakan ia tertakluk kepada jemaah kabinet dan ini bermakna rang undang-undang ini apabila diluluskan menjadi akta tertakluk kepada Kabinet tertakluk kepada menteri dan saya pun hairanlah macam mana rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana itulah yang kita harapkan kesempurnaan pelaksanaan akta ini.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya sebenarnya meletakkan 45 hari kerana bagi saya, saya percaya bahawa 30 hari pengguna dapat gaji. Selepas itu dia ada peluang 15 hari setelah menyelesaikannya baru dia bayar. Kita juga hendak beri keadilan kepada kedua-dua belah pihak. Kalau dua bulan nanti semua industri yang jadi pembekal air pula dia tidak dapat hendak mengutip cukai ataupun bayaran hasil air itu boleh menyebabkan mereka pula menjadi bankrap. Kita hendak beri keadilan kepada kedua-dua belah pihak.

Saya rasa soalan yang kedua itu mekanisme bagi hendak mengawal kuasa menteri itu satu memang terletak pada Kabinet tapi bagi saya suruhanjaya itu apabila dilantik apabila mereka ada percanggahan dengan menteri hendak buang dan sebagainya mesti ada satu mekanisme lain yang perlu ada. Bukan menteri boleh membuang ahli suruhanjaya secara sewenang-wenang. Suruhanjaya juga boleh menjadi sebagai penimbang kepada kuasa menteri. Sepatutnya begitu.

Saya hendak sambung tadi bagi saya dalam pada itu tempoh masa notis 14 hari yang diberikan kepada pengguna untuk menjelaskan air hendaklah dilanjutkan kepada 30 hari dan ini masa yang mencukupi seperti yang telah kita katakan tadi. Selepas itu jangka masa penyambungan semula bekalan ialah selama tiga hari. Bagi saya ini pun tidak adil kerana kita bagi tempoh cepat tapi bila hendak sambung lambat. Tiga hari baru kita hendak sambung.

Memandangkan air merupakan keperluan asas penyambungan semula perlu dilakukan segera dalam tempoh 24 jam sepatutnya selepas bayaran dijelaskan. Bukanlah selama tiga hari termasuk hari cuti. Saya bimbang pula dalam itu bila tiga hari ditakrifkan tiga hari bekerja. Kalau kena cuti lima hari campur tiga hari bekerja sudah lapan hari. Jadi apa yang kita harapkan ialah 24 jam tidak kira sama ada hari cuti ataupun hari bekerja daripada tarikh yang dibayar.

Oleh itu perlu diadakan satu subseksyen supaya tidak membenarkan sebarang pemberhentian bekalan semasa hari cuti, hari minggu, cuti umum dan musim perayaan. Itu mesti ada sebab bagi saya kadang-kadang dekat dengan musim perayaan masa itulah hendak dipotong air.

Bagi saya itu satu penganiayaan kerana bagi saya yang ini yang akan menjadi mangsanya ialah mereka yang berpendapatan rendah dan kalau kita lihat di negara-negara lain seperti di United Kingdom, Belgium dan sebagainya mereka tidak ada mengamalkan tindakan memberhentikan bekalan air atau memotong bekalan air ini. Ini diambil kerana mereka telah menetapkan bahawa air merupakan hak asasi manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi pilihan Yang Berhormat hendak gulung habiskan atau hendak sambung esok.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sambung esok.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.